



UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS



العلوم

MAJALAH AL-ULUM
PUSAT ISLAM UniMAP

"Sesungguhnya kelembutan itu tidak akan berada pada sesuatu melainkan ia akan menghiasinya. Sebaliknya, jika kelembutan itu dicabut dari sesuatu, melainkan ia akan membuatnya menjadi buruk."

[HR Muslim]



**Perkahwinan
Jarak Jauh :
Menguji Cinta
Dan Rindu**



**Temubual Eksklusif
Bersama Mantan
Pengarah Pusat Islam
Ustaz Haji Hassan
Bin Haji Arshad**



**Aplikasi Mudah Alih
Bermanfaat
Untuk Pengembara
Muslim**



**Bercinta
Selepas Nikah :
Realiti Atau
Fantasi ?**



**Panduan
Membawa
Kanak-kanak
Ke Masjid**

ISSN 2636-9990



9 772636 999003

Sidang Redaksi

MAJALAH AL-ULUM PUSAT ISLAM UNIMAP

PENAUNG

Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal
Naib Canselor UniMAP

PENASIHAT

Prof. Madya Dr. Shuhairimi bin Abdullah
Pengarah Pusat Islam UniMAP

KETUA EDITOR

Muhammad Adib bin Haji Hassan

العلوم



EDITOR

Mohd Fikri Aiman bin Mohd Zulkefli
Nasrul bin Che Ali
Nor Khairina bt. Hassan
Nurhanisah bt. Shukeri
Normalia bt. Ahmad

JURUFOTO

Pusat Islam
Unit Komunikasi Korporat UniMAP

ILLUSTRASI MAJALAH

Ayu Hidayah bt. Ekhlis
Unit Komunikasi Korporat UniMAP

EDARAN DAN PROMOSI

Mohd Rolfaizal b. Rodi

TUGAS-TUGAS KHAS

Marfaiza bt. Mohamad
Milazita bt. Abd Wahab

“

Minta air pasti akan dapat
cawannya sekali.
Tapi kalau minta cawan
belum tentu dapat airnya.

Begitulah bila kita cari
akhirat pasti akan dapat
dunia sekali.
Tapi kalau kita cari dunia
belum tentu kita akan
dapat akhirat. ”



*Aku tinggalkan
dua perkara yang jika
kamu mahu berpegang teguh
dengan keduanya maka
kamu tidak akan pernah
tersesat selama-lamanya,
iaitu kitabullah (al-Qur'an)
dan sunnah rasul-Nya
(hadis)*

KANDUNGAN

04 Aplikasi
Mudah Alih
Bermanfaat
Untuk Pengembara
Muslim

16 Konsep Jenayah
Perzinaan Secara
Paksa
(Zina Bi al-Ikrah)
Iaitu Rogol
Menurut
Undang-undang
Islam

37 Takwim
Hijrah

44 Ramadan
al-Karim:
Satu
Pentarbiahan
Jiwa

50 Kebaikan Mengajar
dan Memperkenalkan
Ayat-Ayat Al-Qur'an
kepada Kanak-kanak

02 Kalam
Editor

08 Bercantik

30 Konsep
Al-khizy
Menurut
Ahli Sunnah
Wal Jamaah:
Faktor Dan
Langkah
Mengatasinya

26 Aktiviti

52 Peranan
Wakaf
di Institusi
Pendidikan

57 Perbezaan
Zakat Dan
Wakaf

03 Kalam
NC

13 Bercinta
Selepas
Nikah :
Realiti
Atau Fantasi?

38 Temubual
Eksklusif –
Bersama
Mantan
Pengarah
Pusat Islam
Ustaz Haji
Hassan Bin
Haji Arshad

40 Perkahwinan
Jarak Jauh :
Menguji
Cinta Dan
Rindu

48 Panduan
Membawa
Kanak-kanak
Ke Masjid

Kalam Pengarah

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita merafak kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah s.w.t di atas izinNya maka majalah al-Ulum berjaya diterbitkan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Pengurusan Tertinggi UniMAP yang sentiasa memberi sokongan.

Tahniah diucapkan kepada sidang redaksi majalah al-Ulum atas kejayaan menerbitkan majalah sulung ini. Sesungguhnya, majalah ini diharapkan dapat menjadi sebahagian daripada medium penyebaran ilmu khususnya berkaitan isu-isu semasa yang merangkumi skop Fardu Ain dan Fardu Kifayah.

Sehubungan dengan itu, ucapan terima kasih juga diucapkan

kepada para penyumbang artikel yang terdiri daripada staf Pusat Islam sendiri dan juga sumbangan daripada penulis dalaman dan luar UniMAP.

Semoga isu-isu pencerahan dalam majalah ini dapat menjadi santapan rohani dan minda kepada para pembaca warga UniMAP dan masyarakat luar amnya.

Dengan langkah permulaan ini, adalah diharapkan unit penerbitan Pusat Islam UniMAP akan mengorak langkah ke hadapan secara proaktif untuk menghasilkan pelbagai lagi siri penulisan ilmiah pada masa akan datang.

Majalah al-Ulum juga menghimpunkan rakaman dan catatan sepanjang tahun program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam.

Akhir kata, semoga penerbitan malalah al-Ulum ini mendapat keredhaan daripada Allah s.w.t dan mudah-mudahan beroleh keberkatan di dunia dan akhirat.

Sekian, wassalam.

**"LIMAU MANIS DIMAKAN MANIS"
"MANIS SEKALI RASA ISINYA"
"DILIHAT MANIS DIPANDANG
MANIS"
"MANIS SEKALI HATI BUDINYA"**

**PROF. MADYA DR. SHUHAIRIMI
ABDULLAH**

Pengarah Pusat Islam
Universiti Malaysia Perlis

Kalam Editor

Assalamualaikum Wrt Wbt dan Salam Sejahtera

Tahun 2018 bakal melabuhkan tirainya. Usia Pusat Islam telahpun mencecah 17 tahun sama usia penubuhan UniMAP. Dalam usia remaja begini kebiasaan pelbagai rintangan sudah menguji seorang hambanya untuk lebih dekat kepada Sang Pencipta Rabbul Jalil. Syukur alhamdulillah segalanya dihadapi dengan penuh rasa keimanan dan keinsafan. Sungguh diri ini bersyukur dengan penerbitan sulung majalah al-Ulum yang dirancang dengan teliti. Benar kata pepatah, jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Satu analogi yang jarang diaplikasikan. Berbekalkan semangat inilah ahli-ahli sidang redaksi bertungkus lumus menjayakannya.

Majalah ini sudah dilancarkan sempena Sambutan Maal Hijrah

peringkat UniMAP oleh YBhg. Naib Canselor. Sudah pastinya penerbitan sulung ini dinantikan edisi cetak dan akan dinilai dengan penuh minat oleh warga kampus. Apa yang mampu kami sajikan adalah manfaat ilmiah. Walaupun ianya cetakan terhad tetapi kami juga menyediakan Ebook untuk bahan bacaan mudah di zaman kini yang boleh didapati dari laman web rasmi Pusat Islam UniMAP.

Majalah al-Ulum pada kali ini menyajikan himpunan artikel-artikel ilmiah yang ditulis oleh warga staf UniMAP dan beberapa penulis jemputan luar UniMAP. Topik-topik yang berkonsepkan teknologi, fikh, kekeluargaan, kenegaraan dan arkib aktiviti Pusat Islam serta lain-lain lagi.

Sesungguhnya cabaran dakwah bukanlah mudah untuk kami harungi dalam kampus yang indah ini. Nabi Muhammad s.a.w juga tidak pernah

dihampar dengan permaidani merah ketika menyebarkan dakwah islamiyah. Walaupun bukan bandingan yang tepat tetapi adalah diharapkan majalah al-Ulum menjadi asbab mudah-mudahan warga kampus mendapat manfaat yang berterusan.

Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada semua sidang redaksi yang bertungkus lumus dari awal hingga akhirnya. Syabas kepada semua penulis yang menyumbang artikel-artikel untuk edisi perdana ini. Semoga Allah ta'ala jualah yang membalas segala kebaikan dunia dan akhirat.

"Sebarlah mutiara ilmu di dalam bacaan supaya tidak terkeliru dalam kehidupan"

Wallahu ta'ala a'lam bisshawab.

Muhammad Adib bin Hj Hassan
Ketua Editor
Majalah al-Ulum

Kalam NC

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Ilmu, Keikhlasan & Kecemerlangan UniMAP

Pertama sekali, izini saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadhrat Allah Azza Wajalla kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya jua, Pusat Islam sekali lagi telah melonjak kesatu tahap yang membanggakan dengan penerbitan sulung majalah al-Ulum.

Secara tidak langsung, majalah ini menjadi salah satu medium utama bagi Pusat Islam selain daripada media sosial yang lain.

Saya yakin dan percaya ianya hasil tungkus lumus daripada sidang editorial yang menggembeling tenaga bagi merealisasikan penerbitan ini. Dengan pelbagai program keilmuan yang dirancang oleh Pusat Islam dalam 3 tahun kebelakangan ini ianya mampu memberi impak dan manfaat kepada staf dan mahasiswa serta dapat mengimbangi keperluan rohani kepada golongan sasaran yang ditetapkan.

Selain itu kepelbagaian artikel-artikel yang menarik dalam majalah al-Ulum ini juga mampu menjadi santapan minda buat pembaca. Majalah ini juga boleh dijadikan sebagai laporan tahunan bagi Pusat Islam. Pada hemat saya, adalah diharapkan dengan adanya usaha awal penerbitan ini, Pusat Islam akan lebih pro-aktif dalam menerbitkan pelbagai lagi aktiviti penerbitan yang lebih dinamik.

Saya juga berharap pada tahun-tahun mendatang. Pusat Islam UniMAP akan merangka strategik untuk lebih berdaya saing setanding dengan Pusat Islam Universiti Awam yang lain. Dengan penganjuran aktiviti yang lebih berimpak tinggi kepada universiti dan masyarakat sekeliling secara amnya. Perkasakan promosi dan agenda wakaf agar lebih melonjak sesuai dengan KPI yang ditetapkan oleh universiti menjelang tahun 2025.

Akhir sekali saya ucapkan sekalung tahniah di atas penerbitan sulung majalah al-Ulum.

Semoga kita semua warga UniMAP dapat mengharungi cabaran di zaman "Malaysia Baharu" dengan lebih terbuka dan positif. Semoga tahun 2019 menjanjikan kejayaan yang berterusan buat Pusat Islam khususnya dan UniMAP amnya InshaAllah.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Tunjang Mengukuh Di Bumi, Pucuk Menjulung Tinggi"

Dato' Prof. Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis

Aplikasi Mudah Alih Bermanfaat Untuk Pengembara Muslim



**MOHD FITRI BIN EDROS,
NAJDAWATI BINTI MOHD FADZIL**
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
UniMAP



MUSLIM GO

Muslim Go mengenengahkan aplikasi mudah alih yang amat komprehensif. Ia merangkumi pelbagai fungsi seperti Jadual Waktu Solat daripada sumber yang sahih (contoh jika Malaysia sumbernya daripada JAKIM dan jika Singapura sumbernya daripada MUIS), Paparan Doa yang tepat mengikut waktu dan lokasi, Al-Qur'an Digital, Direktori Halal dan Koleksi Doa. Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android dan iOS.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Waktu doa yang tepat berdasarkan lokasi semasa.
- Pemberitahuan Azan: Pilih untuk memainkan audio secara automatik pada masa atau matikannya.
- Masa puasa (Imsak dan Iftar) semasa Ramandan.
- Al Qur'an dengan audio (.mp3) dan terjemahan dalam bahasa Inggeris dan Melayu.
- Lokasi direktori halal.
- Kalendar Hijriah Islam.



MUSLIM PRO

Muslim Pro merupakan aplikasi mudah alih pelbagai guna yang mempunyai jadual waktu solat daripada sumber yang sahih (contoh jika Malaysia sumbernya daripada JAKIM dan jika Singapura sumbernya daripada MUIS) & disertai dengan azan. Ia turut menampilkan Kitab Suci al-Qur'an versi penuh dengan tulisan Arab, terjemahan, pembacaan audio, kompas penunjuk arah kiblat, kalendar Hijriah, lokasi restoran halal, lokasi masjid dan beberapa fungsi lain. Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android dan iOS.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Mempunyai jadual waktu solat di kebanyakan tempat seluruh dunia.
- Mempunyai Azan daripada pelbagai Muazzin.
- Mempunyai jadual waktu iftar sepanjang bulan Ramadan.
- Kitab suci al-Qur'an dengan audio pelbagai qari dan terjemahan.
- Hukum Tajwid ditandakan dengan warna.
- Fungsi tasbeeh untuk mengira zikir.
- Lokasi restoran halal dan masjid disekitar pengguna.
- Kompas penunjuk arah kiblat dengan animasi dan peta arah ke Mekah.
- Kalendar Islam Hijriah yang ditandai dengan hari-hari kebesaran/Perayaan Islam seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji.
- Paparan 99 nama-nama Allah.
- Kad-kad ucapan Islam yang menarik (contohnya; Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Ramadan Yang Mulia).
- Kitab Hisnul Muslim yang merupakan koleksi doa untuk umat Islam.



HAJI-UMRAH

Haji-Umrah menampilkan aplikasi mudah alih untuk membantu memudahkan bakal jemaah haji mengerjakan ibadat haji dan umrah serta perkara-perkara harian di Makkatul Mukarramah.

Aplikasi ini mengandungi maklumat yang dikumpulkan dari berbagai rujukan mengikut mazhab Imam As-Syafie dan ahli sunnah wal-jamaah, dan disusun daripada sumber-sumber seperti Tabung Haji (Malaysia), serta mereka yang berkelayakan didalam bidang ini.

Aplikasi ini berfungsi sebagai rujukan asas dan sudah semestinya ada sedikit sebanyak kekurangan, maka jemaah digalakkan mendapat nasihat daripada ustaz ataupun ustazah yang boleh memberi bimbingan yang lebih lengkap. Ia boleh dimuatturun secara percuma dan bebas iklan. Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Panduan aktiviti Haji - Umrah secara langkah demi langkah.
- Kandungan berstruktur mengikut panduan dan amalan Lembaga Tabung Haji (kebenaran diperolehi).
- Dilengkapi kemudahan yang dapat membantu jemaah ketika di Tanah Suci.
- Peta kemudahan seperti hospital, hotel, restoran.
- Membantu ketika jemaah sesat.
- Komunikasi asas Bahasa Arab.
- Dilengkapi kemudahan yang digunakan harian (e-tasbeeh, al-Qur'an, kompas kiblat, waktu solat).



HALAL TRIP

Halal Trip merupakan Aplikasi Mudah Alih Semua Dalam Satu serba lengkap untuk mencari makanan dan restoran halal berhampiran, mendapatkan ulasan & panduan makanan halal, merancang pengembaraan halal, mendapatkan masa solat samada di darat, laut atau kapal terbang, kompas penunjuk arah kiblat untuk mencari arah Kaabah di Mekah menggunakan peta dan mengesan masjid berhampiran. Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android dan iOS.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Penjejak Prestasi Solat pertama di dunia: Membolehkan anda menjejaki peratusan masa anda bersolat bersendirian atau berjemaah, tempat anda telah bersolat (masjid, rumah, tempat kerja dan lain-lain).
- Carian restoran dan makanan halal berhampiran dengan ulasan dan panduan di peta interaktif.
- Mendapatkan idea untuk pengembaraan halal anda yang menyediakan pakej percutian mesra orang Islam.
- Mendapatkan masa solat dan arah kiblat untuk sebarang lokasi, di darat, laut atau dalam kapal terbang.
- Penjejak Masjid berhampiran & bagaimana untuk sampai ke sana. Ia juga akan menunjukkan sama ada anda sempat sampai ke masjid untuk menunaikan solat.
- Doa untuk perjalanan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.
- Panduan pelawat Muslim.
- Beli baucer makanan dan minuman halal.
- Ketahui etika kembara orang Islam.



TRIPFEZ

Tripfez merupakan aplikasi tempahan hotel yang telah menetapkan piawaian baru di dalam bidang perhotelan mesra Muslim. Berbanding dengan laman tempahan hotel tradisional yang lain, Tripfez membantu anda membuat pilihan tempahan hotel yang mesra muslim. Lebih daripada 55 ribu hotel yang boleh ditempah menggunakan Tripfez.

Antara lokasi atau destinasi yang berada dalam senarai Tripfez ialah Singapura, London, Tokyo, Hong Kong dan New York.


Setelah membuat tempahan, pihak pengguna akan menerima jadual waktu solat bagi destinasi percutian serta senarai restoran halal yang berdekatan lokasi percutian. Hotel hotel yang berada di dalam Tripfez telah disemak dan dinilai menggunakan Piawaian Salam (Salam Standard), di mana ia merupakan piawaian persijilan halal bebas untuk perhotelan.

Pihak Tripfez juga melakukan pemeriksaan samada pihak pengurusan hotel ada menyediakan tikar sejadah, arah kiblat, mini bar bebas alkohol dan kemudahan mesra-muslim seperti kolam renang dan perkhidmatan SPA.

Aplikasi ini boleh dicapai melalui <https://www.tripfez.com>.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Carian hotel yang mesra-muslim mengikut piawaian Salam (Salam Standard).
- Hasil carian akan memaparkan tahap mesra muslim hotel berkenaan seperti penyediaan tikar sejadah, mempunyai arah kiblat dan mini bar yang bebas alkohol.
- Setelah membuat tempahan, pengguna akan menerima jadual waktu solat serta senarai restoran halal sekitar lokasi penginapan.



HALAL-NAVI


Halal Navi menyediakan semua maklumat yang diperlukan oleh pengembara Muslim untuk mencari restoran halal di seluruh dunia terutama di Jepun.

Restoran yang ditampilkan dalam Apps ini tidak semestinya mempunyai sijil halal. Ulasan restoran dikumpulkan berdasarkan pengalaman pengguna. Seseengah restoran mungkin juga menyediakan menu bukan halal, namun untuk sebarang pertanyaan dan pengesahan yang berkaitan dengan penyediaan makanan dan ramuan yang digunakan, pengembara Muslim boleh menghubungi restoran secara langsung.

Oleh itu, Halal Navi bukan saja memudahkan pengembara Muslim malah menyediakan platform untuk komuniti Muslim khususnya di Jepun untuk berkomunikasi antara mereka. Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android dan iOS.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Carian pantas restoran halal berdasarkan kajian oleh komuniti Muslim setempat.
- Memaparkan maklumat lengkap seperti nama restoran, no telefon, alamat, kedudukan koordinat, status halal, waktu urusaniaga, ruang parkir, wifi percuma dan ruang solat.
- Menyediakan tips halal
- Menyediakan carian ruang solat atau masjid yang berdekatan dari lokasi pengguna
- Pengguna boleh menanda (bookmarks) restoran halal yang digemari.
- Menulis ulasan serta memuatnaik gambar berkaitan restoran halal yang telah dilawati.
- Memaparkan waktu solat dan masa terkini berdasarkan negara yang dipilih.
- Menyenaraikan maklumat pengguna aplikasi berdasarkan kedudukan mata yang diperolehi melalui pos dan ulasan dari pengalaman mereka.
- Menyenaraikan kupon percuma bagi restoran yang menyertai Halal Navi.
- Memaparkan berita terkini berkenaan produk halal di negara yang dipilih.



VERIFY HALAL

Verify Halal merupakan aplikasi mudah alih yang membantu pengguna membuat keputusan dengan bijak ketika memilih untuk membeli produk Halal.

Pengguna boleh mengimbas atau mencari produk, jenama, syarikat atau negara pilihan mereka.

Produk yang disenaraikan semuanya disahkan oleh badan pensijilan yang bertauliah dan diiktiraf serta diperakui oleh JAKIM.

Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android dan iOS.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Menyediakan fungsi menyemak status halal sesuatu produk secara pantas menggunakan kod bar yang diimbas melalui telefon pintar.
- Menyediakan carian maklumat halal sesuatu produk atau perkhidmatan.
- Menyediakan paparan maklumat asas sesuatu produk yang dipilih seperti nama produk, tempat dikilangkan, penerangan produk, maklumat kalori, nama jenama, nama syarikat pengeluar, badan yang mengiktiraf, tarikh tamat tempoh pensijilan dan pautan laman sesawang produk.
- Mengesan restoran halal berhampiran lokasi pengguna melalui paparan di google map yang terdapat dalam aplikasi ini.
- Menyenaraikan maklumat restoran halal berhampiran lokasi pengguna.
- Memaparkan berita terkini berkenaan produk halal serta aktiviti berkaitan produk halal
- Pengguna boleh melaporkan produk yang diragui status halalnya melalui aplikasi ini terus kepada JAKIM.
- Pengguna juga boleh menghantar pertanyaan berkenaan maklumat sesuatu produk terus kepada JAKIM.
- Berkongsi maklumat berkenaan produk atau restoran halal dengan rakan pengguna di facebook.
- Dihubungkan kepada data asas JAKIM dan 67 badan pensijilan global yang dikenal pasti JAKIM.




EEZAR

Eezar merupakan aplikasi mudah alih yang membantu pengguna mencari restoran yang menyajikan makanan halal yang berdekatan dengan lokasi pengguna. Mencari restoran yang halal untuk menjamu selera kadangkala mengambil masa. Kini, pengguna boleh meneroka semua restoran halal dengan mudah hanya dengan memuat turun dan memasang aplikasi Eezar Android. Pangkalan data Eezar akan menyenaraikan restoran yang menyajikan makanan halal di Malaysia dan Singapura. Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Mesra muslim - restoran yang tersenarai adalah restoran halal.
- Menyenaraikan pakej buffet Ramadan di sekitar lokasi.
- Carian restoran berdasarkan lokasi, jenis sajian (Masakan Cina, India, Melayu dan Korea) dan nama (Sushi King, KFC dan Pappa Rich).
- Saringan kata kunci berdasarkan perkhidmatan yang ditawarkan seperti bayaran untuk 2 sajian, berdekatan ruang solat, penghantaran sajian terus ke rumah, wi-fi percuma, ketersediaan penghawa dingin, penerimaan kad kredit, ruang parkir, mesra kanak-kanak, ruang dalaman.
- Menyediakan maklumat lengkap setiap restoran seperti menu sajian, galeri gambar, telefon dan penunjuk arah lokasi.



SOLAT JAMAK QASAR

Aplikasi Solat Jamak Qasar merupakan aplikasi bagi membantu umat Islam ketika bermusafir dibangunkan berdasarkan maklumat JAKIM dan ianya sesuai untuk pengembara Muslim yang gemar mengembara ke seluruh dunia.

Modul untuk menunaikan solat jamak dan qasar yang disediakan juga lengkap. Selain itu, teknik audio yang disediakan untuk tujuan para musafir mendengar lafaz niat solat dengan lebih jelas juga disediakan. Aplikasi ini menyediakan bahasa pengantar iaitu Bahasa Melayu bagi memudahkan pemahaman pengguna. Menu dan rekabentuk aplikasi ini amat mesra pengguna di mana penyusunan menu yang ringkas dan mudah untuk penggunaan yang lebih efisien. Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Menyediakan menu Jamak yang mengandungi panduan serta maklumat solat jamak seperti pengertian dan pembahagian solat jamak.
- Menyediakan menu Qasar yang mengandungi panduan serta maklumat solat qasar seperti pengertian, syarat dan niat.
- Menyediakan menu Jamak Qasar yang mengandungi panduan Jamak Qasar serta maklumat solat jamak qasar seperti syarat, niat jamak takdim, niat jamak takhir.
- Menyediakan menu Soal Jawab untuk memaparkan soalan dan jawapan yang berkaitan solat jamak qasar yang sering menjadi persoalan para musafir.
- Menyediakan menu Cari Masjid bagi fungsi carian masjid yang berdekatan dengan lokasi semasa para musafir berasaskan Google Map.
- Menyediakan menu Arah Kiblat bagi memudahkan para musafir mendapatkan arah kiblat yang tepat.
- Menyediakan fungsi Share untuk perkongsian di laman sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp dan seumpamanya.



MASJID FINDER WORLDWIDE

Aplikasi Masjid Finder Worldwide adalah App yang sangat berguna untuk sesiapa sahaja yang mencari Masjid / Musalla / Pusat Islam terdekat dari lokasi semasa pengguna di mana sahaja di dunia berasaskan Google Map. Pengguna boleh melihat semua butiran mengenai setiap masjid misalnya alamat, peta, telefon, penilaian, laman web dan foto. Aplikasi ini boleh didapati dalam platform Android dan iOS.

CIRI-CIRI UTAMA:

- Menyenaraikan Masjid/ Surau/ Pusat Islam yang berdekatan dengan lokasi semasa pengguna.
- Memaparkan maklumat terperinci bagi setiap Masjid/ Surau/ Pusat Islam yang disenaraikan berdekatan lokasi semasa pengguna.
- Menyediakan fungsi Share untuk perkongsian di laman sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp dan seumpamanya.

Bercantik



NURHANISAH BINTI SHUKERI
Pusat Islam UniMAP

Manusia diberi naluri suka kepada kecantikan dan ingin untuk kelihatan lebih cantik. Ini secara dasarnya sesuatu yang terpuji kerana Rasulullah s.a.w sendiri pernah bersabda, "Sesungguhnya Allah itu cantik dan suka kepada kecantikan. Sombong itu ialah melawan yang hak dan meremeh orang lain."
[Muslim: 91].

Namun, dalam kecenderungan manusia untuk bercantik, hendaklah garis panduan yang ditetapkan Islam itu dipatuhi. Cukup hadis sebagai panduan, dimana setelah bercantik itu dipuji, Rasulullah s.a.w terus menambah dengan memberi garis panduan yang jelas, iaitu tidak boleh sehingga ke tahap sombong. Baginda kemudian

menjelaskan sombong itu berlaku dalam dua bentuk iaitu:

1. Melawan al-haq.
2. Memandang rendah orang lain.

Hukum Asal Bercantik Ialah Ibadah

Beberapa ulama' telah memberi beberapa definisi untuk ibadah dari segi istilah. Namun, definisi antara definisi terbaik bagi perkataan ini ialah seperti yang disebut Ibn Taimiyah (2005), "Ibadah ialah satu kata nama yang menghimpunkan segala yang Allah sukai dan redhai daripada perkataan dan perbuatan secara zahir mahupun batin."

Merujuk kepada lafaz hadis di atas dimana disebut bahawa Allah suka akan kecantikan, maka jelaslah di sini bahawa secara dasarnya, bercantik itu ialah satu ibadah. Namun, seperti ibadah lain, ia tidak terlepas daripada terdapatnya ruang yang digunakan oleh syaitan untuk menyuntik racunnya, seraya mengubahnya menjadi satu maksiat.

Faktor Bercantik Menjadi Haram

Jelas menurut hadis di atas, melawan al-haq dan memandang rendah orang lain adalah pengubahsuaian bercantik itu menjadi haram.

Maksud menolak al-haq dalam perkara ini ialah melanggar hukum-hukum yang ditetapkan oleh syarak, manakala maksud yang kedua pula lebih jelas, iaitu kerana diri telah bercantik lalu pelakunya menganggap diri di atas orang lain, atau yang lebih terus memperlekeh pula orang yang tidak mencapai tahap yang ditentukannya. Jika salah satu daripada dua perkara ini berlaku, maka berhias tersebut menjadi haram.

Dan perkara yang kedua, iaitu sombong lebih bahaya daripada yang pertama (melanggar syariat) kerana walau kedua-duanya serius, namun berbanding seseorang itu melanggar hukum dan batasan yang ditetapkan syarak, yang secara dasar menjadi masalah syariat, jika hatinya dengan bercantik itu menjadi sombong, maka dia telah mengikut keperibadian Iblis dan dengan itu layak untuk dihumban ke dalam neraka.

Bukankah Iblis kerana merasa dirinya yang dicipta daripada api lebih hebat daripada Adam a.s. yang dicipta daripada tanah, telah engkar ketika Allah s.w.t mengarahkannya bersama para malaikat sujud kepada Adam a.s.? Tidakkah jelas persamaan dengan Iblis dengan orang yang dengan kecantikannya yang alami atau buatan yang memandang rendah orang lain kerana perkara itu juga?

Setiap manusia bermoral, tanpa mengira agamanya, keturunan atau latar belakangnya, pasti mengakui sombong adalah sifat tercela dan wajib dibenci. Namun, dalam bab ini, bukan bercantik itu yang dikeji, tetapi orang yang sombong kerananya yang dibenci. Seperti bukannya belajar agar berilmu dan bekerja agar kaya yang dicela, tetapi orang yang sombong kerana ilmunya dan kekayaannya yang naluri manusia tidak akan menyukai.

Adapun bagi orang yang hatinya diisi iman, sudah cukup menakutkan baginya apabila Rasulullah s.a.w bersabda, "Sombong itu (ibarat) bajuKu dan bermegah itu (ibarat) kainKu. Barangsiapa yang cuba merebut salah satu mereka daripadaKu, pasti Aku campaknya ke neraka." [Abu Daud: 4090; dan Ibn Majah: 4175].



Fatwa Dan Garis Panduan Kontemporari

JAKIM (2013) menyebut: Sebagai agamayang mudah dan mengamalkan kesederhanaan, Islam tidak menolak secara mutlak konsep berhias dalam kalangan wanita Islam. Namun begitu, cara berhias dan berdandan seseorang wanita itu mestilah selaras dengan tuntutan Islam, iaitu antaranya seperti yang berikut:

a. Tidak berlebih-lebihan atau keterlaluan dalam bersolek dan berhias sehingga boleh menarik perhatian orang yang memandang atau membawa kepada fitnah

b. Hanya mengenakan solekan yang ringkas bagi menaikkan seri wajah pengantin

c. Niat asal bersolek itu bukanlah dibuat dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk atau menarik perhatian orang yang memandang;

d. Memakai perhiasan dan barang kemas seperti cincin, gelang dan rantai tidak secara melampau batasan sehingga boleh membawa kepada sikap sombong dan bermegah-megah untuk mempamerkan kekayaan dan

e. Diharuskan bagi pengantin perempuan dan ahli rombongan wanita memakai bau-bauan bagi tujuan menghilangkan bau badan, tetapi pemakaiannya tidak boleh secara berlebihan sehingga dapat dihidu oleh orang lain atau sehingga menimbulkan fitnah

Hukum ini tidak khas untuk pengantin, sebaliknya umum untuk semua situasi.

Perincian Hukum-Hakam Syariat Dalam Bercantik

Kaedah asasi yang dipegang umat Islam dalam bercantik ini ialah semua harus sehingga ada dalil yang melarangnya. Dan setelah perkara ini diperhalusi melalui kaedah induktif terhadap kitab-kitab lama, didapati larangan-larangan boleh dibahagikan kepada:

1. Mendedahkan aurat.

2. Meniru gaya atau penampilan golongan bukan Islam.
3. Menggunakan gaya atau penampilan yang sinonim dengan golongan yang berlainan jantina.
4. Membazir.
5. Bertatu, cukur kening, ubah gigi dan mengubah ciptaan Allah.
6. Pakai anggota palsu.
7. Emas dan sutera untuk lelaki.
8. Minyak wangi yang ketara harumannya untuk wanita.

1. Mendedahkan Aurat

Perkara ini terkandung dalam firman Allah s.w.t yang bermaksud, "Wahai anak-anak Adam, Kami telah turunkan untuk kamu pakaian penutup aurat dan pakaian perhiasan, dan pakaian takwa ialah adalah lebih baik. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenyangkannya (dan bersyukur). [al-A'raf: 26].

Walaupun terdapat pelbagai tafsiran terhadap 'pakaian takwa' tersebut, al-Baghawi (2000) telah menaikal beberapa pendapat sahabat seperti Uthman bin Affan dan Ibn Abbas yang masing-masing mentafsirkannya sebagai 'air muka yang baik' dan 'kelakuan yang baik'; atau dari kalangan tabi'in seperti Qatadah yang mengatakannya sebagai 'iman'.

Hasan Basri yang mengatakannya sebagai 'sifat malu' lain lain-lain. Namun elemen terpenting di dalamnya ialah menutup aurat. Ini jelas kerana di dalam ayat berikutnya, Allah s.w.t menjelaskan bahawa syaitan, di pihak yang satu lagi, sentiasa berusaha agar manusia mendedahkan aurat mereka.

Allah s.w.t berfirman yang bermaksud, "Wahai anak-anak Adam! Janganlah kamu diperdayakan oleh Syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari Syurga, sambil dia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka aurat mereka." [al-A'raf: 27].

Aurat ialah anggota tubuh manusia yang perlu ditutup. Perbahasan

perkara ini sangat panjang kerana ia berbeza disebabkan pelbagai faktor.

Sumber yang didapati membincangkan perkara ini dengan paling terperinci dan di satu tempat ialah al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah yang ringkasannya:

Aurat wanita

a. Di hadapan lelaki bukan mahram:

- i. **Dalam mazhab Hanafi:**
Seluruh tubuh kecuali muka, tapak tangan dan kaki hingga pergelangan kaki.
- ii. **Dalam mazhab Maliki dan Syafie:**
Seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan.
- iii. **Dalam mazhab Hanbali:**
Seluruh tubuh tanpa kecuali.

b. Di hadapan lelaki mahram:

- i. **Dalam mazhab Hanafi:**
Antara pusat dan lutut.
- ii. **Dalam mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali:**
Seluruh tubuh kecuali kepala hingga leher, tangan hingga ketiak, dan kaki sehingga lutut.

c. Di hadapan wanita berlainan agama:

- i. **Dalam mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie:**
Seperti di hadapan lelaki bukan mahram.
- ii. **Dalam mazhab Hanbali:**
Seperti di hadapan wanita Muslimah.

d. Di hadapan wanita Muslimah:

Di sisi empat mazhab ialah di antara pusat dan lutut.

e. Ketika bersendirian:

- Di sisi empat mazhab ialah di antara pusat dan lutut. Hanyasanya:
- i. **Di sisi mazhab Hanafi, Syafi'e dan Hanbali:**
Hukumnya wajib ditutup
 - ii. **Di sisi mazhab Maliki:**

Sunat ditutup.

Aurat lelaki:

a. Di hadapan sesama lelaki:

- i. **Dalam mazhab Hanafi:**
Antara pusat dan lutut. Pusat tidak termasuk.
- ii. **Dalam mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali:**
Antara pusat dan lutut. Pusat dan lutut tidak termasuk.
- iii. **Riwayat kedua dari Imam Ahmad:**
Hanya dua kemaluan.

b. Di hadapan wanita bukan mahram:

- i. **Dalam mazhab Hanafi:**
Antara pusat dan lutut, serta selagi mana tidak menimbulkan fitnah.
- ii. **Dalam mazhab Maliki:**
Seluruh tubuh kecuali kepala, tangan dan betis ke bawah, serta selagi mana selamat dari fitnah.
- iii. **Dalam mazhab Syafie dan Hanbali:**
Antara pusat dan lutut. Namun dalam mazhab Syafie ditambah: wanita tidak harus melihat lelaki tanpa keperluan.

Perbincangan kepelbagaian mazhab mungkin boleh mengelirukan sebahagian orang, namun masyarakat kini semakin cerdik dan persoalan ingin diketahui terutama dengan dunia yang semakin terbuka, termasuk dengan pergaulan antara muslim berlainan mazhab. Kerana itu dalam bab membincangkan aurat, Jabatan Mufti Kelantan (2015) selepas mengeluarkan semua pendapat mazhab beliau berkata, "Semua pendapat tersebut diterima."

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (2016) pula setelah menyebut pendapat pelbagai mazhab kemudian memilih pendapat tertentu sambil menyatakan bahawa pendapat mazhab lain perlu dihormati.

2. Meniru Gaya Atau Penampilan Golongan Bukan Islam

Perkara ini dinyatakan secara jelas tetapi umum oleh Nabi s.a.w dalam sabdanya, "Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah dari golongan mereka." [Riwayat Abu Daud: 4031].

Manakala secara spesifik pula, ia disentuh dalam sabda-sabda baginda seperti:

1. "Jadi kamu berbeza daripada golongan Musyrikun. Peliharalah janggut dan buanglah misai." [al-Bukhari: 5892]

2. "Sesungguhnya Yahudi dan Kristian tidak mewarnakan (dengan inai) rambut mereka. Maka jadikan diri kamu berbeza daripada mereka." [al-Bukhari: 3642; Muslim: 2103]

3. "Warnakan uban-uban kamu. Janganlah kamu serupakan diri kamu dengan Yahudi." [al-Tirmizi: 1572; al-Nasa'ie: 5073]

Seorang sahabat baginda, Abdullah bin Amr r.a. berkata, "Rasulullah s.a.w melihatku memakai dua helai baju mu'asfar (warna antara merah dan coklat gelap). Baginda lalu berkata, "Ini pakaian orang kafir. Maka janganlah engkau memakainya." [Muslim: 2077].

3. Menggunakan Gaya atau Penampilan yang Sinonim dengan Golongan yang Berlainan Jantina

Perkara ini dinyatakan Rasulullah s.a.w dalam sabda baginda, "Bukan daripada golongan kami wanita yang cuba menyerupai lelaki dan lelaki yang cuba menyerupai wanita." [Ahmad: 6875].

Baginda juga ada bersabda, "Sebaik-baik wangian bagi lelaki ialah yang zahir baunya, tersembunyi warnanya; dan sebaik-baik wangian bagi wanita ialah yang zahir warnanya, tersembunyi baunya." [al-Tirmizi: 2788].

4. Membazir

Hal ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w, "Makanlah, minumlah, pakailah dan bersedekahlah, tanpa membazir atau menyombong." [al-Bukhari: 5783].

5. Bertatu, Cukur Kening, Ubah Gigi dan Mengubah Ciptaan Allah

Nabi s.a.w bersabda, "Allah melaknat wanita yang bertatu, yang minta ditatu, mencukur bulu kening, menjarangkan gigi, yang untuk kecantikan, mengubah ciptaan Allah." [al-Bukhari: 4886, Muslim: 2125].

Walaupun hadis ini menyebut wanita, namun tiada siapa yang mengkhususkannya untuk wanita tanpa lelaki. Dengan itu, hukum untuk lelaki pada perkara di atas adalah sama. Namun jika mengubah ciptaan tersebut kerana kecacatan tertentu, maka ia diharuskan tanpa khilaf.

6. Pakai Anggota Palsu

Yang bertujuan untuk berpura-pura seolah-olah dia lebih cantik daripada sepatutnya. Dalam sebuah hadis ada disebut, "Allah melaknat wanita yang menyambung rambut dan wanita yang minta rambutnya disambut." [al-Bukhari: 5933; Muslim: 2122].

Walaupun hadis tersebut hanya menyebut rambut, yang mana kebiasaannya wanita melakukannya agar orang menyangkanya berambut panjang kerana itu antara simbol kecantikan; namun pemahamannya tidak patut terhad di situ.

Pada hari ini, anggota palsu yang paling popular digunakan ialah yang menunjukkan agar buah dada seorang wanita itu lebih besar atau berbentuk lebih menarik.

Golongan lelaki juga tidak patut dikecualikan, seperti ada yang pada rambut, atau bahagian tertentu yang boleh merangsang seksualiti dari pihak berlainan jantina.

7. Emas Dan Sutera Untuk Lelaki

Lelaki dilarang untuk memakai emas dan sutera berdasarkan sabda Nabi s.a.w, "Diharamkan pemakaian sutera dan emas atas kaum lelaki daripada umatku, tetapi dihalalkan untuk wanita mereka." [al-Tirmizi: 1720].

Bagaimanapun, terdapat kelonggaran jika sutera itu sangat sedikit sekadar yang disebut oleh Umar bin al-Khattab r.a. dalam hadis yang lain, "Nabi s.a.w melarang memakai sutera (untuk lelaki) melainkan sekadar dua jari, tiga jari atau empat jari." [Muslim: 2069].

Kelonggaran juga diberi jika atas dasar penyakit, disebabkan darurat.

8. Minyak Wangi yang Ketara Harumannya Untuk Wanita

Rasulullah s.a.w bersabda, "Setiap wanita yang memakai wangi, lalu melintasi sekelompok manusia supaya mereka dapat mencium baunya, maka dia adalah pezina." [al-Hakim:3497; Ibn Khuzaimah:1681; al-Nasa'ie:5126; Ibn Hibban:4424].

Dalam athar lain oleh Musa bin Yasar, Seorang wanita lalu dengan haruman yang semerbak. Maka Abu Hurairah (r.a.) berkata, "Wahai amah Al-Jabbar (salah satu daripada asma'ul husna), adakah masjid yang engkau tuju?" Dia menjawab, "Ya". Abu Hurairah berkata lagi, "Adakah untuk itu engkau berwangian?" Dia menjawab, "Ya". Abu Hurairah lalu berkata, "Pulanglah, dan basuhlah (dirimu daripada haruman tersebut terlebih dahulu sebelum ke masjid).

Ini kerana aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, Tiada seorang pun wanita yang keluar ke masjid dengan haruman yang semerbak yang akan Allah terima solatnya, kecuali selepas dia balik ke rumahnya dan menghilangkan haruman tersebut". [al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra: 5767]

Pengharaman ini kembali kepada lafaz taqyid (ikatan), "supaya mereka dapat mencium baunya", sama ada yang dilakukan dengan

sengaja atau tidak berdasarkan keumuman "haruman yang semerbak". Jika hilang taqyid ini, maka ketika itu ia diharuskan. Ini berdasarkan hadis Aisyah (r.a.) yang berkata, "Kami (sekumpulan wanita) keluar bersama Rasulullah s.a.w ke Makkah. Kami menyapukan dahi-dahi kami dengan kasturi yang wangi ketika (hendak) berharam.

Apabila ada diantara kami yang berpeluh, kasturi itu akan mengalir di wajahnya. Ini dilihat oleh Rasulullah s.a.w dan baginda tidak menghalangnya." [Abu Daud: 1832]

Disebut oleh pengarang al-Adzhim Abadi (1993), "Sekiranya perkara itu (memakai minyak wangi oleh wanita di luar rumah) haram (secara mutlak), nescaya Rasulullah s.a.w telah melarangnya, kerana baginda tidak akan berdiam di hadapan kemungkaran".

Analisa Bercantik Menurut Qur'an

Zinah (perhiasan) dan tabarruj (berhias) boleh dikatakan dua kata kunci kepada berhias di dalam al-Qur'an. Perkataan pertama ialah kata asal yang bersifat neutral, manakala perkataan kedua berkonotasi negatif. Untuk memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh dan tepat berkenaan perkara ini, semua ayat berkaitan wajar dikumpulkan terlebih dahulu sebelum dinilai atau dibincangkan dalil-dalil umum yang lain.

Perkataan zinah disebut di 25 tempat di dalam al-Qur'an.

Sebahagiannya sebagai kata kerja iaitu dalam al-Baqarah: 212; Ali Imran: 14; al-An'am: 43, 108, 122 dan 137; al-Anfal: 48; al-Taubah: 37; Yunus: 12 dan 24; al-Ra'd: 33; al-Hijr: 16 dan 39; serta al-Nahl: 63, manakala baki iaitu di al-A'raf: 31 dan 32; Hud: 15; Yunus: 88; al-Nahl: 8; al-Kahf: 7, 28 dan 46; Taha: 59 dan 87; serta al-Nur: 31 sebagai kata nama.

Daripada semua itu, hanya al-A'raf: 31 dan 32; serta al-Nur: 31 yang didapati menyentuh perihal berhias pada diri manusia. Ayat-ayat tersebut ialah:

1. "Wahai anak-anak Adam! Pakailah zinah kamu setiap kali ke masjid dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas. (31)

Katakanlah (wahai Muhammad): Siapakah yang mengharamkan zinah Allah yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya dan demikian juga benda-benda yang baik dari rezeki? Katakanlah: Ia untuk orang-orang yang beriman (selain orang kafir) dalam kehidupan dunia(tetapi) khas untuk mereka pada hari kiamat..." [al-A'raf: 31-32]

2. "Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan zinah mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan zinah tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka dan bertaubatlah

kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya." [al-Nur: 31]

Daripada ayat di Surah al-A'raf di atas nyatalah zinah itu secara dasarnya halal dan tidak boleh ada yang cuba mengharamkannya kepada manusia, dimana ia juga bererti dianjurkan oleh Qur'an, dan dalam Surah al-Nur sebagai pelengkap, iaitu dalam masa yang sama, ada batasan dan aturan yang perlu diikuti.

Untuk tabbaruj pula, ia terkandung dalam firman Allah yang bermaksud, "Dan janganlah kamu bertabarruj dengan tabarruj jahiliyyah terdahulu." [al-Ahzab: 33].

Tabarruj menurut bahasa adalah wanita yang mempamerkan keindahan dan perhiasannya berlebihan kepada lelaki bukan mahram (tafsiran Ibnu Manzhur di Lisanul Arab). Menurut Al Maududi, asal kalimah tabarruj ialah burj yang bermaksud menara. Sesuatu yang jelas kelihatan disebabkan keadaan tinggi binaannya. Disini dapat kita fahami, makna Tabarruj ini kepada tiga:

1. Wanita mempamerkan keindahan rupa paras dan keelokkan tubuh badannya.
2. Wanita mempamerkan kepada laki-laki pakaian dan perhiasannya
3. Wanita yang menunjukkan cara lenggang lenggok cara berjalan.

Dan ketiga-tiga ini adalah haram. Di sini dapatlah kita lihat bahawa zinah untuk berhias boleh bererti baik atau buruk, namun jika tabarruj yang digunakan, ia hanya membawa imej negatif.

Menjaga Pandangan

Diantara yang menunjukkan kesyukuran Islam ialah ajarannya sentiasa merangkumi kedua-dua pihak dalam setiap interaksi. Sebagai

contoh, dalam bab aurat ini, satu pihak dituntut untuk menutup auratnya agar tidak dilihat oleh pihak yang sepatutnya, dan satu pihak yang satu lagi pula dituntut untuk menjaga pandangan agar tidak melihat kepada yang dilarang, sama ada yang disengajakan pemilik tubuh atau tidak.

Ini jelas dinyatakan dalam ayat 31 daripada Surah al-Nur di atas yang ditujukan kepada wanita untuk menjaga pandangan.

Adapun untuk lelaki, arahan tersebut terkandung di dalam ayat sebelumnya yang bermaksud, "Katakanlah kepada lelaki-lelaki mukminin supaya menjaga pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kemaluan mereka. Demikian itu lebih suci bagi mereka." [al-Nur: 30]

Kesimpulan

Sebagai orang Islam, apa yang harus menjadi keutamaannya ialah beroleh kejayaan dalam kehidupan di akhirat, iaitu dengan mendapat syurga Allah dan terhindar dari nerakaNya. Adapun untuk kehidupan di dunia ini, apa sahaja yang dilarang syarak maka ia hanyalah untuk kebaikan umat Islam dan seluruh manusia, sama ada untuk kesejahteraan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan mereka.

Keseronokan yang terhasil dengan melawan hukum syarak hanyalah sebenarnya keseronokan yang hanya ibarat fatamorgana. Kelihatan indah selama belum sampai di sana, tetapi rupanya hanya mainan mata apabila telah berada di sana. Bagaimana tidak, Rasulullah s.a.w telah bersabda, "Dan dosa itu kau rasa 'gatal' dalam dirimu, dan kau tidak suka ia diketahui orang ramai." (Riwayat Muslim: 2553). Wallahu a'lam bi al-sawab.



Cinta

SELEPAS NIKAH

Realiti atau Fantasi



MUHAMMAD MUTHI'UL HAQQ BIN FATAH YASIN

Permulaan buah yang manis pasti ada benih yang perlu ditimbus dan diberi baja yang elok agar tumbesarnya cantik dan indah, begitu juga hidup manusia, mahu melahirkan ummah yang wasatiyyah harus bermula dari cantuman kasih yang baik akhlak dan keturunannya. Bukan darjat atau keturunan yang mahu di bincangkan tetapi menghuraikan persoalan sesetengah individu yang memilih untuk berkenal-kenal dahulu sebelum menikah atau ada juga yang memilih untuk mengenal pasangan selepas nikah.

Hal ini selalu menjadi buah mulut orang tua-tua apabila anak mereka mahu berkahwin.

Jawapan yang sering kedengaran setiap kali tajuk bercinta selepas nikah diutarakan. "Alhamdulillah, kami dapat hidup bahagia. Sebelum kahwin, memang kami tidak pernah berkenalan."

"Bila kali pertama bersama dalam bilik selepas akad nikah, rasa takut sebab tak pernah kenal cik suami sebelum ni".

"Sebelum kahwin, memang saya tak pernah kenal calon isteri. Selepas nikah barulah kami berkenalan."

Dan ada juga jawapan yang berlawanan dan persoalan jika mahu di jodohkan dengan orang yang belum dikenalnya, antara persoalan-persoalannya: "Saya menyesal kahwin dengan dia, kalau saya kenal dia sebelum kahwin, saya tak akan sanggup berkahwin dengan dia."

"Tak kenal pun dia ni, macam mana nak jadi suami atau isteri. "Jumpa pun baru sekejap tapi dah ajak kahwin, betul ke dia ni?"

"Ye ke boleh hadir perasaan cinta selepas kahwin dengan dia? Macam susah je nak percaya?"

Ada yang menyokong dan tak kurang pula yang mempertikaikan. Di sebalik budaya Islamisasi yang semakin menyerap ke dalam sosio masyarakat, isu percintaan selepas nikah ini masih menjadi satu norma yang agak janggal untuk diterima. Persoalan yang mungkin acapkali timbul di kalangan muda-mudi pada

hari ini: Sejauh manakah pengaruh cinta selepas nikah terhadap kebahagiaan dalam rumah tangga?

PERCINTAAN DALAM ISLAM

Cinta adalah kecenderungan hati untuk menyukai seseorang dan melakukan perkara yang disukai orang tersebut. Ia seringkali di sinonimkan dengan hubungan rapat di antara seorang lelaki dan seorang perempuan.

Dalam Islam, cinta membawa pengertian yang lebih luas dan tidak terhad kepada hubungan lelaki dan perempuan. Kasih sayang sesama manusia tanpa mengira jantina dimasukkan dalam definisi al-Hub, iaitu perasaan cinta terhadap individu tersebut. Dari situ timbullah istilah Tuhan mencintai hambaNya, Nabi s.a.w menyintai umatnya, ibu bapa mencintai anaknya dan demikianlah setiap individu itu mempunyai seseorang yang ingin dikasihi dan mengasihinya kembali.

Perasaan cinta di antara lelaki dan perempuan adalah satu fitrah manusia yang tidak dapat dinafikan. Oleh sebab itu, Islam tidak hanya meletakkan hukum dan syariat kehidupan, malah turut menggariskan panduan dalam hubungan cinta, bahkan meletakkan tuntutan yang besar untuk umatnya melangsungkan perkahwinan, sehinggakan Nabi s.a.w bersabda dalam sebuah hadis riwayat



Bukhari: "Aku berpuasa dan aku berbuka puasa, aku solat dan aku tidur dan aku juga mengahwini wanita. Barangsiapa yang enggan mengikut sunnahku, maka dia bukan dari kalangan (umat)ku." Nabi s.a.w juga memberikan alternatif kepada orang yang sedang bercinta, di mana dalam riwayat Ibnu Majah, Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: "Tidak ada jalan lain bagi dua orang yang sedang bercinta kecuali bekahwin." Dari satu sudut yang lain, jika seorang wanita mencintai seorang lelaki, dia juga boleh menawarkan dirinya untuk dinikahi lelaki tersebut.

Peristiwa ini dapat dilihat pada perkahwinan pertama Nabi s.a.w iaitu bersama Khadijah binti Khuwailid, di mana beliau sendiri meminang Nabi s.a.w melalui hambanya, Nafisah. Imam Bukhari juga meriwayatkan dalam kitab Sahihnya bahawa seorang wanita telah menawarkan diri untuk dikahwini Nabi s.a.w. Walaupun Nabi s.a.w tidak menerima tawaran tersebut, tetapi baginda tidak mengingkari perbuatan

tersebut atau memberi gelaran yang menjengkelkan seperti perigi mencari timba, pinggan mencari nasi dan sebagainya.

CINTA DAN BERCINTA

Meskipun cinta di antara lelaki dan perempuan adalah fitrah manusia dan diraikan dalam Islam, namun bercinta iaitu perbuatan sengaja mendedahkan diri kepada cinta adalah sangat dilarang. Ia termasuk dalam kategori mencampakkan diri ke dalam lembah kebinasaan, kerana ia akan menyebabkan jiwa menjadi tidak tenteram, malah boleh mendorong perasaan untuk membunuh diri lantaran kekecewaan ditinggalkan orang yang dikasihi. Perkara ini diakui sendiri oleh pengkaji Barat, bahawa perkahwinan yang didirikan selepas bercinta adalah rapuh dan mudah berlaku perceraian. Ismail Abdul Bari, seorang pengkaji dari Arab telah melakukan penyelidikan ke atas 1500 keluarga dan mendapati 75% daripada pasangan yang mendirikan rumahtangga selepas bercinta berakhir dengan perceraian.

Dari sudut hukum, perbuatan bercinta sebelum kahwin adalah termasuk dalam kategori menghampiri zina. Perbuatan zina tidak akan berlaku jika pihak lelaki dan perempuan tidak saling mengenali dan telah melalui fasa tempoh 'bermesra' seperti makan bersama-sama, bersiar-siar, saling memberi hadiah dan lain-lain lagi.

Kemesraan yang pada peringkat permulaan mungkin hanya dilihat sebagai kemesraan di antara dua orang sahabat akhirnya akan menimbulkan kecenderungan untuk bersama. Penulis terkenal satu filem Korea yang pernah 'tertonton' di youtube, salah seorang watak dalam filem tersebut berkata kepada watak perempuan utama: "Tiada istilah persahabatan di antara lelaki dan wanita." Frasa ini sangat menarik dan sangat selari dengan aliran pemikiran Islam. Seorang lelaki hanya boleh mendekati seorang wanita jika dia jujur untuk mengahwini wanita tersebut dan begitulah sebaliknya.

Ironinya, budaya bercinta sebelum berkahwin telah diterima di kalangan majoriti umat Islam di dunia amnya dan di Malaysia khususnya. Mereka tanpa segan silu mempamerkan kebahagiaan bersama pasangan masing-masing di laman sosial sama

ada facebook, twitter, Instagram, Whatsapp dan lain-lain. Apabila ditegur, hujah yang sering diberikan ialah: "Kubur asing-asing", "Kami bukan buat apa-apa pun", "Yang penting hati baik dan tidak hipokrit", "Tuhan nilai hati" dan seribu satu alasan lain diberikan.

CINTA SELEPAS KAHWIN

Mungkin ada di kalangan kita biasa mendengar kisah pasangan yang bermasalah selepas perkahwinan dan menjadikan alasan 'tidak kenal' sebagai punca masalah dalam rumah tangga. Perkara ini pernah dialami penulis, apabila seorang sahabat mengadu tentang isterinya yang tidak taat dan sering menyakiti hati suami, sedangkan sebelum berkahwin, wanita tersebut dilihat sangat rajin menghadiri kelas-kelas pengajian agama. Ternyata selepas kahwin, indah khabar dari rupa, memang dia langsung tidak menyangka wanita yang disangka calon isteri solehah dan bidadari syurga ini mempunyai akhlak yang buruk dengan suami.

Dalam kes yang berlainan, seorang wanita mengadu tentang suaminya yang juga merupakan seorang ustaz mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri. Si suami bukan setakat sering mengherdik isteri dan tidak memberi nafkah, bahkan menggunakan duit dan jawatan isteri untuk kepentingan sendiri. Hatta kereta yang digunakan juga dibayar menggunakan duit gaji isteri, sedangkan si isteri dibiarkan terkapai-kapai tanpa kasih sayang dan tanggungjawab suami. Si suami memberi alasan bahawa tidak pernah mencintai si isteri tapi perkahwinan mereka dijodohkan oleh ibu bapa kedua belah pihak.

Modal-modal di atas menjadi sandaran kepada golongan hedonisme untuk menolak cinta selepas kahwin dan menganggap ibu bapa yang menjodohkan anak mereka sebagai perbuatan melanggar hak asasi manusia. Apa yang menyedihkan, slogan di atas diguna pakai oleh muda-mudi untuk menghalalkan pergaulan bebas di antara mereka, sedangkan kesan buruk akibat percintaan sebelum kahwin yang jauh lebih dahsyat disembunyikan tanpa rasa bersalah.

Jika ditelusuri satu persatu peristiwa-peristiwa seperti di atas, kita akan mendapati bahawa realitinya,

percintaan selepas kahwin adalah lebih berjaya dan kekal berbanding perkahwinan selepas bercinta. Ia juga lebih bertepatan dengan ajaran Islam selain memberi ketenangan kepada pasangan, kerana hubungan selepas kahwin tiada sekatan dan mereka bebas untuk melaksanakan apa yang tersirat dalam hati. Percintaan selepas kahwin diiringi tanggungjawab dan komitmen kedua belah pihak yang menjamin kelangsungan dan kebahagiaan rumahtangga.

Namun, mengapakah masih berlaku perceraian walaupun mereka tidak pernah mengenali antara satu sama lain sebelum berkahwin? Jawapannya ialah, kerana proses perkahwinan itu sendiri tidak mengikut apa yang digariskan dalam Islam.

Antara garis panduan sebelum berkahwin atau menjodohkan orang lain:

1. Menyelidiki latar belakang suami atau isteri. Peranan ibu bapa atau kawan sangat penting kerana kemampuan seorang lelaki atau wanita sangat terhad untuk mengenali calon pasangan secara lebih terperinci.

2. Tidak merahsiakan kebaikan dan keburukan calon. Perkahwinan adalah amanah, justeru adalah sangat penting kedua belah pihak beramanah dalam menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan.

3. Menerima calon pasangan seadanya. Ada sebahagian kelemahan mampu diterima dan ada yang tidak mampu diterima pasangan. Maka setelah menyelidiki latar belakang calon dan diterangkan oleh pihak keluarga, jika si lelaki atau wanita masih sanggup untuk meneruskan lamaran, mereka

perluah menanam mentaliti: "Aku berkahwin untuk saling melengkapi", bukan beranggapan bahawa "Aku berkahwin dengan dia kerana mahu dia lakukan seperti apa yang aku mahu".

4. Melihat pasangan. Ada sebahagian ibu bapa yang melarang anak mereka melihat calon pasangan atas alasan "Ini kerja orang tua-tua." Tidak kurang juga ibu bapa yang melarang anak mereka menyertai proses merisik dan meminang. Perkara ini bercanggah dengan Islam kerana calon pasangan perlu saling melihat sebelum kahwin untuk memastikan rupa pasangan boleh diterima atau menarik hati yang melihat. Malah jika dilihat dari sudut sirah Nabi s.a.w, seorang lelaki akan terus meminang seorang perempuan tanpa kehadiran ahli keluarga pihak lelaki.

5. Kemampuan untuk berkahwin. Kemampuan bukan sahaja melibatkan kemampuan tenaga batin, tetapi juga kemampuan secara material. Seorang lelaki tidak patut meminang seorang perempuan kecuali jika dia telah mampu untuk menyediakan tempat tinggal, makan minum dan pakaian.

6. Memudahkan urusan perkahwinan. Ini termasuk mengurangkan belanja kahwin, proses perkahwinan dan kos hantaran. Kenduri yang diadakan hanyalah sebagai satu tanda kesyukuran dan cukup diadakan secara kecil-kecilan tanpa perlu membebankan diri dengan mengadakannya secara besar-besaran.

7. Memilih pasangan yang dianjurkan dalam Islam. Kebaikan


seorang calon bukan hanya dilihat dari sudut segi luaran sahaja, seperti rajin ke masjid, menghadiri kelas-kelas agama, cara berpakaian dan sebagainya, sebaliknya Islam meletakkan ciri-ciri calon yang baik bagi seorang lelaki ialah: adil, kuat fizikal dan mental serta beramanah.

Ada lelaki yang berpenampilan agama, tetapi tidak memiliki amanah dan cuai dalam tanggungjawab. Seorang wanita yang hendak dijadikan isteri pula hendaklah seorang yang taat, tidak membantah cakap suami, tidak suka menceritakan keburukan seseorang di belakangnya dan tidak suka berjalan-jalan tanpa kehadiran mahramnya.

KESIMPULAN

Konklusinya, cinta adalah perbuatan hati dan sukar dikawal, ia mungkin berlaku sebelum mahupun selepas berkahwin, justeru ia diiktiraf dalam Islam. Manakala bercinta pula adalah perbuatan fizikal yang disengajakan untuk menzahirkan kasih sayang terhadap pasangan dan ia adalah dilarang dalam Islam jika dilakukan sebelum perkahwinan.

Bergantung kepada kepercayaan bahawa bercinta selepas kahwin adalah lebih membahagiakan adalah tidak memadai, begitu juga menyerahkan sepenuhnya urusan jodoh kepada pihak ketiga sematamata. Untuk membentuk sebuah perkahwinan yang berjaya, pihak lelaki dan wanita mestilah memainkan peranan seperti yang telah digariskan untuk mendapat pasangan yang mampu memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Hanya dengan melaksanakan tatacara yang betul, barulah matlamat yang dikehendaki akan tercapai.



Konsep Jenayah Perzinaan Secara Paksa (Zina Bi al-Ikrah)

Iaitu Rogol Menurut Undang-Undang Islam



MOHD FIKRI AIMAN BIN MOHD ZULKEFLI
Pusat Islam UniMAP

Islam adalah agama yang paling lengkap dan syumul yang meliputi soal yang berhubung kait dengan ibadah, muamalat, munakahat dan jenayah. (Muslim Djuned,2009).

Syariah sebagai salah satu aspek tunjang dalam sistem kehidupan Rabbani yang berbeza daripada perspektif akidah dan akhlak, kerana peranannya lebih ketara kepada aspek praktikaliti (amaliyah) dalam kehidupan, meliputi persoalan ibadah, muamalat, munakahat dan jinayah. Kanun Jinayah Syar'iyah atau Undang-undang jenayah syar'iyah ialah undang-undang syarak yang berkait dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang boleh didakwa di bawah kes jinayah syar'iyah. Selain itu, jenayah juga ditakrifkan sebagai segala bentuk kesalahan menurut Syariah yang boleh dihukum berdasarkan hukum Allah samada ia adalah qisas, hudud atau ta'zir. (Al-Mawardi, 1966).

Salah satu bentuk jenayah yang dibincangkan dalam fiqh jinayah adalah zina bi al-ikrah iaitu zina dengan cara paksaan atau dalam erti kata sekarang adalah rogol. Jenayah rogol atau pemerkosaan adalah satu daripada bentuk perzinaan malah jenayah ini lebih keji dan jahat. Menurut Ahmad Raisuni (1995) perbuatan zina yang diharamkan itu merupakan perlakuan keji yang dilarang dalam agama dan

salah satu daripada dosa-dosa besar dalam Islam. Tidak ada satu agama pun di dalam dunia ini yang mengharuskan apatah lagi membenarkan perbuatan terkutuk tersebut.

Oleh yang demikian, menurut Muhammad Fathi Yusof (2015) undang-undang jenayah Islam yang terdiri daripada hudud, qisas dan takzir mempunyai peranan untuk mencapai maksud syariah atau maqasid syariah. Ia meliputi perlindungan dan penjagaan agama, nyawa, akal, maruah dan harta. Islam menetapkan hukuman yang berat dan setimpal, lebih-lebih lagi perbuatan zina dan rogol adalah jenayah yang merosakkan nasab dan keturunan. Jenayah ini dijanjikan oleh Allah s.w.t dengan hukuman berat di dunia dan azab yang pedih di akhirat.

Justeru itu tugas ini akan menghuraikan mengenai beberapa perkara berkaitan dengan jenayah zina bi al-ikrah atau rogol dari segi pengertian menurut pendapat jumurh ulama' serta menurut pendapat mazhab empat dan juga dari sudut kaca mata perundangan sedia ada.

Begitu juga tugas ini akan membincangkan tiga topik utama

iaitu mengenai hukuman terhadap perogol dari sudut undang-undang dan perundangan Islam, bentuk pampasan kepada mangsa rogol dan yang lebih penting kaedah pensabitan jenayah rogol. Manakala topik terakhir yang akan dihuraikan adalah mengenai keberkesanan undang-undang sedia ada menangani jenayah rogol yang sedang berlaku di Malaysia.

Pengertian Rogol Dari Sudut Hukum Syarak

Rogol mengikut istilah bahasa Arab disebut sebagai ightisab yang berasal dari perkataan ghasb yang bererti merampas atau mengambil sesuatu tanpa kerelaan. (Nik Rahim Nik Wajis 1988).

Perkataan ightisab bukanlah memberi makna sesuatu yang khusus seperti yang digunakan bagi rogol. Menurut Hans Wehr (1980) ightisab boleh memberi maksud sebagai pengambilan sesuatu secara paksaan, rompakan, pencabulan, paksaan dan juga rogol itu sendiri.

Mengikut Islam, kebanyakan para ulama' tidak menggunakan istilah rogol bagi membahaskan tentang masalah perogolan tetapi mereka menggunakan istilah zina bi al-ikrah atau zina secara paksaan (Fawzi, Sharif Fawzi Muhammad, 1985).

Definisi rogol di sisi jumurh ulama adalah satu bentuk perzinaan ataupun dinamakan juga sebagai zina bi al-ikrah. Manakala zina pula adalah persetujuan antara lelaki dan perempuan melalui kemaluan

tanpa milik atau syubhah iaitu berlaku kekeliruan milik. (Al-Zuhayli,2012) Adapun rogol atau pemerkosaan adalah perzinaan yang dilakukan secara paksaan dan mangsa adalah seorang perempuan.

Jenayah rogol menurut Islam adalah persetubuhan yang dilakukan tanpa kerelaan dari salah satu pihak. (Nik Rahim Nik Wajis, 1988). Ini bererti ia mendatangkan kesan dan akibat yang lebih teruk daripada zina. Seperti mana dalam firman Allah s.w.t :

“Dan orang-orang yang tidak menyembah tuhan yang lain beserta Allah dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) kecuali dengan (alasan) yang benar, dan tidak berzina, barang siapa yang melakukan yang demikian itu, niscaya dia mendapat (pembalasan) dosa(nya)”. (Surah Furqan ayat 68)

Dalam perundangan Islam, tiada istilah yang jelas dan spesifik yang disebutkan di dalam al-Qur'an mahupun al-Sunnah bagi perlakuan rogol. Namun begitu, asas kepada hukum perbuatan tersebut boleh diambil secara umum daripada kedua-dua sumber tersebut. Sepertimana Allah s.w.t telah berfirman :

“Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”.(Surah al-Maidah ayat 45)

Begitu juga Rasulullah s.a.w turut bersabda :

Maksudnya : “Setiap muslim atas seorang muslim yang lain haram darahnya, kehormatannya dan hartanya”.

Riwayat Muslim dari Abu Hurairah (Sahih Muslim Jilid 6, Bab 32, Hadis 6219)

Dalil-dalil yang dinyatakan di atas memberi makna umum mengenai kesalahan yang membawa kecederaan kepada anggota tubuh seseorang manusia

yang dilakukan oleh manusia yang lain. Disebabkan jenayah rogol juga mengakibatkan kecederaan kepada mangsa terutamanya pada anggota bahagian sulit yang turut melibatkan kehormatan diri mangsa dan keluarga, oleh yang demikian perbuatan itu juga merupakan satu larangan dan kesalahan di dalam Islam.

Selain daripada pengertian umum kedua-dua sumber tersebut, istilah bagi perbuatan rogol di dalam Islam juga boleh diadaptasikan daripada beberapa istilah lain yang digunakan di dalam perbincangan ulama di dalam kitab-kitab mereka. Gambaran yang diberikan di dalam perbincangan istilah-istilah berkenaan menggambarkan perlakuan dan cara yang mendatangkan kesan yang sama dengan perbuatan rogol pada hari ini. (Nik Rahim Nik Wajis, 1988).

Rogol juga mempunyai persamaan dengan perbuatan yang disebut di dalam perundangan Islam sebagai al-zina bi al-ikrah iaitu zina secara paksaan. Seperti mana umum sedia maklum bahawa sesuatu perbuatan zina dikatakan berlaku apabila telah tersentuh atau masuknya hashafah (kepala zakar) pada atau ke dalam faraj seseorang perempuan yang mana perbuatan tersebut dilakukan tanpa hak (al-Zuhayli,2012).

Walaupun perbuatan zina mempunyai persamaan dengan perbuatan rogol iaitu dengan berlakunya kemasukan secara seksual ke dalam faraj seseorang perempuan, namun terdapat perbezaan ketara di antara kedua-duanya.

Dalam perkara ini, faktor kerelaan merupakan perkara penting yang membezakan di antara perbuatan zina dan rogol. Jenayah zina boleh bertukar kepada jenayah rogol apabila kemasukan tersebut dilakukan tanpa kerelaan mangsa. Disebabkan ketiadaan elemen kerelaan inilah, maka perbuatan itu dikategorikan di dalam undang-undang Islam sebagai al-zina bi al-ikrah.

Pengertian Zina Bi Al-Ikrah Atau Rogol Menurut Pandangan Mazhab

Tiada takrifan yang jelas dan khusus dinyatakan oleh para ilmuwan dan

ulama mengenai jenayah rogol. Oleh yang demikian satu definisi perlu diadakan bertujuan untuk memberi gambaran yang sebenar tentang jenayah ini. Disebabkan terdapat banyak persamaan antara rogol dengan zina, maka terma dan definisi zina akan digunakan bagi menghubungkan ciri-ciri penting yang mempunyai persamaan dengan rogol. (Nik Rahim Nik Wajis, 1988)

Menurut mazhab Maliki, zina didefinisikan sebagai :

“ Persetubuhan antara lelaki dengan perempuan yang berakal lagi baligh yang bukan miliknya dengan kerelaan kedua belah pihak”.

Manakala Imam Ahmad bin Hanbal dan Imam al-Syafi'i pula mendefinisikan zina lebih kurang sama seperti definisi yang disebut oleh mazhab Maliki cuma mereka membuat penambahan bahawa :

“ Persetubuhan sama ada melalui qubul atau dubur juga dianggap zina”.

Manakala Imam Abu Hanifah pula tidak mengambil kira bahawa persetubuhan melalui qubul itu sebagai zina. Al-Zayla'i menakrifkan zina ialah :

“Persetubuhan yang tidak diharuskan dengan wanita yang hidup yang bukan milik atau yang bukan isterinya tanpa paksaan di dalam negara Islam”.

Berdasarkan semua definisi yang dinyatakan, definisi yang diberikan oleh al-Zayla'i dikira lengkap dan sempurna kerana ianya mencakupi segala aspek utama dalam zina. (Nik Rahim Nik Wajis, 1988). Definisi tersebut juga memasukkan satu faktor penting yang membezakan antara zina dengan rogol iaitu “tanpa paksaan”. Setelah mengambil kira segala aspek-aspek penting dari definisi-definisi zina, maka jenayah rogol bolehlah didefinisikan sebagai :

“Hubungan jenis antara lelaki dengan perempuan yang bukan isterinya sama ada melalui kemaluan (qubul) atau dubur tanpa kerelaan perempuan tersebut”.

Para ulama apabila membincangkan mengenai permasalahan rogol dalam perundangan Islam lebih menggunakan istilah al-zina bi al-

ikrah atau zina dengan cara paksaan berbanding dengan maksud rogol itu sendiri dari sudut istilah Arab yang bermaksud merampas. Oleh yang demikian, berlaku perbincangan yang teliti dalam kalangan mazhab yang muktabar berkaitan dengan maksud paksaan.

Para ulama' mengkategorikan al-ikrah kepada 2 jenis iaitu; Ikrah Mulji', iaitu ancaman yang melibatkan kebinasaan nyawa atau kecederaan anggota tubuh badan. Ikrah Ghayra Mulji', iaitu ancaman yang tidak melibatkan kebinasaan nyawa, kecederaan anggota badan atau kebinasaan semua harta (Abdul al-Karem Zaidan, 2000).

Menurut mereka paksaan berlaku dalam dua keadaan iaitu yang pertama dinamakan dalam istilah arab الكامل الإكراه الملجئ ataupun bermaksud paksaan yang menyebabkan mangsa tiada pilihan dan tiada kuasa untuk melawan dan diancam dengan perbuatan atau perkara yang memudharatkan baginya dari sudut nyawa atau anggota badan mangsa. (al-Zuhayli, 2012).

Sebagai contoh mangsa tersebut diancam dipotong anggota badannya atau mangsa dipukul dengan pukulan berat yang mencederakannya secara berturut-turut yang berkemungkinan besar membahayakan nyawa ataupun lebih teruk mangsa akan terus dibunuh. Bentuk paksaan ini menyebabkan tiada sifat redha iaitu kerelaan dan mangsa tiada kemampuan untuk menentang semula.

Adapun bentuk paksaan yang kedua adalah الناقص الإكراه غير الملجئ ataupun bermaksud ancaman yang tidak membahayakan nyawa atau anggota badan. Contohnya adalah mangsa diancam akan dipenjarakan atau diikat atau dipukul tetapi dengan pukulan yang tidak mencederakan ataupun diancam akan dimusnahkan harta benda. Bentuk paksaan ini menyebabkan tiada sifat redha (kerelaan) tetapi mangsa masih mampu menentang dan melawan semula. (Zaizul Ab. Rahman, Zakaria Stapa, Mohd Nasir Omar, 2011). Manakala menurut ulama Mazhab Syafie, Maliki dan juga Hanbali, paksaan hanya dalam

satu bentuk. Selainnya tidak dinamakan paksaan. Berkata ulama mazhab Syafie, hukum berbeza berdasarkan keadaan seseorang dan ancaman tersebut tidak bertempoh. Paksaan berlaku dengan ancaman menakutkan seperti pukulan yang dahsyat, penjara. Selain daripada yang disebutkan itu tidak dinamakan sebagai paksaan.

Pengertian Zina Bi al-Ikrah Atau Rogol Dari Sudut Undang-Undang



Pengertian rogol dalam Kanun Keseksaan dinyatakan dalam seksyen 375 (Penal Code, 1980, 121-122) yang meletakkan enam keadaan yang membolehkan seseorang lelaki itu disabitkan atas kesalahan merogol sekiranya dia bersetubuh dengan seseorang perempuan iaitu jika, kecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, bersetubuh dengan seseorang perempuan dalam keadaan yang termasuk daripada perihalan-perihalan berikut iaitu pertamanya bertentangan dengan kemahuan perempuan itu.

Kedua, dengan tiada kerelaan perempuan itu. Ketiga, dengan kerelaan perempuan itu manakala kerelaannya telah didapati dengan mendatangkan kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan mati atau cedera, atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat dari salah tanggapan tersebut.

Keempat, dengan kerelaan itu manakala lelaki itu mengetahui bahawa ia bukan suaminya, dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau kepadanya ia akan memberi kerelaan. Kelima, dengan kerelaannya jika pada masa memberi kerelaan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi kerelaan.

Keenam, dengan kerelaan perempuan itu, apabila kerelaannya didapati dengan menggunakan kedudukannya yang berkuasa ke atas perempuan itu atau atas sebab hubungan professional atau lain-lain hubungan amanah berkaitan dengannya.

Selain itu, menurut Gan Kong Meng (2007) mengikut Massachusetts General Law (Bab 474, bahagian 7), rogol ditakrifkan sebagai :

“ Sexual intercourse or unnatural sexual intercourse by a person with another person who compelled to submit, to force and against his will or by threat of bodily injury or sexual threat or unnatural intercourse with a child under 16 years of age”.

Begitu juga, rogol didefinisikan oleh undang-undang lazim (common law) sebagai “the carnal knowledge of a female forcibly and against her will” (Kleck & Sayles, 1990; Green, 1988:5). Rogol adalah sesuatu perkara yang sangat menjijikkan, tidak dapat difahami serta merupakan satu jenayah yang ditakuti. Dalam definisi undang-undang lazim, rogol melibatkan persetubuhan seks tanpa keizinan yang dilakukan oleh seorang lelaki

ke atas seorang perempuan yang beliau tidak mengahwininya atau tinggal bersama. Akta Kesalahan Seksual 1956 seksyen 1 menyatakan: "seseorang lelaki merogol sekiranya (a) dia melakukan hubungan seks secara menyalahi undang-undang dengan seorang wanita dan wanita tersebut tidak merelakan perbuatan itu, (b) pada masa itu dia mengetahui wanita itu tidak merelakan dia melakukan hubungan seks dengannya, dia bersikap tidak acuh sama ada wanita tersebut rela atau tidak" (Smith dan Hogan, 1996: 179, terjemahan Aishah Bidin dan lain-lain).

Hukuman Terhadap Perogol Menurut Undang-Undang

Menurut Rahmah Hashim dan Lim Soon Fatt (1993), di bawah Seksyen 376, Kanun Keseksaan, seseorang penjenayah rogol boleh dijatuhkan hukuman penjara (minimum 5 tahun dan tidak lebih 20 tahun) dan disebat, jika sabit kesalahannya. Di bawah Seksyen 354, Kanun Keseksaan (Penal Code, 1980, 117), seseorang yang didapati menyerang atau menggunakan kekerasan dengan niat hendak mencabul kehormatan seorang perempuan boleh dihukum penjara sehingga dua tahun atau didenda atau disebat, atau mana-mana dua hukuman di atas.

Berikutan pindaan terkini kepada Kanun Keseksaan, Seksyen 375A menyatakan suami yang menyebabkan kecederaan atau ketakutan terhadap kematian atau kecederaan terhadap isterinya dalam cubaan melakukan hubungan seks boleh dihukum penjara lima tahun. Seksyen 375 (g) menyatakan adalah suatu kesalahan untuk melakukan hubungan seks dengan seorang perempuan yang berumur bawah 16 tahun, dengan atau tanpa persetujuannya.

Mereka yang telah disabitkan dengan rogol boleh dijatuhkan hukuman tidak kurang daripada 30 tahun dan juga sebatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 376 akta yang sama. Pada tahun 2001, seksyen 376A diperkenalkan, iaitu klausa khusus dengan hukuman yang

lebih berat bagi kesalahan rogol yang melibatkan kesumbang mahram, di mana penjenayah seks adalah mereka yang mempunyai hubungan mahram dengan mangsa seperti bapa, bapa tiri, bapa saudara, abang kandung dan orang lain yang mempunyai hubungan mahram dengan mangsa rogol. Jika sabit kesalahan mereka akan dikenakan hukuman penjara minima enam tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, serta dikenakan hukuman sebat minima sebanyak enam kali dan tidak lebih dari dua puluh empat kali sebatan. (Zanariah Noor, 1985).

Di negara-negara seperti Arab Saudi, China dan Filipina, perogol boleh dikenakan hukuman mati. Walau bagaimanapun, jenayah rogol dianggap paling sukar dibuktikan, dan prosedur pembentangan bukti di mahkamah lebih kerap memungkinkan perogol dibebaskan.

Hukuman Terhadap Perogol Menurut Islam

Apabila para ulama membincangkan berkaitan dengan hukuman rogol atau zina bi al-ikrah atau juga dinamakan dalam istilah modennya sebagai ighisab melalui penulisan manuskrip dan teks-teks lama yang telah ditulis, didapati mereka lebih menumpukan kepada mangsa rogol iaitu para wanita berbanding hukuman bagi perogol itu sendiri.

Dalam isu rogol, sebahagian ulama meletakkan ia dibawah hukuman hudud. Manakala sebahagian yang lain pula meletakkan dibawah hukum ta'zir.

Perkara ini tidak disepakati atau berlaku khilaf oleh ulama. Ini disebabkan jenayah rogol ini tidak termaktub dalam nas, sedangkan yang termaktub dalam nas adalah zina. Perkara utama yang perlu difokuskan dalam penentuan hukuman bagi perogol adalah sama ada ia termasuk di bawah hukum hudud atau hanya taazir.

Kumpulan yang mengatakan bahawa jenayah rogol diklasifikasikan dibawah hukuman hudud, sebenarnya mereka mengaplikasikan teori Mazhab. Ini

kerana, jenayah rogol dibandingkan dengan hudud sama-sama mengandungi maksud melakukan persetubuhan haram. Ia difahami melalui uruf bahasa sahaja.

Menurut Muhammad Fathi Yusof (2014) hudud dari sudut bahasa membawa maksud mencegah atau menahan. Manakala dari sudut istilah ialah hukuman yang telah ditetapkan oleh nas-nas al-Qur'an dan as-Sunnah yang wajib dilaksanakan sebagai memenuhi hak Allah s.w.t atas disebabkan oleh merosakkan kepentingan masyarakat umum dan ketenteraman orang ramai seperti berzina, menuduh orang berzina, minum arak, mencuri, murtad, merompak dan memberontak. Kadar hukumannya adalah tetapi dan tidak boleh dipinda samaada ditambah atau dikurang.

Oleh itu daripada persoalan yang disebutkan awal tadi maka terbit dua pendapat dari ulama terkenal iaitu pertamanya pertanyaan salah seorang pengikut Ibn al-Arabi tentang permasalahan ini. Maka menurut beliau, jenayah rogol adalah terkandung di bawah hudud iaitu hirabah. Tetapi berlaku perselisihan dengan pengikutnya yang tidak bersetuju dengan pendapat tersebut.

Mereka berpendapat bahawa hanya jenayah yang berkaitan dengan harta seperti rompakan sahaja yang boleh dikategorikan sebagai hirabah sedangkan rogol tiada kaitannya dengan harta. Lantas Ibn al Arabi menjawab persoalan ini dengan menyoal kembali tidakkah merogol itu lebih dahsyat dari merompak? Beliau menambah lagi bahawa kebiasaan orang ramai tidak akan melawan bagi mempertahankan harta mereka sekiranya nyawa mereka diancam. Tetapi mereka sanggup menggadai nyawa demi mempertahankan maruah isteri dan juga anak-anak mereka.

Selain itu, Ibn Hazm juga sependapat dengan Ibn al Arabi dalam hal ini. Beliau juga menyatakan bahawa rogol dimasukkan di bawah jenayah hudud iaitu hirabah. Menurutnya "muharib" (penjenayah hirabah) adalah mereka yang membuat

kekacauan dengan membunuh orang ramai, merampas harta benda mereka atau merogol. Pendapat yang sarnâ juga dipegang oleh mazhab al-Syafie, Maliki dan Mujahid. Daripada pendapat-pendapat di atas jelaslah kepada kita bahawa rogol adalah salah satu jenayah yang termasuk di dalam kategori hudud iaitu hirabah. Hirabah secara umumnya bermaksud merampas harta benda secara kekerasan, rompakan, perbuatan menakut-nakutkan orang, dan memerangi negara. (Bakar Ismail, 1990). Oleh kerana rogol telah dipersetujui oleh sebahagian para ulama sebagai hirabah, maka tidak ada hukuman lain yang akan dijatuhkan ke atas perogol kecuali hukuman yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an sama ada hukuman bunuh, salib, memotong tangan dan kaki secara bersilang atau dibuang daerah. Seperti mana dalam firman Allah s.w.t :

“ Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar”. (Surah al-Maidah ayat 33)

Walau bagaimanapun bagi memastikan bahawa hukuman yang dikenakan kepada perogol setimpal dengan jenayah mereka, maka terlebih dahulu kita perlu melihat kepada hukuman zina. Ini kerana jenayah rogol mempunyai banyak persamaan dengan jenayah zina. Jika di dalam zina yang tiada melibatkan kekerasan, hukuman minimanya ialah rotan seratus kali dan dibuang daerah selama setahun bagi mereka yang belum berkahwin dan hukuman rejam bagi mereka yang telah berkahwin. Maka, perogol sepatutnya dijatuhkan hukuman yang lebih berat. Dengan itu hukuman bunuh dikira sebagai hukuman minima bagi perogol. Qadi atau hakim juga boleh memberikan hukuman tambahan bagi perogol mengikut pertimbangannya. Di dalam kes ini hukuman mati dikira tepat sebagai balasan kepada perogol sekiranya jenayah ini melibatkan kekerasan dan penggunaan senjata.

Selain itu juga, terdapat dua jenis hukuman yang pernah dijalankan terhadap perogol berasaskan kepada sejarah yang diambil daripada hadis-hadis tertentu. Pertamanya, hukuman had dan yang kedua bayaran mahr. Bagi hukuman jenis pertama, perogol yang didapati melakukan zina bi al-ikrah atau secara paksaan ini akan dikenakan hukuman sebagaimana hukuman had zina. Hukuman had bagi kesalahan zina adalah 100 kali sebatan bagi penzina belum berkahwin atau dalam istilah arab disebut ghair muhsan. Selain itu, bagi penzina yang sudah berkahwin atau dalam istilah arab disebut sebagai bagi muhsan, hukumannya adalah direjam sampai mati dikhalayak ramai. Seperti mana dalam firman Allah s.w.t :

“ Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum ugama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman”. (Surah an-Nur ayat 2)

Di samping itu juga ketetapan hukuman berbeza bagi penzina yang sudah dan belum berkahwin terdapat di dalam beberapa hadis yang turut menyebut tentangnya. Manakala mangsa yang dipaksa berzina tidak dikenakan sebarang hukuman. Ini dibuktikan menerusi Hadis yang menceritakan mengenainya pada zaman Rasulullah s.a.w. Hadis berkenaan antara lainnya menceritakan bagaimana Rasulullah s.a.w menghukum had zina ke atas perogol dan sebaliknya melepaskan wanita yang dipaksa berzina dengan lelaki itu tanpa hukuman.

Walau bagaimanapun, berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan fuqaha' berkaitan hukuman dalam bentuk bayaran mahr kepada mangsa. Ini kerana mahr hanya akan dibayar oleh suami kepada isteri yang melalui proses ikatan perkahwinan yang sah. Namun dalam kes-kes rogol mangsa dirogol oleh lelaki yang bukan suaminya yang sah. Jadi, pendapat pertama menyatakan bahawa bayaran mas kahwin ke atas mangsa rogol tidak perlu.

Ini kerana hukuman jenis ini tidak menepati konsep bayaran mas kahwin yang sebenar. Tetapi berbeza dengan pendapat kedua. Hujah golongan ini bahawa persetubuhan yang berlaku dalam kes rogol ini diibaratkan seperti persetubuhan di dalam pernikahan fasid, iaitu pernikahan yang tidak sah di sisi undang-undang.

Walau pun begitu, terdapat juga golongan yang menetapkan kedua-dua jenis hukuman, iaitu bayaran mahr bagi menghukum perogol dan juga had zina. Terdapat juga dua pilihan bagi mangsa bagi menentukan bentuk hukuman terhadap orang yang merogolnya selain daripada bentuk-bentuk hukuman yang disebutkan tadi.

Perkara ini berlaku semasa pemerintahan Khalifah Islam kedua iaitu Saidina `Umar ibn al-Khattab. Pilihan yang diberikan kepada mangsa adalah sama ada mereka ingin dikahwinkan dengan perogol yang merogol mereka. Sekiranya mereka enggan dan menolak perkahwinan itu, maka perogol tersebut diperintahkan membayar mahr kepada mangsa yang dirogolnya.

Justeru itu, pelaksanaan hukuman-hukuman yang disebutkan tadi telah membuktikan bahawa Islam telah mengiktiraf hukuman dalam bentuk bayaran kewangan kepada mangsa rogol. Berikutan itu pada zaman dahulu bayaran mahr boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk pampasan yang diberikan kepada mangsa berdasarkan daripada pengiktirafan tersebut. Ini adalah disebabkan daripada jenayah yang telah dilakukan ke atas mereka. (Rozilawati Binti Mat Yacob, 2010).

Sehubungan itu, pada sub topik berikutnya akan dibincangkan dengan jelas mengenai konsep pampasan

kecederaan jenayah di dalam Islam itu sendiri. Ini disebabkan pampasan terhadap mangsa rogol adalah berdasarkan peruntukan pampasan kecederaan jenayah yang sedia ada di dalam Islam. Selain itu juga juga dijelaskan tentang konsep pampasan kecederaan jenayah di dalam Islam itu sendiri. Ini kerana pampasan terhadap mangsa rogol di dalam kajian ini adalah berdasarkan peruntukan pampasan kecederaan jenayah yang sedia ada di dalam Islam.

Bentuk Pampasan Kepada Mangsa Rogol

Allah s.w.t telah memperuntukkan ketetapan umum berkaitan pemberian pampasan di dalam Islam. Seperti mana dalam firman Allah s.w.t :

“ Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar “diah” (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya)”.

(Surah an-Nisa ayat 92)

Menurut Rozilawati Binti Mat Yacob (2010) ayat di atas memberi pengertian bahawa pelaku jenayah perlu membayar sejumlah pampasan yang dikenali sebagai diyat. Diyat yang difahami secara umum sebagai pembayaran darah dengan wang (blood-money) mempunyai dua kapasiti, iaitu sebagai remedi asal dan juga remedi alternatif. Dalam konteks remedi asal, diyat diperuntukkan sebagai hukuman bagi kesalahan yang tidak disengajakan oleh pelaku.

Sementara bagi kesalahan yang disengajakan pula, diyat sebagai remedi alternatif diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan yang mendatangkan kecederaan-kecederaan fizikal atau pembunuhan yang membolehkan hukuman qisas dilaksanakan dalam konteks remedi asal. Tetapi, atas

sebab-sebab tertentu di mana tidak memungkirkan hukuman qisas dilaksanakan, maka diyat akan diberikan kepada mangsa dalam kapasitinya sebagai hukuman gantian kepada qisas.

Misalnya ketiadaan persamaan anggota badan antara pelaku dan mangsa di samping ketiadaan amalan atau pelaksanaan qisas di sesebuah negara berkenaan. Kadar bagi satu diyat penuh bagi tujuan ini menyamai kadar diyat penuh bagi remedi asal, sama ada seratus ekor unta, seribu dinar atau dua belas ribu dirham. Walaupun ayat tersebut tidak menyebut secara terperinci mengenai kaedah pembayaran diyat dan siapa yang perlu membayar diyat, namun aspek-aspek berkenaan boleh diteliti melalui hadith tertentu yang boleh dijadikan panduan terhadap amalan pemberian pampasan ini.

Sementara itu, menurut Rozilawati Binti Mat Yacob (2010) dalam membicarakan tentang pampasan mangsa rogol pula, prinsip “jirah” akan digunapakai.



Relevannya prinsip “jirah” ini dikemukakan kerana elemen kecederaan yang dialami mangsa rogol adalah menepati elemen “jirah” yang ada di dalam Islam. Jirah difahami sebagai kecederaan yang melukakan anggota badan. Ia terbahagi kepada dua iaitu ja’ifah dan ghaiyr ja’ifah. Jika luka itu sampai menembusi anggota-anggota yang berongga seperti dada, perut, dubur dan rusuk maka ia termasuk di dalam kategori

ja’ifah.

Turut termasuk di dalam kategori ini adalah faraj wanita sama ada yang masih dara ataupun tidak. Ini sesuai dengan keadaan fizikal kemaluan wanita yang juga mempunyai rongga walaupun tidak dinyatakan sebagai contoh anggota berongga di dalam mana-mana kitab fiqh. Manakala bagi luka yang tidak mengenai anggota berongga, seperti luka pada leher, tangan dan kaki, ia adalah dibawah kategori ghaiyr ja’ifah. Kadar pampasan bagi ja’ifah sebagaimana dinyatakan di dalam kitab-kitab fiqh adalah sebanyak satu pertiga diyat.

Sementara bagi ghaiyr ja’ifah pula kadar dan nilai pampasannya berdasarkan hukumah, yang mana ia bergantung kepada budi bicara hakim. Kaedah penentuan kadar pampasan terhadap “jirah” atau kecederaan fizikal ini dijelaskan secara terperinci melalui sepucuk surat yang ditulis oleh Rasulullah

Surat berkenaan kemudiannya diutus kepada seorang Gabenor di Yaman. Isi kandungan surat tersebut menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w telah menetapkan prinsip-prinsip penentuan nilai pampasan bagi setiap jenis dan tahap kecederaan fizikal yang dialami mangsa. Kadar pampasan itu ditentukan berdasarkan jenis-jenis anggota badan yang terdiri daripada anggota tunggal, anggota sepasang dan anggota yang lebih daripada dua. Tahap-tahap kecederaan seperti luka yang membawa kepada peringkat-peringkat tertentu juga menjadi faktor kepada penentuan nilai pampasan.

Turut tertera di dalam surat berkenaan juga adalah dua metod pembayaran diyat, iaitu unta dan dinar (wang emas) yang boleh digunakan sebagai medium pembayaran dalam urusan pemberian pampasan.

Jadi, berpandukan prinsip tersebut, maka pampasan kepada mangsa rogol di dalam konteks ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu pampasan terhadap kecederaan utama, kecederaan sampingan dan kematian. Berikut merupakan penerangan mengenai

jenis-jenis pampasan yang tersedia untuk mangsa rogol sebagaimana yang telah dibahaskan oleh para fuqaha'.

Kecederaan utama yang dimaksudkan di sini ialah kecederaan yang dilakukan ke atas kemaluan mangsa. Kecederaan utama ini adalah kemasukan yang berlaku di dalam kes-kes rogol. Untuk kecederaan utama ini, beberapa bentuk pampasan boleh diperolehi oleh mangsa. Pampasan pertama berupa diyat. Diyat penuh akan diberikan kepada mangsa rogol akibat berlaku kemasukan ke dalam kemaluannya. Menerusi perkara tersebut, ada pendapat menyatakan bahawa mangsa

oleh perogol iaitu lelaki tidak memungkinkan qisas dilaksanakan ke atas perogol kerana ketiadaan persamaan anggota seksual dengan mangsa iaitu perempuan.

Justeru itu, diyat penuh perlu diberi kepada mangsa sebagai alternatif kepada hukuman qisas. Selain diyat penuh, terdapat pendapat lain yang menyatakan bahawa mangsa rogol perlu diberi arsh sebanyak satu pertiga diyat.

Menurut Ibn Qudamah (1999) di dalam kitabnya al-Mughni, perempuan yang dipaksa berzina layak diberi satu pertiga diyat beserta mahr mithl kerana persetubuhan yang berlaku adalah

mengikut mahr mithlnya sementara janda diberi arsh sebanyak satu pertiga diyat. Manakala pendapat kedua pula membenarkan mangsa sama ada anak dara atau janda diberi kedua-duanya. (Rozilawati Binti Mat Yacob, 2010).

Selain daripada kecederaan dalam bentuk kemasukan, kecederaan-kecederaan lain juga biasa ditemui pada anggota badan mangsa. Ini termasuklah kesan yang zahirnya dapat dilihat atau sebaliknya, juga kesan-kesan untuk jangka masa panjang. Bagi kecederaan lain selain daripada kemasukan, mangsa juga akan diberi pampasan yang setimpal dengan kecederaan yang diperolehi akibat dirogol.

Ia memberikan justifikasi dan hak kepada mangsa untuk memperoleh pampasan mengikut jenis, bentuk dan tahap kecederaan anggota badannya. Ia tertakluk di bawah kategori sama ada diyat, arsh atau hukuman yang juga merupakan alternatif kepada pampasan kecederaan fizikal

Manakala bagi kecederaan yang tidak tersenarai di dalam mana-mana kategori tersebut, ta'zir boleh diaplikasikan oleh para hakim. Prinsip ini boleh digunakan bagi menentukan jumlah pampasan yang sepatutnya kepada mangsa. Misalnya dalam kes-kes rogol di mana mangsa adalah anak dara.

Dalam kes-kes berkenaan, koyakan pada selaput dara yang disebabkan elemen kemasukan oleh perogol akan menyebabkan fungsi dan manfaat anggota berkenaan hilang untuk selama-lamanya. Apatah lagi selaput dara berkenaan berfungsi sebagai lambang keperawanan mangsa.

Apabila 'kemasukan' berlaku, maka secara sendirinya selaput tersebut akan mengalami koyakan dan 'rosak'. Perkara ini sudah tentunya memberi kesan psikologi yang buruk ke atas diri mangsa. Meskipun kehilangan fungsi selaput dara tidak tersenarai di dalam kategori diyat, arsh mahupun hukuman, namun anggota berkenaan juga merupakan anggota tunggal yang dimiliki mangsa di mana tiada ganti bagi mengembalikan selaput berkenaan.



berhak memperoleh diyat yang sempurna tanpa mengira sama ada kemasukan itu dilakukan dengan menggunakan zakar, jari atau menggunakan benda-benda lain. Ini kerana, perbuatan mencerooboh kemaluan mangsa itu telah menghasilkan satu keadaan di mana alat-alat yang digunakan bagi tujuan tersebut telah mendatangkan kerosakan dengan cara kemasukan dan sehingga menembusi ke dalam faraj mangsa.

Dalam konteks yang sama juga, Imam Shafi'i menerusi perbincangan beliau mengenai al-Jinayah 'ala Rakibah al-Mar'ah, memberikan hak yang sama kepada mangsa untuk memperoleh diyat yang sempurna. Alasan beliau, bahawa kemasukan yang dilakukan

tanpa hak dan tanpa izin perempuan itu. Walau bagaimanapun, masih terdapat perbincangan lain mengenai perbezaan pampasan di antara mangsa yang masih dara (al-bikr) dan juga janda (al-sayyib). Pendapat pertama menyatakan bahawa mangsa yang masih dara hanya perlu diberi mahr mithl tanpa disertai arsh bakarlah iaitu satu pertiga diyat kerana arsh bakarlah termasuk di dalam mahr mithl.

Sementara itu, bagi mangsa yang bukan dara iaitu janda, mereka perlu diberi arsh bakarlah. Alasan bagi pendapat ini adalah berdasarkan mahr mithl bagi anak dara lebih tinggi berbanding janda. Oleh yang demikian, memadai bagi mangsa yang dara diberi pampasan

Ia juga merupakan 'harta' paling berharga yang dikaitkan dengan maruah dan kehormatan diri seseorang perempuan Justeru, dalam menentukan nilai pampasan tersebut, hakim boleh mengambil prinsip qiyas iaitu menyamakan jenis anggota terlibat, nilai pampasannya serta bentuk dan tahap kecederaan yang dialami, dengan apa yang sedia ada di dalam peruntukan diyat, arsh, hukumah juga ta'zir. (Rozilawati Binti Mat Yacob, 2010).

Manakala bagi kes-kes rogol yang mengakibatkan kematian mangsa, waris atau keluarga mangsa berhak memperoleh pampasan sebanyak satu diyat penuh. Ini boleh dilihat daripada dalil-dalil yang dikemukakan sebelum ini di mana jenayah yang melibatkan nyawa, pampasannya adalah satu diyat. Namun, jika penjenayah telah dijatuhkan hukuman mati, maka pampasan tidak perlu lagi diberikan kepada keluarga mangsa. Ini kerana, peranan diyat atau pampasan disitu adalah sebagai hukuman alternatif kepada penjenayah di mana keluarga mangsa telah memaafkan jenayah tersebut.

Sungguhpun begitu, dalam konteks hari ini tidaklah menjadi kesalahan sekiranya keluarga mangsa diberikan pampasan di atas kematian mangsa. Penyelesaian alternatif ini boleh dicadangkan atas dasar hukuman secara ta'zir. (Rozilawati Binti Mat Yacob, 2010).
Kaedah Pensabitan Kesalahan Jenayah Rogol

Bagi kes-kes rogol, seseorang yang didakwa dirogol hendaklah membuktikan bahawa dirinya dirogol dan melalui paksaan, sama ada paksaan secara terus atau paksaan persekitaran serta bukan atas kerelaan. Ini bukan bermaksud seseorang perempuan itu perlu membuktikan bahawa si lelaki berkenaan yang merogolnya. Ini kerana pembuktian merogol adalah tinggi. Bahkan cukup menampilkan bukti atau saksi yang menyokong bahawa dia dirogol seperti saksi pakar (dokter) atau orang yang mendengar jeritannya. Penyabitan zina bagi mangsa rogol masih perlu dibuat berdasarkan prinsip asas pembuktian zina dibawah kanun hudud iaitu melalui empat saksi

yang adil.

Pendakwaan tidak boleh untuk menjatuhkan hukuman berdasarkan hukuman hudud jika tanpa pembuktian empat saksi yang adil. Namun masih boleh dilaksanakan mengikut hukuman takzir. Sungguhpun begitu, pihak mangsa masih boleh mengelak hukuman takzir sekiranya boleh membuktikan bahawa wujud keterpaksaan. Keterpaksaan bukanlah berbentuk niat atau qasad pelaku dan sabitan tidak boleh dikenakan dalam Islam. Pihak pendakwa masih boleh mendakwanya di bawah undang-undang Takzir biarpun tahap kesaksian untuk pendakwaan dilakukan dalam hukum Hudud tidak mencukupi empat orang saksi yang melihat kejadian tersebut.

Melalui peruntukan Takzir, hukumannya juga lebih ringan berbanding Hudud dan beban pembuktian adalah lebih longgar. Berlaku peristiwa di zaman pemerintahan Islam di mana terdapat seorang gadis yang mengandung lalu dibawa ke muka pengadilan. Gadis itu mempertahankan dirinya menyatakan bahawa beliau tidak tahu sesiapa yang merogolnya, tetapi menyebut bahawa beliau adalah seorang yang terlalu kuat tidur sehingga tidak sedar jika diperlakukan sesuatu yang tidak baik ke atasnya.

Disebabkan kes ini jarang berlaku, hakim telah membenarkan tertuduh mengemukakan beberapa saksi yang boleh mengesahkan dakwaannya bahawa beliau adalah seorang yang terlalu kuat tidur. Setelah hakim berpuas hati dengan kesaksian bahawa gadis tersebut memang dikenali sebagai seorang wanita yang taat beragama serta berakhlak baik, dan kesaksian bahawa beliau memang seorang yang terlalu kuat tidur sehingga tidak sedar diperlakukan sesuatu ke atasnya ketika sedang tidur, maka hakim telah menggugurkan kes tersebut kerana terdapat keraguan yang munasabah bahawa gadis tersebut telah berzina secara sukarela.

Selain itu, kebanyakan ulama bersetuju dengan pemakaian qarinah dalam kes yang melibatkan hukuman takzir. Dalam kes rogol, sekiranya rogol itu dikira sebagai kesalahan jenayah takzir. Dalam satu kes pada zaman Rasulullah s.a.w, seorang lelaki telah menyerang seorang wanita dengan niat untuk memperkosanya. Wanita itu menjerit dan terus pingsan. Lelaki itu terus melarikan diri. Seorang lelaki lain mendengar jeritan wanita itu dan datang membantu dan cuba mengangkat wanita tersebut. Tidak lama kemudian, datang sekumpulan orang yang turut mendengar jeritan wanita itu tadi. Mereka menyangka lelaki kedua itulah yang menyerang wanita. Lalu lelaki itu dibawa ke hadapan Rasulullah s.a.w.

Apabila wanita itu sedar, dia turut memberi "kesaksian" bahawa lelaki itulah yang menyerangnya. Berdasarkan "kesaksian" wanita itu dan keterangan orang-orang yang menangkap lelaki kedua itu bahawa mereka mendapati tertuduh sedang merangkul (memeluk) mangsa tersebut, Rasulullah s.a.w mendapati lelaki itu bersalah dan menjatuhkan hukuman rejam. Walau bagaimanapun lelaki pertama tadi tampil membuat pengakuan bersalah. Lantas Rasulullah s.a.w melepaskan lelaki yang kedua tadi. Dalam kes ini, Rasulullah s.a.w telah menerima pakai qarinah dengan "kesaksian" wanita yang cuba dirogol tadi dalam menjatuhkan hukuman. Saidina Umar juga menggunakan qarinah dalam kes yang hampir sama.

Maksud Surah Al-Isra` Ayat 32 :
"DAN JANGANLAH KAMU MENGHAMPIRI ZINA,
SESUNGGUHNYA ZINA ITU ADALAH SATU
PERBUATAN YANG KEJI DAN SATU JALAN YANG
JAHAT (YANG MEMBAWA KEROSAKAN)"

Diriwayatkan bahawa pada zaman pemerintahan Saidina Umar alKhattab, seorang wanita yang telah terpicat dengan seorang lelaki Ansar, tetapi tidak diendahkan oleh lelaki tersebut telah melumuri sebahagian daripada putih telur pada beberapa bahagian pakaiannya dan pada betisnya. Ketika mana lelaki tersebut melalui di hadapannya, dia menjerit meminta tolong seolah-olah dia dirogol oleh lelaki tersebut. Orang ramai membawa wanita dan lelaki tersebut pergi bertemu Saidina Umar.

Khalifah kemudiannya telah meminta pendapat daripada beberapa orang wanita dan kelihatannya mereka bersetuju bahawa terdapat kesan air mani di atas pakaian dan badan wanita itu. Lalu, lelaki itu ditahan dan dia menafikan dakwaan yang dikenakan ke atasnya. Kemudian Saidina Umar telah meminta pendapat daripada Saidina Ali. Saidina Ali memerintahkan seseorang untuk membawa air yang panas mendidih lalu dituangkan ke atas pakaian wanita itu, setelah itu mereka menyedari bahawa kesan tersebut ialah telur dan bukan kesan air mani. (Zulfakar Ramlee Saad, 2015).

Qarinah boleh digunakan sebagai bahan bukti yang boleh mensabitkan kesalahan takzir ke atas perogol. Qarinah ini juga boleh mengelakkan mangsa rogol dari dakwaan Qazaf, kerana Qazaf merupakan kesalahan Hudud dan sebarang keraguan yang boleh ditimbulkan melalui Qarinah dalam kes Hudud boleh menggugurkan kes tersebut. Hukuman Hudud boleh dilakukan ke atas seseorang hanya apabila tiada sebarang keraguan langsung. Manakala untuk kesalahan yang boleh dibuktikan secara jelas oleh Qarinah, tetapi tidak mencapai tahap kesaksian yang diperlukan oleh Hudud, hukum Takzir boleh dikenakan terhadap penjenayah tersebut. (Ibnu Rusyd, 1991).

Begitu juga dalam hal sekiranya keterangan berbentuk qarinah diambil kira iaitu seseorang yang mengadu dirinya dirogol, sepertimana kes-kes biasa, perlu membuat laporan polis dan melakukan pemeriksaan doktor. Ini prosedur biasa. Polis atau pegawai penyiasat akan melakukan penyiasatan berdasarkan laporan dan keterangan yang diberikan. Sekiranya terdapat bukti yang kukuh bahawa kes rogol sememangnya telah berlaku, pegawai penyiasat akan menyerahkan laporan kepada pihak pendakwa. (Nabilah Abd. Sami', 2001).

Keberkesanan Undang-Undang Sedia Ada Menangani Jenayah Rogol Di Malaysia

Para pengkaji undang-undang, jurisprudens serta ahli falsafah terutamanya dari Barat mengemukakan pelbagai konsep, teori dan falsafah berkaitan undang-undang yang terbaik untuk diikuti oleh manusia. Teori dan falsafah ini diikemukakan bagi menentukan piawai dan keberkesanan dan keadilan undang-undang. (Muhammad Fathi Yusof, 2014). Realitinya didapati peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia melalui hukuman untuk perogol tidak dapat membendung apa lagi menghentikan jenayah rogol dari terus berleluasa. Statistik menunjukkan kadar jenayah rogol makin meningkat saban tahun. Fakta menunjukkan undang-undang sedia ada seringkali mengalami pindaan bagi meningkatkan hukuman kepada perogol. Ini menunjukkan bahawa undang-undang ciptaan manusia terbatas dan sentiasa perlu kepada pembaharuan dan pembaikan. Ini dibuktikan apabila pindaan telah dibuat ke atas seksyen 375 Kanun Keseksan, Malaysia (1987) (definisi rogol) pada tahun 1989 bagi memperketat dan memperkemas takrif atau definisi rogol.

Di samping itu, pihak kerajaan dalam proses mengkaji semula seksyen 375 Kanun Keseksan (1987) kerana ianya masih didapati tidak begitu berkesan. (Gan Kong Meng, 2007). Ini menunjukkan kelemahan sistem perundangan Malaysia buatan manusia. Menurut Muhammad Fathi Yusof, (2014) undang-undang Islam adalah dari Allah s.w.t sedangkan undang-undang sivil adalah buatan manusia. Allah s.w.t yang memiliki segala sifat kesempurnaan tentunya membuat undang-undang yang terbaik dan paling sesuai untuk manusia. Bahkan manusia ini adalah ciptaan Allah s.w.t, maka Allah tentu Maha Mengetahui apakah undang-undang

jenayah yang sesuai dengan fitrah manusia. Undang-undang ciptaan manusia terdedah dengan seribu satu kelemahan kerana ilmu dan kebolehan manusia adalah terhad. Tambahan pula manusia sentiasa terpengaruh dengan keadaan persekitaran, latar belakang keluarga, pendidikan, dorongan nafsu dan hasutan syaitan. (Abdul Ghani Azmi b. Idris, 1997).

Begitu juga undang-undang di Malaysia dalam menangani jenayah rogol tidak bersifat mencegah dan memberi pengajaran kepada pesalahnya. Sebagai contoh menurut Akta 354 iaitu menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan. Barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan orang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat, atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu. (International Law Book Services, 1994). Hukuman berbentuk penjara, denda dan sebatan cukup sekadar memberi pengajaran kepada pesalah jenayah tersebut berbanding dengan rakyat lainnya. Hukuman sebatan contohnya dijalankan di dalam bilik bertutup. Ini berbeza dengan undang-undang jenayah Islam mengutamakan aspek pencegahan melalui kaedah yang unik dan amat menarik. Contohnya hukuman yang terdapat di dalam undang-undang Islam seperti sebat dan rejam bagi penzina dilihat sebagai berat dan menggerunkan oleh sesetengah pihak. Ini menjadikan rakyat takut untuk melakukan jenayah zina. (Muhammad Fathi Yusof, 2014).

Undang-undang bagi menghukum jenayah rogol sedia ada di Malaysia tidak membela kaum wanita bahkan menindas golongan yang lemah ini. Ini kerana Di Malaysia umpamanya undang-undang jenayah kebanyakannya diperuntukkan di dalam Kanun Keseksan (Akta 574) yang divedok

dari Kanun Keseksaan India 1932. Kanun Keseksaan India ini adalah sebenarnya berasal dari kaedah-kaedah perundangan Common Law England yang dikumpulkan dan ditulis dalam bentuk akta atau Kanun. (Muhammad Fathi Yusof, 2014). Dalam tempoh 70 tahun ini, pindaan sudah dibuat beberapa kali. Dengan peredaran zaman, perlakuan jenayah terhadap wanita juga menjadi lebih kompleks. Sebagai contoh Kanun Keseksaan tidak memperuntukan secara spesifik jenayah memasukkan objek seperti kayu atau rod besi ke dalam kemaluan mangsa. Pesalah boleh didakwa di bawah subjek kekerasan dengan niat mencabul kehormatan dalam seksyen 354 yang memperuntukan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebatan. Berikutan itu, hukuman maksimum di bawah seksyen 354 harus ditingkatkan ke 20 tahun iaitu setara dengan hukuman rogol dan persetubuhan luar tabii tanpa kerelaan. Apa yang perlu dititikberatkan ialah keganasan terhadap wanita dan bukan sama ada organ seks digunakan. Selain itu, kesinambungan daripada undang-undang sedia ada tidak membela golongan wanita yang seringkali menjadi mangsa rogol. Menurut Ahmad bin Muhammad Husni (2013) ini dapat dibuktikan dalam undang-undang jenayah sivil jelas menunjukkan bahawa seorang lelaki sahaja yang boleh disabitkan melakukan kesalahan rogol meskipun kesalahan tersebut dilakukan atas kerelaan pihak wanita. Hal ini dapat dilihat daripada contoh yang dapat diterbitkan daripada frasa satu iaitu "bertentangan dengan kemahuan perempuan itu". Sebagai contoh, apabila seorang wanita menyuruh seorang lelaki memakai sarung kemaluannya sebelum menyetubuhinya tetapi lelaki tersebut tidak berbuat demikian, lelaki itu boleh didakwa atas kesalahan merogol kerana bertentangan dengan kemahuan wanita tersebut meskipun dilihat wujud kerelaan daripada pihak wanita. Perkara ini jauh berbeza dengan undang-undang jenayah Islam yang menetapkan unsur sengaja atau rela merupakan salah satu rukun bagi membolehkan

sesuatu kesalahan boleh disabitkan dengan hukuman seperti jenayah zina.

Oleh itu, wanita yang melakukan kesalahan zina dengan niat dan pilihan sendiri atau alqasd membolehkannya disabitkan dengan kesalahan zina dan boleh dijatuhkan hukuman. Namun, jika ia dipaksa tanpa kerelaannya, maka perbuatan tersebut dikira jenayah zina secara paksa atau dikenali sebagai rogol. Dalam keadaan sedemikian tiada hukuman hudud yang akan dikenakan. Oleh yang demikian berdasarkan kepada bukti-bukti yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa undang-undang sedia kurang berkesan ada dalam menangani jenayah rogol di Malaysia. Sungguh pun begitu tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang merupakan hanya salah satu mekanisme membasmi dan mengurangkan jenayah. Pada masa yang sama elemen-elemen lain seperti kempen kesedaran, penerangan kaedah pencegahan, dan yang paling penting sekali pendidikan perlu diberi perhatian sepenuhnya. Pelaksanaan hukuman yang setimpal dan efektif serta langkah pencegahan perlu dijayakan seiring dan bersama bagi tujuan murni iaitu membasmi aktiviti tidak bermoral khususnya jenayah rogol. Pelaksanaan hukuman jenayah rogol berlandaskan syarak, yang jauh lebih bermanfaat kepada manusia dan dapat menggantikan undang-undang ciptaan manusia yang mempunyai banyak kelemahan dan tidak bersifat adil kepada semua pihak.

Kesimpulan

Rogol adalah jenayah yang kejam dan tidak berperikemanusiaan kerana ia meninggalkan kesan buruk dan berkekalan dari segi mental dan fizikal ke atas mangsa (Gan Kong Meng, 2007) Realitinya jenayah rogol boleh berlaku pada bila masa dan di mana-mana sahaja sama ada di luar ataupun dalam rumah. Apa yang lebih membimbangkan melalui kes-kes yang pernah berlaku, perogol terdiri daripada kenalan mangsa atau saudara mara, termasuk jiran

tetangga. Jenayah ini pula boleh berlaku tanpa diduga, di mana, siapa dan bila yang bakal bertindak sedemikian. Kelakuan perogol merupakan kelakuan yang amat zalim kerana melakukan jenayah berkenaan tanpa memikirkan kesan dan perasaan yang bakal dialami mangsa.

Sebagai kesimpulannya jenayah rogol tidak boleh dibiarkan terus menular dan membarah dalam masyarakat. Oleh yang demikian perogol sewajarnya dihukum dengan hukuman yang setimpal berdasarkan hukuman yang telah Allah s.w.t tentukan. Walau bagaimanapun, bukan sahaja penjenayah yang harus dipersalahkan. Ini sekiranya masyarakat sendiri membenarkan pelbagai ransangan seks memenuhi ruangan media baik elektronik atau cetak bagi mencemarkan minda masyarakat atas alasan memenuhi kehendak dan permintaan khalayak sasaran. Perlaksanaan syariah atau undang-undang Islam seperti hukuman qisas, diyat, hudud, begitu juga pelaksanaan hukuman taa'zir, merupakan ketetapan yang telah ditentukan dan digariskan oleh Allah s.w.t sebagai syariat yang perlu dilaksanakan dan digunapakai oleh para pemerintah negara. Islam merupakan agama rahmat dan kesejahteraan. Jika hukuman hudud dilaksanakan, sudah pasti ia akan menjamin kesejahteraan hidup seterusnya memakmurkan negara.

Wallahualam.



AKTIVITI-AKTIVITI PUSAT ISLAM UNIMAP



Ceramah Nuzul Al Qur'an oleh Ustaz Roslan Che Ros sempena Sambutan Ramadan 1439H-2018, Surau UniMAP, Kampus Alam Pauh Putra



Ceramah Siri Kefahaman Islam Kontemperari Semasa "Pencerahan Tentang Bitcoin, Dewan Kecemerlangan, Kampus Alam Pauh Putra



World Qur'an Hour Dakwah, Surau UniMAP, Kampus Alam Pauh Putra



Gotong Royong Memasak Bubur Lambuk 2018



Pemberian Agihan Bubur Lambuk 2018



Majlis Ibadah Korban, Kampus Alam Pauh Putra



Siri Kefahaman Islam Kontemporari Semasa, Pencerahan Tentang LGBT



Siri Kefahaman Islam Kontemporari Semasa, Pencerahan Tentang LGBT



Kuliah Dhuha oleh Mufti



Akademic Talk "End of The World, True or Not" oleh Dato' Dr. Danial



Maal Hijrah UniMAP 2018



Pertandingan Mewah



Majlis Khatam Al Qur'an,
Surau Alam Pauh Putra



World Qur'an Hour Dan Majlis Khatam Al Qur'an,
Surau UniMAP, Kampus Alam Pauh Putra



Kulliah Dhuha Sempena Sambutan Ihya Ramadan
1439H-2018,
Surau UniMAP, Kampus Alam Pauh Putra



Aqiqah UniMAP 2018,
Surau Alam Pauh Putra



Festival Nasyid Antara Jabatan UniMAP



Forum Sempena iFEST 1.0



Kulliah Dhuha Sempena iFEST 1.0



Kulliah Dhuha oleh Mufti Perlis Sempena iFEST 1.0



Kulliah Dhuha Muslimat Sempena Ihya Ramadhan



Program Refleksi Diri Sempena iFEST 1.0



Program Refleksi Diri Bersama
Dato' Dr. Izhar Ariff sempena Festkon 13



Program Rejuvenasi Minda Bersama
Ustaz Syamsul Debat sempena Festkon 13

15 PENYEKAT BERKAH

1

Hasad dengki dan mengumpat

2

Berhias secara berlebihan (tabaruj)

3

Datang lewat tanpa kebenaran

4

Menggunakan masa kerja untuk hal-hal peribadi



8

Menipu dalam membuat tuntutan (claim) dan kerja lebih masa

9

Menggunakan kemudahan pejabat untuk keperluan peribadi

10

Percampuran bebas antara lelaki dan wanita (ikhtilat)

11

Pulang sebelum masanya

Poster ini diambil daripada majalah asal AL-USTAZ isu 29 yang dikeluarkan oleh...

T Ada perkara-perkara yang perlu dihindari andainya kita benar-benar mengharapkan rezeki yang berkat. Keberkatan rezeki tidak mungkin diraih andainya gaji yang kita peroleh dicampuri unsur-unsur syubhah. Mungkin ada antara perkara-perkara ini kita lakukan tanpa sedar di tempat kerja. Hindarilah, agar gaji yang diterima seratus peratus bebas syubhah.

5

Curi tulang
Melalaikan
Tugasan

6

Banyak
beralasan
yang tidak
munasabah

7

Angkuh
dan sukar
bekerja-
sama

MINI POSTER
AL-USTAZ
isu 29

Telaga Biru



12

Memberi
dan
menerima
rasuah

13

Tidur pada
waktu
kerja

14

Bertindak
tanpa
mengikut
arahan
ketua

Konsep al-Khizy

MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

*: Faktor Dan
Langkah Mengatasinya*



DR. MOHD SHOLEH BIN SHEH YUSUFF
Kulliyah Usuluddin dan Sains al-Qur'an (UniSHAMS)

Kajian ini menghuraikan pengertian al-Khizy yang terkandung di dalam al-Qur'an dari perspektif yang lebih luas. Al-Khizy yang berupa banjir, ribut, gempa bumi dan sebagainya selalu dianggap sebagai bencana alam. Pada hal ia merupakan hukuman Allah s.w.t disebabkan perbuatan manusia itu sendiri.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan menjelaskan pengertian al-Khizy menurut al-Qur'an, al-Sunnah dan para ulama serta menghuraikan faktor-faktor ia berlaku. Selain itu, ia juga mengemukakan sikap dan tindakan sewajarnya yang harus diambil oleh manusia khususnya orang yang beriman dalam menghadapi sebarang bentuk al-Khizy.

Huraian dan perbincangan terhadap kesalahfahaman yang berkaitan dengan konsep al-Khizy diambil daripada pandangan para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang membincangkannya. Kajian ini adalah kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah deskriptif dan historika. Hasil kajian mendapati bahawa al-Khizy yang dinyatakan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan hukuman dari Allah s.w.t yang ditimpakan kepada manusia disebabkan dosa-dosa mereka.

Melihat kepada keluarbiasaan dan kehebatan impaknya, ia tidak boleh dianggap sebagai bencana alam semata-mata, tetapi ia adalah dari Maha Kuasa iaitu Allah s.w.t. Kedua-dua ciri ini dijelaskan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai al-Khizy dan secara saintifiknya juga, ia tidak dikenali sebagai bencana alam semata-mata.

Kata Kunci: Pengertian al-Khizy; dianggap bencana alam; hukuman dari Allah; perbuatan manusia; cara menghadapi al-Khizy.

Dunia akhir zaman, semakin ramai umat Islam yang kurang mengambil berat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan agama Islam. Setiap perkara yang diperintahkan oleh agama jarang diambil peduli, arahan dan tegahan Allah s.w.t sering diabaikan oleh manusia. Mereka enggan menggunakan di dunia

untuk diambil pengajaran, enggan menggunakan telinga untuk mendengar dan menerima ajaran Allah s.w.t. Allah s.w.t umpamakan mereka seperti binatang ternakan bahkan lebih teruk lagi.

Allah s.w.t menjelaskan perkara ini menerusi firmanNya yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka Jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati yang tidak (mahu) memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan mempunyai mata yang tidak (mahu) melihat dengannya (bukti keesaan Allah), dan mempunyai telinga yang tidak (mahu) mendengar dengannya (ajaran dan nasihat), mereka itu seperti binatang ternakan, bahkan mereka lebih sesat lagi ; Mereka itulah orang yang lalai (Surah al-A’raf, 7: 179)”.

Bencana alam yang berlaku merupakan salah satu bentuk al-Khizy. Masyarakat dunia dikejutkan dengan Hujan lebat mengakibatkan banjir kilat di Kulim Kedah, dalam masa yang sama berlaku kebakaran yang memusnahkan harta benda dan tempat tinggal di Kota Kinabalu Sabah dan Segamat Johor, serta bencana puting beliung di Pulau Pinang sehingga mencetuskan rasa bimbang dalam kalangan penduduk setempat (www.utusan.com.my/berita/nasional, 28 Mac 2017).

Malapetaka yang dahsyat ini telah mengorbankan beribu-ribu manusia, binaan-binaan yang mewah, kukuh dan tersergam indah telah hancur dibinasakan oleh Allah s.w.t hanya dengan sekelip mata. Malapetaka yang berlaku merupakan al-Khizy yang ditimpakan oleh Allah s.w.t kerana berbuatan manusia sendiri. Pernyataan ini harus diketengahkan dan diperjelaskan supaya manusia mengambil pengajaran dan sedar tentang tanggungjawab dan kewajiban mereka kepada Allah s.w.t.

Selain itu, perbincangan tentang konsep al-Khizy amat penting dijalankan memandangkan keadaan masyarakat yang masih terkeliru dengan pengertian sebenar kalimah tersebut, sehingga terjemahan kalimah al-Khizy di dalam Tafsir Pimpinan al-Rahman juga terhenti kepada maksud kehinaan sahaja (Abdullah Basmeih, 2000) sedangkan kalimah ini mempunyai makna yang berbeza-beza. Di dalam artikel ini, pengertian al-Khizy akan dilihat menerusi perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah, faktor-faktor yang menyebabkan ia berlaku dan cara-cara untuk menghadapinya.

Perkataan al-Khizy Dalam Al-Qur'an

Di dalam al-Qur'an, perkataan al-Khizy disebut sebanyak 24 kali di 24 tempat. Perkataan ini merangkumi lima pengertian yang berbeza iaitu pembunuhan, azab, kehinaan, kerendahan dan keaiban (Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, 1996). Pembahagian pengertian ini dapat dilihat dalam Jadual 1 di bawah.

Bil	Surah	Ayat	Pengertian al-Khizy
A1	Al-Tawbah	14	Kelemahan
A2	Al-Maidah	33	Keaiban
A3	Al-Maidah	41	Keaiban
A4	Al-Tahrim	8	Keaiban
A5	Hud	78	Keaiban
A6	Al-Nahl	27	Keaiban
A7	Al-Hijr	69	Keaiban
A8	Al-Tawbah	63	Azab
A9	Taha	134	Azab
A10	Al-Baqarah	85	Azab
A11	Hud	39	Azab
A12	Hud	66	Azab
A13	Yunus	98	Azab
A14	Hud	93	Azab
A15	Al-Zumar	26	Azab
A16	Fussilat	16	Azab
A17	Ali 'Imran	194	Azab
A18	Al-Hajj	9	Pembunuhan
A19	Al-Zumar	40	Pembunuhan
A20	Al-Baqarah	114	Pembunuhan
A21	Al-Syu'ara'	87	Kehinaan
A22	Ali 'Imran	192	Kehinaan
A23	Al-Hasyr	5	Kehinaan
A24	Al-Tawbah	2	Kehinaan

Perkataan al-Khizy pada ayat A1 ditafsirkan oleh para ulama dengan makna kelemahan (Al-Zamakhshari, 1998). Ayat ini berkaitan perintah Allah s.w.t kepada tentera Islam supaya memerangi tentera kafir disebabkan penentangan mereka terhadap agama Islam yang dibawa oleh Baginda s.a.w. Allah s.w.t telah menjamin bahawa bala tentera kafir itu akan dilemahkan oleh Allah dan dikalahkan di tangan tentera-tentera Islam (Al-Qurtubi, 2003).

Perkataan al-Khizy pada ayat A2 hingga A7 pula bermaksud keaiban. Ayat-ayat tersebut mendedahkan perbuatan orang kafir dan munafik yang menyukutkan Allah s.w.t serta menyembunyikan kekefuran di hadapan Nabi s.a.w. Mereka mengingkari larangan Baginda s.a.w supaya tidak melakukan dosa seperti mencuri, merompak, dan berzina. Namun, kesalahan mereka itu didedahkan oleh Allah s.w.t melalui firman-Nya dan pendedahan itu mengaibkan diri mereka sendiri (Al-a'idi, 2000).

Selain itu, perkataan al-Khizy pada ayat A8 hingga A17 bermaksud azab. Ayat-ayat tersebut berkaitan hukuman dan penderitaan yang ditimpakan oleh Allah s.w.t kepada umat terdahulu disebabkan kesalahan dan dosa yang mereka lakukan. Umat Nabi Nuh yang enggan beriman dengan

Allah diazab dengan banjir besar, Kaum 'Ad disiksa dengan taufan kerana penindasan dan kezaliman yang diamalkan, Kaum Thamud dan umat Nabi Lut disiksa dengan gempa bumi yang dahsyat kerana membunuh unta Nabi Salih dan perbuatan liwat yang diamalkan, serta Kaum Madyan dibinasa oleh Allah dengan panahan petir kerana kemungkaran, kemaksiatan dan tipu-menipu sudah menjadi lumrah dalam kehidupan mereka (Al-Bayḍawi, 1996).

Manakala perkataan al-Khizy pada ayat A18 hingga A20 ditafsirkan dengan pembunuhan oleh para ulama (Al-Qurtubi, 2003). Ayat-ayat tersebut menceritakan tentang peristiwa pembunuhan yang berlaku kepada al-Naḍr bin al-Harith dan orang kafir Mekah yang terbunuh dalam peperangan Badar. Mereka selalu berdebat bertujuan mendustai keesaan Allah s.w.t dan kerasulan Baginda s.a.w. Perdebatan mereka itu sememangnya tanpa fakta yang benar dan tanpa ilmu pengetahuan, malah hanya mengikut telunjuk akal fikiran dan nafsu semata-mata. Mereka juga sering menghina, menyakiti serta menyiksa orang yang beriman (Ali al-Shaykh, 2009).

Perkataan al-Khizy pada ayat A21 hingga A24 pula dijelaskan oleh para ulama bermaksud kehinaan (Al-Baghawi, 1988). Kehinaan ini dijelaskan oleh al-Qur'an terjadi kepada orang yang

diazab dalam neraka di akhirat nanti disebabkan dosa dan maksiat yang dilakukan di dunia dahulu. Oleh sebab itulah, salah satu doa Nabi Ibrahim s kepada Allah s.w.t supaya baginda tidak diazab dengan azab api neraka kerana hal yang demikian itu adalah amat hina bagi orang yang mengalaminya (Surah al-Shu'ara', 26: 87).

Faktor-Faktor al-Khizy Ditimpakan

Terdapat empat faktor utama yang menyebabkan Allah s.w.t menimpakan al-Khizy kepada manusia yang harus dihindari oleh semua manusia supaya al-Khizy yang ditimpakan itu ditarik balik oleh Allah s.w.t. Faktor-faktor yang dimaksudkan itu ialah perbuatan dosa yang dilakukan oleh manusia (Salih Fawzan, 2002), kezaliman yang berleluasa (Hafiz, 2001), meninggalkan amal makruf dan nahi mungkar (Ali al-Shaykh, 2003), dan berleluasa kejahatan dan kemaksiatan di muka bumi (Salih Fawzan, 2002).

1. Dosa Manusia

Dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh manusia merupakan faktor utama menyebabkan Allah s.w.t menjatuhkan hukuman kepada mereka. Contohnya dosa-dosa



umat lampau yang mendustakan ajaran nabi mereka dan melakukan maksiat seperti umat Nabi Nuh a.s yang tidak menyembah Allah s.w.t. Mereka menyembah berhala-berhala yang dicipta oleh mereka sendiri sehingga Allah s.w.t mengutuskan Nabi Nuh a.s menyeru supaya meninggalkan perbuatan dosa tersebut. Namun, mereka tidak mengendahkan seruan baginda itu, lalu mereka ditimpa al-Khizy berupa banjir besar oleh Allah s.w.t sehingga membinasakan mereka semua. Pernyataan ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam firmanNya (Surah al-An'am, 6: 6):

Maksudnya: Tidakkah mereka memerhati dan memikirkan berapa banyak umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, pada hal (umat itu) telah Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi (dengan kekuasaan dan kemewahan) yang tidak Kami berikan kepada kamu, dan Kami turunkan hujan atas mereka dengan lebatnya, dan Kami jadikan sungai-sungai mengalir di bawah mereka, kemudian Kami binasakan mereka dengan sebab dosa mereka sendiri, dan Kami ciptakan sesudah mereka, umat yang lain.

Rashid Rida (1946) menjelaskan bahawa Allah s.w.t menganugerahi umat terdahulu sebelum umat Nabi Muhammad s.a.w dengan rezeki yang melimpah ruah. Tanaman-tanaman mereka subur menghasilkan buah-buahan yang segar menjadikan mereka kaya raya, serta menjalani kehidupan yang aman dan harmoni. Namun, setelah mereka mendustai para nabi yang diutuskan serta tidak segan silu melakukan dosa, Allah s.w.t membinasakan mereka semua di samping tanaman-tanaman mereka hancur musnah. Demikianlah balasan Allah s.w.t yang disediakan bagi manusia yang mengkufuri nikmatNya serta malampaui batas.

2. Kezaliman Berleluasa

Kezaliman dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kezaliman terhadap Allah s.w.t, sesama manusia dan kezaliman terhadap diri sendiri. Apabila kezaliman yang dilakukan oleh manusia sudah berleluasa menyebabkan malapetaka dan bencana alam berlaku. Hal ini dibuktikan dengan kisah-kisah umat terdahulu di mana Allah s.w.t membinasakan umat Nabi Luta.s dan kaum 'Ad kerana perbuatan zalim dan penindasan yang telah mereka lakukan. Contohnya kaum 'Ad yang ditimpa angin taufan sehingga menghapuskan mereka semua disebabkan kepercayaan sesat dan kehidupan mereka dikuasai oleh tuntutan Iblis. Nilai moral dan akhlak yang baik sudah tidak menjadi dasar penimbangan dalam tindak tanduk mereka. Perbuatan mereka itu mengakibatkan penindasan dan peperangan dalam kalangan masyarakat di mana yang kuat menindas yang lemah, yang berkuasa menzalimi orang bawahan (Hafiz, 2001). Hal tersebut dijelaskan menerusi firman Allah s.w.t (Surah al-Shura, 42: 42):

Maksudnya: Sesungguhnya jalan (untuk menyalahkan) hanyalah terhadap orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan bermaharajalela menceroboh di muka bumi dengan tidak ada sebarang alasan yang benar. Mereka itulah orang yang beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Menurut Abu Hayyan (1993), ayat ini menjelaskan tentang kelakuan umat terdahulu yang menzalimi manusia dan melampaui batas. Mereka sanggup membunuh dan merampas harta orang lain hanya semata-mata untuk kepuasan diri, mereka menerima hukuman dari Allah s.w.t disebabkan perbuatan itu.

Sebagai contoh masyarakat Sadum adalah masyarakat yang tidak mempunyai pegangan agama atau nilai kemanusiaan yang beradab. Kemaksiatan dan

kemungkaran merajalela dalam pergaulan mereka, kecurian dan rampasan harta merupakan kejadian biasa yang sering berlaku sehingga menjadi suatu kebudayaan bagi kaum Sadum. Hal yang demikian itu menyebabkan berlaku gempa bumi yang dahsyat disertai angin kencang dan hujan batu yang menghancurkan kota Sadum berserta penghuninya.

3. Meninggalkan Amal Makruf Nahi Mungkar

Apabila sikap mengajak melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran tidak lagi dipraktikkan oleh manusia mengakibatkan Allah s.w.t akan menjatuhkan hukuman kepada mereka. Pernyataan ini secara jelas dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w menerusi Hadithnya (Al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa bin Saurah, 1417H/1996M, Sunan al-Tirmidhi, No. Hadis 2169):

Maksudnya: Daripada Huzayfah r.a, daripada Rasulullah s.a.w bersabda: "Demi jiwaku yang berada di tanganNya, hendaklah kamu menyeru melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran atau (jika kamu tidak berbuat yang demikian itu) nescaya Allah akan menurunkan kepada kamu hukuman daripadaNya dan apabila kamu memohon sesuatu daripadaNya maka doa mu itu tidak dikabulkan.

Hadith di atas menjelaskan bahawa apabila seorang muslim melihat kelakuan maksiat di hadapan matanya, maka hendaklah dia mencegah dengan kuasa yang dimiliki, tetapi jika tidak boleh, hendaklah menasihati, dan jika tidak boleh juga hendaklah membenci perbuatan maksiat tersebut, tetapi tindakan terakhir itu hanyalah untuk manusia yang lemah imannya,

Sekiranya tidak ada seorang pun di dalam sesebuah masyarakat berusaha mencegah kemungkaran yang berlaku secara terang-terangan, sedangkan mereka mampu mencegahnya maka tunggulah hukuman dari



Allah s.w.t yang akan menimpa mereka semua (al-Azhari, t.th.).

4. Berleluasa Kejahatan Dan Kemaksiatan

Apabila kezaliman dan kemaksiatan yang dilakukan oleh manusia sudah berleluasa dan tidak dapat dibendung, maka hal ini memungkinkan Allah s.w.t menurunkan sebarang bentuk al-Khizy kepada manusia sebagai balasan terhadap perbuatan yang dilakukan itu.

Contohnya, kejahatan dan kemaksiatan yang dilakukan oleh kaum Nabi Luta.s menyebabkan mereka dihukum oleh Allah s.w.t. Mereka merupakan kaum yang mengamalkan homoseksual (liwat) sehingga Allah s.w.t menjatuhkan hukuman kepada mereka. Kisah tersebut dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya (Surah al-Naml, 27: 54-56):

Maksudnya: Dan Nabi Lut(juga Kami utuskan); tatkala dia berkata kepada kaumnya: "patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji sedangkan kamu nampak kekejiannya? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki, bukan perempuan, kerana untuk memuaskan nafsu syahwat kamu. (perbuatan kamu itu amatlah keji) Bahkan kamu kaum yang jahil (yang tidak mengetahui akan akibatnya)". Maka kaumnya tidak menjawab selain dari berkata: "Usirlah Lut dan pengikut-pengikutnya dari bandar kamu ini. Sesungguhnya mereka itu adalah orang yang mendakwa diri mereka bersih suci".

Ibn Kathir (1997) ketika mentafsirkan ayat di atas menjelaskan bahawa kaum Nabi Luta.s merupakan kaum yang mengamalkan perbuatan liwat yang amat menjijikkan. Mereka gemar menjalani hubungan seks

sesama lelaki walaupun terdapat ramai perempuan yang boleh mereka kahwini.

Walaupun perbuatan itu amat bertentangan dengan tabiat semulajadi manusia, mereka tetap melakukan dan mengamalkannya. Mereka juga terkenal sebagai kaum yang suka merompak dan memeras ugut terutama bagi orang yang datang menziarahi perkampungan mereka. Nabi Luta.s diutuskan untuk memperbaiki kelakuan mereka tetapi dakwah dan ajakan baginda sedikit pun tidak dihiraukan. Oleh sebab itulah Allah s.w.t menurunkan bala bencana yang dahsyat berbentuk hujan batu sehingga menghancurkan dan membinasakan mereka semua.

Langkah-Langkah Dalam Menghadapi Al-Khizy

Malapetaka dan bencana alam yang berlaku di dunia sememangnya berkait rapat dengan perbuatan manusia. Menurut Abdullah Basmeih bahawa bala bencana yang tidak putus-putus berlaku di sana sini adalah disebabkan perbuatan-perbuatan maksiat yang dilakukan oleh manusia sendiri. Mereka ditimpakan dengan demikian supaya mereka segera insaf dan menjauhi segala perbuatan yang durjana. Jika tidak, maka balasan yang lebih buruk pasti akan menimpa (Abdullah Basmeih, 2000). Oleh yang demikian, manusia yang menghadapi bala bencana hendaklah segera bertaubat memohon keampunan dari Allah s.w.t supaya malapetaka dan bencana alam yang berlaku tidak berlarutan.

1. Taubat

Taubat ialah rasa menyesal terhadap-dosa-dosa yang dilakukan serta berazam tidak akan mengulangnya lagi (Kamus Dewan, 1997). Menurut al-Qushayri (2002) bahawa seseorang yang ingin bertaubat hendaklah melengkapi tiga syarat iaitu rasa teramat menyesal atas

perbuatan-perbuatan buruk yang telah dilakukan, meninggalkan dengan segera segala perbuatan buruk dan berazam di dalam diri tidak akan kembali melakukan perbuatan buruk itu lagi.

Ibn Rajab (1977) juga menegaskan bahawa antara sifat mukmin sebenar ialah segera bertaubat memohon ampun dari Allah s.w.t. Dia bersikap demikian kerana beramal dengan saranan al-Qur'an dan Hadith Nabi Muhammad s.a.w. Apabila dia terjerumus melakukan sesuatu yang mendatangkan dosa, dia segera bertaubat memohon keampunan daripada Allah s.w.t terhadap segala dosa yang dilakukan. Selain itu, menurut Ibn Qudamah (1983) pula, Allah s.w.t menyarankan supaya orang yang berdosa segera bertaubat menerusi firmanNya (Surah Ali 'Imran, 3: 133):

Maksudnya: Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amalan-amalan yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhanmu, dan mendapat syurga yang luasnya meliputi langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertakwa.

2. Bermuhasabah Diri

Dalam menghadapi al-Khizy, manusia juga seharusnya sentiasa bermuhasabah diri terhadap kelakuan seharian. Seorang hamba yang bertaubat sepatutnya bermuhasabah diri setiap hari mengiringi taubat yang telah dilakukan itu bagi memastikan dirinya tidak lagi mengulangi perbuatan dosa dan kesalahan yang pernah dilakukan. Ibn Qudamah (1978) menjelaskan bahawa manusia tidak akan berjaya menghadapi bahaya perhitungan di akhirat melainkan dengan banyak bermuhasabah diri di dunia. Sesiapa yang bermuhasabah diri di dunia dikurangkan hisabnya di akhirat. Ibn Qudamah (1978) yang menukulkan pendapat Saidina Umar r.a berkata; "Hendaklah kamu bermuhasabah diri sebelum kamu dihisab". Oleh yang demikian, bermuhasabah diri

adalah penting supaya umat Islam dapat menghadapi al-Khizy yang ditimpakan oleh Allah s.w.t.

3. Sabar

Dalam pada itu, sifat sabar juga harus diterapkan oleh masyarakat dalam menghadapi sebarang bentuk al-Khizy. Sabar adalah sifat yang dikhususkan kepada manusia dan tidak digambarkan kepada malaikat kerana kesempurnaan mereka adalah secara semulajadi (al-Ghazali, 1990). Di dalam al-Qur'an, Allah s.w.t menjelaskan tentang sifat sabar menerusi firman-Nya (Surah al-Ahqaf, 46: 35):

Maksudnya: Maka bersabarlah kamu sebagaimana sabarnya Rasul-Rasul Ulu al-'Azm (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-Rasul (yang terdahulu daripadamu). Dan janganlah engkau meminta disegerakan azab untuk mereka (yang menentangmu itu). Sesungguhnya keadaan mereka semasa melihat azab yang dijanjikan kepada mereka, merasai seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu saat sahaja dari siang hari. (penerangan yang demikian) Cukuplah menjadi pengajaran (bagi orang yang mahu insaf). Maka (ingatlah!) tidak dibinasakan melainkan kaum yang derhaka.

Ayat al-Qur'an di atas menjelaskan tentang kesabaran yang dimiliki oleh Rasul-Rasul terdahulu. Mereka sangat sabar dalam menghadapi tentangan-tentangan yang diberikan oleh umat mereka sendiri dan sudah tentu kesabaran seperti ini juga sepatutnya dicontohi oleh umat Islam (Al-Qurtubi, 2003). Menurut Ibn Qudamah (1978), sabar terbahagi kepada dua bahagian. Sabar Badani dan sabar Nafsani. Kesabaran yang bersifat Badani bermaksud kecekalan menanggung bebanan yang ditanggung oleh anggota badan seperti berperang atau menunaikan solat. Manakala kesabaran Nafsani pula bermaksud mengawal keinginan nafsu syahwat

daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t.

Di dalam al-Qur'an, Allah s.w.t menjelaskan bahawa manusia tidak dapat elak dari menerima ujian daripadaNya, lebih-lebih lagi dalam bentuk kesusahan dan kepayahan. Dalam menghadapi kesusahan dan kepayahan memerlukan kesabaran yang tinggi kerana tidak ramai manusia yang mampu bersabar ketika ditimpa sesuatu bala bencana atau malapetaka. Oleh itu, manusia terutama umat Islam harus memupuk sifat sabar supaya dapat menghadapi al-Khizy kerana ia membuktikan keimanan seseorang.

4. Berdoa

Berdoa juga berperanan dalam menghadapi al-Khizy. Hal ini disebabkan di dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menyeru manusia supaya berdoa. Antaranya firman Allah s.w.t (Surah al-Ghafir, 40: 60):

Maksudnya: Dan Tuhanmu berfirman: "Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang yang menyombongkan diri daripada berdoa serta beribadah kepada Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina". Abdullah Basmeih (2000) menyatakan bahawa Allah s.w.t memerintahkan manusia supaya sentiasa berdoa dan beribadah kepadaNya untuk kebaikan mereka di dunia dan akhirat.

Sesiapa yang bersikap sombong dan takbur untuk berdoa dan beribadah bermakna dia sombong untuk mengakui kebesaran Allah s.w.t dan kelemahan dirinya. Allah s.w.t melarang manusia berdoa secara yang melampaui batas, iaitu menghalakan permohonan kepada yang lain daripadaNya, atau memohon sesuatu yang tidak patut, atau dengan tidak menurut undang-undang yang telah diajar oleh Nabi Muhammad s.a.w bagi menghasilkan sesuatu permohonan.



5. Tawakal

Setelah masyarakat yang sedang menghadapi sebarang al-Khizy bertaubat, bermuhasabah, sabar dan berdoa, mereka seharusnya pula bertawakal dan menyerah segalanya kepada Allah s.w.t. Tawakal mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan doa ketika menghadapi al-Khizy. Tidak sempurna sesuatu doa jika tidak disertakan dengan tawakal kepada Allah s.w.t. Allah s.w.t memerintahkan umat Islam supaya berdoa dan bertawakal disebabkan kedua-duanya saling berkaitan (al-Ghazali, 1990). Individu muslim tidak dapat tidak harus berserah diri kepada Allah s.w.t. Apabila dia bertawakal kepada Allah dicukupkan keperluannya dan dianugerahi ketenangan dan keberkatan dalam hidupnya (Ibn 'Atiyyah, 2001). Dalam sebuah hadith menyatakan (Al-Tirmidhi, 1996, Sunan al-Tirmidhi, no. hadis 2344):

Maksudnya: Daripada 'Umar bin al-Khattab r.a katanya: Bahawa Rasulullah S.a.w bersabda: Jika kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, maka Allah s.w.t akan mengurniakan rezeki kepadamu sebagaimana burung yang keluar mencari rezeki dalam keadaan perut yang kosong kemudian

kembali ke sarangnya dalam keadaan kekenyangan.

Menerusi hadis tersebut dapat difahami bahawa tawakal bermaksud meyakini hanya Allah s.w.t sahaja Tuhan yang Maha Menjadikan dan Maha Pemberi rezeki. Manusia wajib berusaha bersungguh-sungguh dalam mencari rezeki diiringi dengan doa dan tawakal. Hadith ini memberi jaminan bahawa manusia yang bertawakal kepada Allah s.w.t setelah berusaha akan memperolehi apa yang dikehendaki (Al-Mubarakfuri, 1967). Dalam konteks perbincangan ini, tawakal ketika menghadapi al-Khizy bermaksud berkeyakinan tinggi bahawa apa yang berlaku itu mempunyai hikmah yang tersendiri di samping berserah diri kepada Allah s.w.t.

Kesimpulan

Setelah meneliti persoalan al-Khizy berdasarkan dalil-dalil dari al-Qur'an dan Hadith, artikel ini membuat kesimpulan bahawa al-Khizy mempunyai nilai perbincangan dan skop perbincangan yang luas di samping memerlukan penelitian dan pemfokusan bagi memperolehi kefahaman yang baik dan juga untuk meningkatkan keimanan kepada Allah s.w.t. Kesimpulan pertama yang dapat diambil dari perbincangan ini bahawa kalimah al-Khizy yang

terdapat di dalam al-Qur'an membawa lima pengertian yang berbeza iaitu kelemahan, keaiban, azab, pembunuhan dan kehinaan. al-Qur'an juga menjelaskan sebab-sebab berlaku al-Khizy. Antaranya ialah dosa yang dilakukan oleh manusia, kezaliman yang berleluasa, tidak mengajak untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran, serta berleluasa kejahatan dan kemaksiatan. Gejala-gejala seperti ini telah berlaku kepada umat manusia akhir zaman dan dengan sebab itulah malapetaka dan bencana alam sering menimpa manusia di akhir zaman ini.

Berdasarkan perbincangan yang telah lalu, artikel ini memberi cadangan kepada umat Islam beberapasingkapdalam menghadapi al-Khizy. Umat Islam disarankan supaya segera bertaubat memohon keampunan dari Allah s.w.t kerana al-Qur'an dengan jelas menyatakan bahawa al-Khizy yang berlaku di dunia disebabkan dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh manusia sendiri. Selain itu, sikap bermuhasabah diri, bersabar, berdoa dan bertawakal dalam menghadapi al-Khizy juga sepatutnya diamalkan oleh umat Islam supaya semua malapetaka dan ujian yang dihadapi oleh masyarakat pada ketika ini ditarik balik oleh Allah s.w.t.

TAKWIM

AKTIVITI PUSAT ISLAM 2018



BIL	NAMA PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	Kuliah Dhuha	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	18.1.2018
2.	Kuliah Dhuha Muslimat	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	1.2.2018
3.	Kursus Pengurusan Jenazah Siri 1	Pusat Pengurusan Jenazah Darul Abrar (Kubang Gajah)	8.2.2018
4.	Kursus Pengurusan Jenazah Siri 2	Pusat Pengurusan Jenazah Darul Abrar (Kubang Gajah)	15.2.2018
5.	Kuliah Dhuha	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	22.2.2018
6.	Kursus Pra Perkahwinan Islam Siri 1	Dewan Kuliah 3, Kampus Alam UniMAP	17 - 18.3.2018
7.	Kuliah Dhuha	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	22.3.2018
8.	Kem Smart Ibadat Insan Cemerlang Siri IV	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	22.3.2018
9.	Program Siri Kefahaman Islam Kontemporari Semasa, Pencerahan Tentang Bitcoin Daripada Aspek Muamalah	Dewan Kecemerlangan, Kampus Alam UniMAP	5.4.2018
10.	Kuliah Dhuha	Musolla Saodah, UniCITI Alam	17.4.2018
11.	Bengkel Terapi Solat	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	20.4.2018
12.	Islamic Festival (iFEST 2018)	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	26 - 27.4.2018
13.	Ceramah di Ambang Ramadan & Pelancaran Sambutan Ihya Ramadan 2018	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	15.5.2018
14.	Kuliah Dhuha Ramadan	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	23.5.2018
15.	Program Bubur Lambuk	Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah	23.5.2018
16.	Kuliah Dhuha Ramadan (Muslimat)	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	30.5.2018
17.	Ceramah Nuzul al-Quran "Keluargaku Syafaatku"	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	4.6.2018
18.	Festival Nasyid UniMAP	Dewan Kecemerlangan, Kampus Alam UniMAP	6.6.2018
19.	World Quran Hour	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	7.6.2018
20.	Program 'Celik Halal'	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	9.8.2018
21.	Majlis Ibadat Korban & Akikah	Dataran Parkir Bas, Kubang Gajah	24.8.2018
22.	Kuliah Dhuha Khas	Surau Pauh Putra, Kampus Alam UniMAP	6.9.2018
23.	Program Siri Kefahaman Islam Kontemporari Siri Ke- 2 Forum Isu Semasa LGBT : Hak Asasi Atau Pencabulan Hak Ummah	Dewan Kecemerlangan, Kampus Alam UniMAP	21.9.2018

TEMUBUAL
BERSAMA

Mantan Pengarah Pusat Islam

Ustaz Hassan Hj Arshad



CIK NOR KHAIRINA BINTI HASSAN
Pusat Islam Universiti Malaysia Perlis



1. Boleh Ustaz ceritakan mengenai latar belakang asal Ustaz dan keluarga?

Ustaz dilahirkan di Jejawi, Arau, Perlis pada 24 Julai 1940 dan merupakan anak kesembilan daripada sepuluh beradik. Ayah Ustaz, Hj. Arshad Bin Husin, seorang Pegawai Masjid Arau dan ibu, Hajah Hamisah Binti Che Mat, seorang suri rumah sepenuh masa.

Pada tahun 1976, Ustaz berkahwin dengan Prof. Madya Dr. Leha@Zaleha Muhammat yang juga pernah berkhidmat di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM).

Beliau telah meninggal dunia pada tahun 2005 kerana sakit. Ustaz mempunyai anak tunggal bernama Nor Khairina Binti Hassan. Pada tahun 2006, Ustaz berkahwin semula dengan Puan Azura Mohd Noor, seorang Pensyarah di Universiti Teknologi Mara Arau, Perlis.

2. Boleh Ustaz ceritakan juga mengenai latar belakang pendidikan Ustaz?

Ustaz mendapat pendidikan awal pada di Sekolah Kebangsaan Melayu, Arau, Perlis dari darjah 1 hingga darjah 6. Kemudian melanjutkan pendidikan menengah di Derma English School, Kangar, sehingga ke tingkatan 4. Kemudian melanjutkan pelajaran di Madrasah Al-Alawiyah Ad-Diniah, Arau, Perlis

dengan mendapat kelulusan Thanawi dan seterusnya menyambung pengajian di peringkat sijil di Madrasah Ad-Diniah, Makkah Al-Mukarramah dengan mendapat kelulusan Thanawi A'mah. Ustaz juga melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda Bahasa Arab dengan kepujian di Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dalam bidang Terjemahan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris serta Syariah dan Dirasat Al-Islamiah dan kemudian melanjutkan pengajian dalam Diploma Pendidikan di Ain Nur Sham Universiti, Kaherah, Mesir.

3. Mohon Ustaz kongsi pengalaman kerja Ustaz?

Ustaz mula bertugas di Sekolah Menengah Agama Al-Mashoor, pada tahun 1981 sebagai guru Bahasa Arab, kaunselor dan warden. Kemudian bertugas di Maktab Sains MARA, Kuantan, Pahang sebagai Pensyarah Bahasa Arab dan Pengetahuan Islam pada tahun 1985. Pada tahun 1989, Ustaz mula bertugas sebagai Penyelaras dan pensyarah Bahasa Arab di Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Ustaz juga mempunyai pengalaman dalam menyediakan Peristilahan Bahasa Arab ke Bahasa Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada 25 Julai 2002 Ustaz mula berkhidmat sebagai Penyelaras dan guru Bahasa Arab di Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia yang kini dikenali dengan nama Universiti Malaysia Perlis. Pada Julai 2003, Ustaz telah dilantik sebagai Penyelaras Unit Agama Islam yang pertama.

4. Apakah aktiviti dan hobi Ustaz pada masa lapang?

Ustaz mempunyai pelbagai hobi. Antaranya ialah membaca Kitab-kitab Agama dan Ilmiah, menghadiri kursus-kursus pendidikan dan pertanian, berkebun dan memandu.

5. Bolehkan Ustaz menceritakan bagaimanakah tertubuhnya Pusat Islam UniMAP yang dahulunya dikenali dengan nama Unit Agama Islam?

Prof. Emeritus Datuk Dr. Kamaruddin Hussin, mantan Naib Canselor UniMAP telah mencadangkan penubuhan Unit Agama Islam dan melantik Ustaz untuk menjadi Penyelaras.

6. Sepanjang Ustaz memegang jawatan Pengarah Pusat Islam UniMAP, bolehkan Ustaz ceritakan pengalaman sedikit sebanyak Ustaz semasa menyandang jawatan tersebut?


Sepanjang Ustaz menjadi Pengarah Pusat Islam, Ustaz berazam untuk mewujudkan perpaduan di kalangan warga UniMAP dan penerapan nilai-nilai Islam di UniMAP dan Alhamdulillah, azam Ustaz telah tercapai dengan program-program yang telah Pusat Islam jalankan bersama dengan seluruh warga kampus UniMAP.

7. Apakah Ustaz mempunyai kata-kata hikmah yang telah memotivasikan Ustaz untuk berjaya selama ini?

Sentiasa berbincang dalam semua bidang, menerapkan kasih sayang, hormat-menghormati antara satu sama lain dan kejayaan ini adalah kerjasama di antara kesemua warga UniMAP.

8. Boleh Ustaz berkongsi amalan Ustaz yang Ustaz jalankan harian untuk kekal bertenaga dan sihat selama ini yang saya pasti ramai yang ingin tahu?

Kerap bangun Qiamulail, solat Tahajud, membaca Al-Qur'an, menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat seperti berkebun dan pada Ustaz, solat itu sendiri adalah bersenam.



“ Kerap bangun Qiamulail, solat Tahajud, membaca Al-Qur'an, menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat seperti berkebun dan pada Ustaz, solat itu sendiri adalah bersenam. ”

9. Adakah Ustaz mempunyai sebarang pandangan agar Pusat Islam UniMAP terus maju dan cemerlang?

Sentiasa Amal Ma'rif dan membasmi kemungkar.

10. Akhir soalan, mohon Ustaz memberikan nasihat dan kata-kata ilmiah kepada seluruh warga Pusat Islam dan UniMAP?

Sentiasalah berazam untuk menjadi insan yang ikhlas, sabar dan menerima pandangan semua warga UniMAP walaupun berbeza ideologi, agama, budaya dan bangsa supaya terus bersatu.

SENARAI PENGARAH PUSAT ISLAM UNIMAP

1. Ustaz Hassan bin Haji Arshad
2002-2016
2. Dr. Ku Mohd Nabil bin Ku Hamid @ Ku Ismail
2016-2017
3. Prof. Madya Dr. Shuhairimi bin Abdullah
2017-sekarang

Perkahwinan JARAK JAUH

: Menguji Cinta dan Rindu

Perkahwinan Jarak Jauh adalah sebuah institusi kekeluargaan yang terpaksa berjauhan antara suami dan isteri serta anak-anak di atas sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan. Antara sebabnya adalah kerja atau belajar samada di dalam negara mahupun luar negara. Lelaki dan wanita pada zaman sekarang lebih berusaha untuk mendapatkan status, berdikari, dan mengekalkan taraf hidup yang lebih tinggi. Justeru itu, bagi memenuhi tuntutan tersebut, pasangan suami isteri memilih untuk tinggal berjauhan
(Norsafatul Aznin A. Razak, 2016)



NORMALIA BINTI AHMAD
Pusat Islam UniMAP

Hakikatnya perkahwinan jarak jauh bukanlah diingini oleh setiap pasangan yang telah berumahtangga. Alam perkahwinan yang dibayangkan semestinya yang terindah dimana tinggal sebumbung dan melayari bahtera alam rumahtangga bersama-sama.

Jika ditanya pasangan berkahwin, boleh dikatakan rata-rata mahu tinggal sebumbung dan serumah dengan pasangan masing-masing. Hampir tiada pasangan yang suka dengan keadaan hidup saling berjauhan, terutama yang telah mempunyai anak. Perasaan sunyi melihat orang lain bergembira bersama dengan pasangan yang lain tipulah kalau hati tidak dijentik rasa cemburu. Rasa sedih memikirkan kehidupan yang bersendirian menghadapi segala dugaan dan cabaran hidup. Segala-galanya perlu ditanggung sendiri dan tiada siapa untuk disandarkan kepala untuk memahami hati kecuali dia yang jauh. Namun tiada apa yang mampu dilakukan selain redha atas takdir ketentuanNya.

Dugaan Menempuh Perkahwinan Jarak Jauh

Banyak cabaran yang dapat dikupas jika berbicara mengenai perkahwinan jarak jauh. Pelbagai persoalan dan permasalahan yang pasti timbul. Antaranya dari sudut kewangan yang akan bertambah akibat terpaksa berulang-alik untuk bertemu pasangan masing-masing. Pasti kos setiap bulan akan bertambah. Pada masa sama adakalanya akan timbul pula masalah kewangan dek kerana pertambahan kos untuk bertemu dengan pasangan.

Cabaran yang paling besar pula ialah cabaran dari sudut psikologi. Pasangan yang tinggal berdekatan dengan tempat kerja dan di mana anak-anak tinggal bersama perlu bersedia memegang peranan yang lebih berat berbanding pasangan yang tinggal berjauhan dan balik sekali sekala. Pasangan yang tinggal berdekatan rumah akan menguruskan hal ehwal rumahtangga seperti menjaga anak-anak, menghantar anak ke sekolah, membeli keperluan rumahtangga dan sebagainya.

Bagi pasangan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak, sudah tentulah ia bukan perkara yang mudah untuk melakukannya seorang diri. Ini kerana tugas menjaga anak adalah tugas yang amat mencabar. Namun terdapat juga ibu ayah, pembantu, atau keluarga terdekat yang boleh diharapkan untuk menolong mengasuh dan membesarkan anak. Tetapi, kebanyakannya lebih suka melakukannya sendiri kerana tidak mahu menyusahkan mereka. Jika berterusan begini, ia boleh menyebabkan tekanan dan pemikiran negatif. Sehingga suatu tahap boleh menyebabkan timbulnya perasaan letih dan 'fed up'.

Bila berjauhan, tidak banyak yang dapat dikongsi, terutamanya jika masing-masing sentiasa sibuk dan tidak dapat berhubung. Lebih-

lebih lagi jika mempunyai anak-anak kecil untuk diuruskan. Benarlah orang kata, sekecil-kecil perkara pun apabila dikongsi akan terasa indahnyanya.

Kebanyakan masa, kita terlupa untuk memberitahu perkara-perkara kecil yang berlaku dalam hidup kita. Walaupun perkara kecil seperti mencuba makanan baru, menonton siri drama tertentu, atau melakukan kesilapan yang lucu.

Bercerita melalui telefon dan secara berdepan tidak sama situasinya. Semua peristiwa ini mungkin terasa sedih apabila diingat kembali kerana melakukannya tanpa pasangan.

Ada kala hari cuti tidak dapat dimanfaatkan bersama atas sebab-sebab tertentu di saat akhir. Hal sebegini tentunya sangat mengecewakan, lebih-lebih bagi pasangan yang mempunyai anak.

Memang setiap manusia perlu belajar untuk berdikari. Namun, ada masanya kita amat memerlukan sokongan apabila ditimpa musibah atau ujian yang hebat. Ia juga amat mencabar bagi wanita yang sedang mengandung. Apabila ia berlaku, mungkin lebih sukar menceritakan keadaan ini apabila berjauhan.

Kadangkala, kita tidak mahu bercerita mengenainya. Apa yang diharapkan adalah seseorang di sisi. Perkahwinan jarak jauh sudah tentu akan meletakkan jarak antara pasangan. Ruang kosong tersebut akan terisi dengan kesunyian, kurangnya sentuhan dan hubungan fizikal. Ini pasti menyebabkan hilangnya sokongan yang diperlukan.

Walaupun cinta yang tulus ikhlas buat pasangan, ia mungkin sukar untuk dizahirkan apabila berjauhan. Dalam keadaan tertekan, salah seorang mungkin akan berasa kurang percaya kepada yang seorang lagi. Oleh kerana kesibukan dan emosi yang tidak menentu, panggilan telefon mungkin berlaku pada waktu yang salah. Akibatnya, ia boleh mencetuskan pergaduhan.

Sama ada salah seorang

menangis, atau salah seorang lagi mula naik angin. Dengan masa yang terhad dan kesibukan yang melanda, mungkin proses pujuk-memujuk tidak dapat berlaku dengan sebaiknya seperti di rumah. Justeru itu, akan terbitlah anggapan bahawa pasangan sudah tidak memahami lagi walaupun mereka telah berusaha sedaya-upaya. Situasi seperti ini boleh menjadikan seseorang terasa semakin jauh daripada pasangan tanpa disedarinya.

Tips Menempuh Perkahwinan Jarak Jauh



Bagi pasangan yang berjauhan, pengorbanan dan saling memahami amat perlu untuk menyemarakkan hubungan cinta yang telah dimeterai. Pelbagai dugaan dan cabaran yang perlu dihadapi bagi memastikan hubungan yang dibina berkekalan hingga akhir hayat. Kesunyian dan kesepian pasti akan menyelubungi diri.

Namun, kerapkan berhubung antara satu sama lain. Dunia yang semakin canggih kini memberi kemudahan besar untuk berhubung dengan pasangan yang jauh. Bagi yang berjauhan tapi masih berada di dalam negara yang sama, itu lebih mudah untuk berhubung antara satu sama lain.

Banyak medium yang boleh digunakan antaranya panggilan telefon, pesanan ringkas, 'video call' dan lain-lain lagi.

Lakukan kejutan untuk yang tersayang bagi menambah manis hubungan cinta. Sesekali cuba kejutan pasangan dengan sesuatu di luar jangkaan mereka, seperti muncul di pejabatnya tiba-tiba atau mungkin boleh pulang ke rumah terlebih dahulu, lakukan persiapan romantik di rumah seperti penukaran wangian, pasang lilin, mainkan muzik romantik dan kejutkan pasangan dengan memasak untuk mereka. 'Dinner for two' yang dilakukan khas kepada pasangan sebenarnya lebih bermakna dan dihargai berbanding membayar orang atau memilih untuk makan malam di luar.

Raikan hari istimewa dengan pasangan. Meskipun sentiasa sibuk dengan urusan kerja atau belajar, cuba untuk luangkan masa bersama di hari istimewa pasangan dan anak-anak. Cuba untuk pulang dan raikan

buat sementara waktu, luangkan sehari untuk pasangan. Sebenarnya untuk pasangan yang terikat dengan komitmen ini, hari minggu juga dikira hari istimewa. Kerana hari itulah yang boleh diluahkan bersama. Kerana itulah hari yang kedua pasangan bercuti, dan itulah juga kenapa ia dipanggil pasangan hujung minggu.


Jujur terhadap pasangan tanpa mengira di mana berada, tips paling penting dalam mengukuhkan institusi keluarga adalah bersikap jujur. Jujur dengan setiap apa yang dilakukan. Kerana setelah pasangan tersebut mengikat tali perkahwinan, sebenarnya tiada rahsia yang tersembunyi diantaranya. Berlaku jujur dan terus terang dengan setiap apa yang berlaku. Meskipun adakalanya kebenaran itu menyakitkan. Si dia berhak mengetahui segala yang tersembunyi.

Percaya pada pasangan. Penting untuk menerapkan rasa kepercayaan itu terhadap pasangan.

memilih untuk mencabar ego dengan menyoal kembali kebenaran yang telah diberikan. Kuatkan hati, percaya kepada ikatan perkahwinan yang telah dibina. Meskipun berhadapan dengan komitmen yang memerlukan berjauhan dengan pasangan, jangan pernah ada rasa sangsi kerana dengan rasa itu, boleh menjatuhkan rasa ragu-ragu dan terus mewujudkan rasa tidak senang berjauhan dan sering memikirkan perkara negatif yang tidak baik bakal berlaku. Mohonlah petunjuk dari Yang Maha Esa agar dipermudahkan segalanya.

Kesimpulan

Hubungan jarak jauh memerlukan rasa percaya, kesabaran, kesetiaan dan kejujuran yang tidak berbelah bagi. Walaupun perit, namun semua ini adalah pengalaman berharga yang tentunya akan memantapkan serta memperindahkan lagi gerbang perkahwinan yang telah dibina. Ia akan dapat memberi peluang untuk mengenal diri sendiri serta pasangan dengan lebih baik. Keputusan untuk menjadi pasangan perkahwinan jarak jauh perlu dibincangkan secara terperinci dengan mengambil kira banyak faktor, memandangkan impaknya yang tinggi ke atas perkahwinan. Bagi yang memilih atau terpaksa memilih perkahwinan jarak jauh pula, perlu mempunyai persediaan mental, emosi, sosial dan ekonomi oleh kedua-dua pihak bagi memastikan tempoh perkahwinan jarak jauh tersebut dapat diatasi dan ditangani dengan sebaik mungkin tanpa begitu banyak kesan negatif yang memudaratkan. Begitulah keindahan yang sukar diungkapkan



Jujur terhadap pasangan tanpa mengira di mana berada, tips paling penting dalam mengukuhkan institusi keluarga adalah bersikap jujur.

SENARAI MANTAN STAF PUSAT ISLAM

- **AMIR HAZREEN BIN MOHAMAD HADZI**
Pembantu Am Pejabat
September 2003 - Oktober 2010
Pekerjaan Sekarang :
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
Universiti Malaysia Perlis

- **USTAZAH MAISARAH BINTI SAMSUKAMRI**
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
1 Julai 2008 - 31 Disember 2012
Pekerjaan Sekarang :
Guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C)
Khoo Aik, Kangar

- **USTAZ MOHD NAZIM BIN MOHD NOOR**
Pegawai Hal Ehwal Islam
1 Mac 2010 - 23 Disember 2011
Pekerjaan Sekarang :
CEO Majlis Agama Islam dan
Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)

- **MOHD SHAHABUDIN BIN MOHD NOOR**
Penolong Pendaftar
1 April 2010 - 2013
Pekerjaan Sekarang :
Penolong Pendaftar Pusat Ko-K
Universiti Malaysia Perlis

- **NUR FATIN BINTI MOHD RADZI**
Setiausaha Pejabat
4 Julai 2011 - 14 April 2015
Pekerjaan Sekarang :
Penolong Pegawai Tadbir,
Syarikat Air Darul Aman (SADA)

- **DATO ALIM PANGLIMA HAJI MAT JAHYA BIN HJ HUSIN**
Profesor Madya Kunjungan, Pusat Islam UniMAP
1 April 2010 - 31 Mac 2016
Pekerjaan Sekarang : Bersara

- **USTAZ HAJI HASSAN BIN HAJI ARSYAD**
Pengarah Pusat Islam
26 Julai 2003 - 25 Julai 2016
Pekerjaan Sekarang : Bersara

- **PUAN NORAZREEN BINTI MOHD YUSSOF**
Penolong Pendaftar,
21 July 2013 - 30 November 2016
Pekerjaan Sekarang : Penolong Pendaftar, Unit Cuti Belajar,
Jabatan Pendaftar, UniMAP

- **MOHD HASIFI BIN HASYIM**
Pembantu Rendah Awam
30 November 2005 - 28 May 2015
Pekerjaan Sekarang : Usahawan

- **SHAHRIK BIN MURAD**
Pembantu Am Pejabat
2008 - 2017
Pekerjaan Sekarang :
Pembantu Am Pejabat,
Institut Matematik Kejuruteraan

PETUA IMAM AS-SYAFIE

(MUHAMMAD BIN IDRIS AS-SYAFIE)



Menajamkan Fikiran

1. Bercakap dengan orang soleh
2. Tidak banyak berbual kosong
3. Bergaul dengan para ulama
4. Rajin bersugi (membersihkan gigi)



Menajamkan Mata

1. Duduk menghadap kiblat
2. Bercelak sebelum tidur
3. Memandang yang hijau
4. Berpakaian bersih



Menguatkan Badan

1. Berpakaian dari kapas
2. Memakai haruman
3. Makan daging
4. Kerap mandi



Merosakkan Mata

1. Melihat orang dibunuh
2. Membelakangi kiblat
3. Memandang najis
4. Melihat kemaluan



Melemahkan Badan

1. Banyak minum ketika makan
2. Banyak makan bahan masam
3. Banyak bersetubuh
4. Selalu cemas



Ramadan

Satu Pentarbiahan Jiwa

Saban tahun umat Islam di seluruh dunia akan menyambut satu program agung yang dikhususkan kepada umat Nabi Muhammad s.a.w

(Lisa J. Amstutz, 2017).

Oleh yang demikian, kehadiran ramadan yang penuh dengan keberkatan ini perlu diberi perhatian yang serius oleh setiap individu muslim. Pelbagai persiapan boleh dilakukan sebagai persediaan untuk memasuki gerbang madrasah yang penuh dengan pelbagai ujian yang menguji kesabaran dan ketaatan kepada Allah. Hanya individu yang berjaya menundukkan hawa nafsu dan mendidiki jiwanya dengan amal soleh sahaja yang akan berjaya keluar sebagai graduan yang diiktiraf oleh madrasah ramadan. Premis kenyataan ini telah direkodkan dalam satu sabda Baginda s.a.w, daripada Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Tarmizi, Abu Daud, Nasai'e, Malik, Ahmad dan Baihaqi maksudnya:

"Sesiapa yang berpuasa ramadhan dengan penuh keimanan dan keikhlasan nescaya akan diampuninya segala dosanya yang telah lalu."

Tegasnya, untuk menjadi graduan yang berjaya menamatkan latihan melalui madrasah tersebut bukanlah satu perkara yang mudah seperti yang dituturkan oleh lisan. Sebaliknya, ia memerlukan kepada satu pengorbanan dan mujahadah yang tinggi untuk mengharungi ujian sebulan di bulan Ramadan. Puasa yang perlu dilakukan bukan hanya sekadar menahan lapar dan dahaga semata-mata tetapi ia menuntut kepada setiap individu untuk memelihara setiap anggota tubuh badan. Tambahan lagi dalam bulan ramadan tersebut, Allah s.w.t telah menganugerahkan kepada hamba-hambaNya yang terpilih iaitu satu malam yang diberkati yang dikenali sebagai lailah al-qadr. Namun begitu, malam istimewa tersebut telah dirahsiakan oleh Allah s.w.t sebagai satu program rabbani yang cukup hebat yang tidak dikurniakan kepada umat terdahulu



SHUHAIRIMI BIN ABDULLAH
iKOM, UniMAP

Pemergian bulan Sha'ban dan kedatangan bulan Ramadan senantiasa dinanti-nanti oleh setiap individu muslim untuk menyucikan jasad dan rohnya dari segala kekotoran yang bersifat ma'nawiyah. Ramadan dari sudut falsafahnya adalah merupakan satu madrasah tarbiyyah rohani untuk melahirkan individu manusia kembali kepada fitrahnya. Justeru itu, apabila individu tersebut hidup selari dengan fitrahnya maka secara tidak langsung ia akan melambangkan kepatuhan yang tinggi darjahnya terhadap Allah s.w.t sebagai hamba.

Telah menjadi kelaziman manusia untuk hidup dalam keadaan yang selesa dan sejahtera. Namun begitu, konotasi kepada keselesaan dan kesejahteraan tersebut bukan diukur daripada indikasi hawa nafsu tetapi perlu kepada bimbingan pedoman takaran wahyu. Manusia yang hidup dengan berkiblatkan hawa nafsu senantiasa tidak pernah merasa puas dengan nikmat kurniaan Ilahi bahkan seringkali bertindak melampaui batasan lingkaran agama. Natijahnya, timbul salah laku dalam kehidupan manusia semata-mata untuk memenuhi dan mematuhi godaan hawa nafsu yang dikuasai oleh syaitan.

Oleh yang demikian, timbullah perasaan iri hati, dengki, tuduh menuduh, syak wasangka, tamak, pentingkan diri, materialistik dan pelbagai lagi nilai-nilai fasad yang merosakkan jiwa setiap insan. Sebagai analoginya, jiwa insan yang muflis dan tandus dengan nilai-nilai terpuji ditamsilkan sebagai kawasan tanah tandus, kering dan gersang yang tidak akan menumbuhkan tumbuhan yang baik dan subur.



untuk direbut oleh setiap individu muslim. Keistimewaan lailah al-qadr digambarkan jauh lebih baik daripada seribu bulan.

Seribu bulan itu bersamaan dengan 83 tahun.. Menurut ulama lailah al-qadr itu jatuh pada salah satu malam sepuluh yang terakhir daripada bulan Ramadhan (Nurul H. Maarif, 2007).

Setiap individu diingatkan bahawa jangan disia-siakan malam-malam terakhir di bulan Ramadhan dengan perkara-perkara tidak berfaedah, bahkan hendaklah diisi sepenuhnya dengan amalan soleh berdasarkan kepada kemampuan sebagai saham dan bekalan di dunia dan akhirat. Adalah terlalu dungu sekiranya kita bersifat ghafalah (lalai) dan alpa dengan tuntutan dunia dan tidak menghargai pemberian nikmat Allah yang melimpah ruah pada bulan tersebut.

Dari Sudut Bahasa dan Istilah

Puasa (bahasa Arab: صوم) dari sudut bahasanya bermaksud menahan diri. Daripada sudut istilah syara' pula merujuk kepada menahan diri daripada makan atau minum untuk suatu jangkamasa tertentu. Dengan kata lain, puasa difahami sebagai menahan diri daripada makan dan minum serta segala perbuatan yang boleh membatalkan puasa, mulai dari terbit fajar sehinggalah terbenam matahari. Secara tidak langsung, setiap individu yang berpuasa dilarang sama sekali melakukan perbuatan seperti menipu, mengumpat, memfitnah, mengeluarkan kata-kata buruk atau sia-sia, serta bertengkar atau bergaduh. Ini kerana puasa merupakan medan latihan memupuk kesabaran, kejujuran serta bertolak ansur sesama sendiri.

Dalam tempoh sebulan tersebut, umat Islam digalakkan untuk menahan diri dan mengawal keinginan hawa nafsu dan juga perkara-perkara duniawi. Setiap individu muslim dianjurkan supaya bermuhasabah, berdialog dengan hati nurani dan banyak berkomunikasi dengan Allah. Melalui amalan berpuasa, umat Islam dilatih supaya sentiasa perihatin dengan komuniti sekelilingnya lebih-lebih lagi saudaranya.


Berpuasa juga dapat menyuburkan semula nilai-nilai terpuji dalam diri pelakunya. Adalah menjadi harapan kita agar kesemua nilai yang baik ini dapat dipraktikkan dalam seluruh kehidupan. Tuntutan ini ditegaskan dalam satu firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, telah diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana telah diwajibkan ke atas umat-umat yang sebelum kamu, semoga kamu menjadi orang-orang yang bertaqwa. (al-Baqarah: 183)

Begitu juga dengan hadith Rasulullah s.a.w melalui sabdanya yang diriwayatkan oleh Ahmad, an-Nasa'i dan al-Baihaqi dari Abu Hurairah, yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu bulan ramadhan bulan yang penuh berkat. Allah telah fardhukan ke atas kamu berpuasa padanya. Sepanjang bulan ramadhan itu dibuka segala pintu Syurga dan ditutup segala pintu Neraka serta dibelenggu segala sayaitan.....”

Tuntutan Kesempurnaan Puasa



Apabila dikupas berkaitan bulan ramadhan secara tidak langsung ia mempunyai perkaitan yang istimewa dengan ritual amalan berpuasa yang disyariatkan didalamnya. Ia menjadi

kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan dan telah termaktub sebagai salah satu daripada rukun Islam.

Pelaku yang meninggalkan amalan tersebut dengan sengaja dikira sebagai satu pelanggaran tanggungjawab agama dan melakukan satu dosa besar. Bahkan ia tidak boleh ditebus dalam apa jua cara. Amaran keras ini diperingatkan dalam satu hadith Nabi Muhammad s.a.w yang bermaksud:

“Sesiapa berbuka satu hari pada bulan ramadhan tanpa ada rukhshah (keringanan) dan tidak juga kerana sakit, dia tidak akan dapat melunas (mengganti) puasa yang ditinggalkannya itu, sekalipun dia berpuasa seumur hidup.”

(Tirmidzi, Abu Daud, Nasa'i, Ibnu Majah dan Ibnu Khuzaimah)

Oleh yang demikian, menginsafi daripada penegasan dan amaran yang telah direkodkan oleh hadith, setiap individu muslim tidak boleh memandang remeh terhadap amalan tersebut. Amalan tersebut perlu dilakukan sebagaimana yang telah diperintahkan oleh Nabi s.a.w. Mana-mana individu yang didapati secara lewa melaksanakan tuntutan tersebut atau sengaja tidak melakukannya akan dikenakan azab yang pedih pada hari pembalasan kelak. Kedangkalan manusia untuk memahami falsafah dan pensyariatian berpuasa menyebabkan mereka merasakan amalan berpuasa hanyalah bersifat budaya dan bukannya difahami sebagai tuntutan atau arahan yang bersifat agama yang tidak boleh dikompromi sebagai ibadah dalam rukun Islam yang lain.

Tuntutan kepada setiap individu berpuasa bukan hanya sekadar menahan makan dan minum semata-mata. Pada hakikatnya, ia seolah-olah kelihatan seperti menahan daripada aspek fizikal sahaja. Dari sudut falsafahnya, ia menuntun kepada setiap individu untuk memelihara semua anggota pancaindera zahir dan batin supaya tunduk mengabdikan secara sepenuhnya kepada

Allah s.w.t. Melalui pendekatan ini dan petunjuk Nabi Muhammad s.a.w yang menjelaskan bahawa sesungguhnya puasa itu sebagai perisai atau pelindung yang ampuh kepada manusia daripada terbukanya pintu-pintu kejahatan.

Pada hakikatnya, amalan berpuasa merupakan arahan Allah dan hanya untuk Allah. Namun, jika dilihat melalui mata hati ternyata ritual berpuasa mempunyai falsafah yang bersifat kemanusiaan. Sebagai contoh, dalam bulan ramadan setiap individu muslim dikehendaki untuk menyemak dan memperbaiki tingkah laku budi pekertinya sama ada secara personal ataupun sosial. Tambahan lagi dalam masyarakat kita yang pelbagai etnik dan agama barangkali ada tindakan-tindakan yang dilakukan bersifat zalim, menindas, berlakunya diskriminasi, tidak berintegriti, tidak beretika dan sebagainya yang boleh memberi impak kepada mana-mana individu ataupun komuniti yang lebih besar.

Menginsafi hakikat tersebut, dengan mengambil semangat pesta kebaikan, kerahmatan dan keberkatan yang ada pada bulan ramadan untuk memperbetulkan budi pekerti supaya aura kebaikan yang ada pada diri kita dapat dimanfaatkan kepada keluarga terdekat dan masyarakat amnya.

Tegasnya, amalan berpuasa secara sempurna dapat membantu manusia untuk meleraikan ikatan shahwah (hawa nafsu) yang membelenggu manusia untuk melakukan perkara yang keji dan jahat. Indikasi kepada mafhum ini dapat difahami melalui petunjuk daripada Allah s.w.t maksudnya:

“Dan siapakah orang yang lebih sesat berbanding orang yang menurut hawa nafsunya tanpa ada petunjuk daripada Allah s.w.t. (al-Qasas:50)

Natijah daripada pengertian ayat tersebut memprojeikan bahawa akibat manusia yang terlalu menurut kehendak hawa nafsu akan menzahirkan nilai-nilai negatif dalam diri seperti tamak, mementingkan diri sendiri yang bersarang di dalam hati.

Secara implisitnya, ia akan membentuk tembok penghalang pandangan atau pandangan yang kabur seperti orang yang melihat dari sebalik cermin yang gelap (lihat al-Awa'iq: 61).

Barangkali yang lebih malang lagi ialah tembok-tembok yang dibina tersebut menjadi penghalang daripada sinar hidayah daripada Ilahi. Pada kemuncaknya, ia akan melahirkan individu-individu yang mengagungkan nilai-nilai haiwan daripada nilai-nilai rabbani. Realitinya iman yang berkualiti tidak dapat bertahan lama pada hati dibelenggu dengan maksiat. Malah yang lebih malang lagi apabila hati menjadi mati

untuk menerima hidayah daripada Allah.

Tegasnya, peringatan ini turut disentuh oleh Saidina `Ali R.A yang menegaskan bahawa bahaya penyakit yang dibimbangi berlaku terhadap manusia iaitu panjang angan-angan dan menurut hawa nafsu. Hal yang demikian disebabkan panjang angan-angan akan menuntaskan kepada simptom lupa kepada hari akhirat dan ,menurut hawa nafsu yang boleh mengundang kepada penghalang daripada menerima kebenaran dan kebaikan.

Justeru itu, Imam al-Ghazali telah menggariskan kewajipan-kewajipan batiniyah puasa yang perlu dipenuhi, antara lain seperti berikut:

- Memejamkan mata dan menahannya daripada meluaskan pandangan kepada segala perkara yang tercela dan dibenci oleh agama dan juga kepada segala sesuatu yang boleh mengganggu hati, serta melalaikannya daripada mengingati Allah s.w.t.

- Memelihara lidah daripada bercakap-cakap yang kosong, bohong, mengumpat, membuat fitnah, bercakap kotor, menimbulkan permusuhan dan mengucapkan kata-kata ria'.

- Memelihara pendengaran daripada mendengar hal-hal yang dilarang dan dibenci, sebab setiap yang haram diucapkan, haram pula didengarkan. Oleh itu, Allah s.w.t telah menyamakan pendengaran kepada sesuatu seperti dengan memakan barang-barang yang diharamkan, sebagaimana dalam firman-Nya yang

bermaksud:

“Mereka sangat suka mendengar perkara yang bohong dan memakan barang yang haram.” (al-Maidah:42)

- Memelihara seluruh anggota tubuh badan yang lain daripada membuat dosa, dan memeliharanya juga daripada segala yang dibenci. Demikian pula menahan perut daripada makan makanan syubhah waktu berbuka puasa. Kerana apalah gunanya berpuasa daripada memakan makanan yang halal, kemudian bila berbuka pula, dia memakan makanan yang haram.

- Janganlah membanyakkan makan waktu berbuka puasa, sekalipun daripada makanan yang halal, sehingga perutnya terlampau kenyang, kerana tidak ada bekas yang paling dibenci Allah s.w.t daripada perut yang penuh dengan makanan yang halal.





Kesimpulan

Kedatangan ramadan pada kali ini perlu dipenuhi dengan amalan-amalan yang berfaedah dan boleh memberi keuntungan kepada setiap individu. Bulan ramadan adalah merupakan satu proses kepada setiap individu muslim untuk bermuhasabah dan bermujahadah untuk melawan hawa nafsu sebagai latihan untuk mendekat diri kepada Allah s.w.t.

Ramadan al-Karim juga merupakan satu sekolah untuk mendidik dan mencanai jiwa kita untuk mengenali diri dan meleburkan keegoan yang telah lama bersarang dan terpahat dalam hati sanubari. Bulan ramadan bukanlah satu bulan untuk kita bersuka ria dan berpesta dengan variasi makanan yang pelbagai untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu. Sebaliknya, Ramadan menuntut kita untuk kembali kepada fitrah dan mengakui bahawa kita adalah hamba dan Allah adalah tuan Rabb al-Jalil.


Namun begitu, kebimbangan terhadap amalan berpuasa ini juga timbul sekiranya umat Islam terpengaruh dengan stigma bulan ramadan sebagai acara ibadah tahunan. Keghairahan masyarakat Islam dilihat lebih bersemangat untuk melaksanakan ibadah, berinfaq, memberi makan kepada anak-anak yatim dan faqir miskin dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, apabila berlalunya ramadan, masjid pun menjadi sepi, sifat individualistik semakin menjadi, fitnah, umpat mengumpat menjadi sajian utama setiap hari. Umat Islam mula alpa dengan nilai-nilai agama dan pesan-pesan nabi. Sehingga apabila ramadan mula jauh meninggalkan kita sedikitpun tidak meninggalkan kesan daripada latihan yang dilalui melalui madrasah ramadan.

**Bila melihat alam yang indah ini,
Boleh jadi kamu membenci sesuatu,
padahal ia amat baik bagimu,
dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu,
padahal ia amat buruk bagimu;
Allah mengetahui,
sedang kamu tidak mengetahui.**

(QS. Al Baqarah 2:216)

Panduan Membawa Kanak-kanak ke Masjid



MOHAMAD ABDUL KADIR BIN SAHAK
Bahagian Buhuth & Istinbath Jabatan Mufti Perlis

Pendidikan awal pada usia kanak-kanak memberi pengaruh yang amat besar di dalam pembentukan diri seseorang. Kerana itu Nabi s.a.w telah memerintahkan para ibu bapa mendidik anak-anak mereka untuk mendirikan solat bermula umur 7 tahun.

Baginda s.a.w bersabda:

Maksudnya: "Suruhlah (didiklah) anak-anakmu dengan solat ketika mereka berumur 7 tahun, pukullah mereka jika tidak menunaikan solat ketika berumur 10 tahun."
(HR Ahmad 2/187, Abu Daud 495 dan al-Tirmizi 407, kata beliau: Hadis Hasan Sahih)

Termasuk dalam memberi didikan kepada kanak-kanak ialah membiasakan mereka dengan masjid sehingga jantung hati mereka bertaut kuat kepadanya. Justeru di bawah ini disertakan panduan kepada umat Islam dalam permasalahan membawa kanak-kanak ke masjid:

1) Jemaah masjid terutamanya AJK masjid hendaklah bersikap mesra dan lunak dengan para jemaah termasuk kanak-kanak.

Mereka sepatutnya berusaha mendekatkan orang ramai ke masjid bukan menjauhkan mereka dari masjid.

2) Terdapat hadis yang membuktikan boleh membawa kanak-kanak masuk ke dalam masjid, antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Abu Qatadah al-Ansoriy:

Maksudnya: "Bahawa Rasulullah s.a.w pernah menunaikan solat dalam keadaan baginda mendukung Umamah binti Zainab binti Rasulullah s.a.w, (cucu baginda hasil dari perkahwinan Zainab) dengan Abi al-'Ash bin Rabi'ah bin 'Abd Syams. Apabila baginda sujud, baginda meletakkannya, apabila baginda bangun baginda mendukungnya semula." Dalam riwayat lain Abu Qatadah berkata: "Aku pernah melihat Nabi s.a.w mengimamkan orang ramai, sedang Umamah binti Abi al-

'Ash di atas bahu baginda."
(HR al-Bukhari 516 dan Muslim 543)

'Aisyah RA pula berkata:
Maksudnya: "Rasulullah s.a.w pernah melewati 'Isyak ke dalam waktu 'Atamah sehingga 'Umar berseru: "Sesungguhnya telah tertidur para wanita dan kanak-kanak."
(HR al-Bukhari. Seumpama hadis ini juga diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas, di sisi al-Bukhari dan Muslim).

Al-Imam al-Bukhari menjadikan untuk hadis ini Bab Wudhu al-Sibyan...seinggalah perkataannya: "Dan kehadiran mereka dalam jemaah (solat), solat hari raya dan jenazah demikian juga berkaitan saf-saf mereka." Ini menunjukkan al-Imam al-Bukhari memahami bahawa kanak-kanak hadir di masjid di zaman Nabi s.a.w.

Selain itu lafaz Sibyan yang bermaksud kanak-kanak adalah umum merangkumi kanak-kanak kecil dan besar. Ada yang berpandangan bahawa perkataan 'Umar itu memaksudkan kanak-kanak telah tertidur di rumah-rumah mereka. Namun pandangan ini tertolak kerana jika benar seperti yang didakwa, maka tidak ada keperluan 'Umar menyebutnya. Sebaliknya 'Umar menyebut mereka kerana simpati dengan kanak-kanak yang tidak dapat bersabar menunggu, sehingga tertidur.

3) Pakaian dan badan kanak-kanak adalah suci selama tidak diketahui adanya najis. Oleh itu tidak boleh melarang kanak-kanak ke masjid hanya kerana andaian mereka menanggung najis.

4) Melarang kanak-kanak ke masjid dengan alasan mereka akan mengganggu orang-orang dewasa menunaikan solat dengan teriakan, jeritan dan bermain adalah tertolak.

Ini kerana kanak-kanak Mumayyiz boleh dididik dan diajar agar menjaga adab di dalam masjid agar tidak berbuat bising, tidak mengganggu orang lain dan seumpamanya.

Namun jika berlaku keadaan sebaliknya, maka yang bersalah adalah para ibu-bapa dan penjaga yang lalai dalam memberi peringatan kepada kanak-kanak berkaitan adab-adab di dalam masjid. Demikian juga tindakan sebahagian jemaah masjid yang mengkhususkan kanak-kanak di saf belakang adalah diantara punca utama mereka bermain dan mengganggu jemaah yang sedang menunaikan solat.

Kedadaan ini dapat dibendung sekiranya setiap kanak-kanak menunaikan solat bersebelahan dengan penjaganya. Perkara ini wajib diberi perhatian oleh para jemaah, AJK masjid dan ibu-bapa. Jika ia tidak ditangani dengan bijaksana, ia bakal menyebabkan wujudnya masalah dengan kanak-kanak di masjid.

5) Harus kanak-kanak berada di dalam saf bersama orang dewasa dan solat bersama dengan mereka.

Inilah pandangan yang Rajih dan bertepatan dengan pandangan majoriti ulama. Antara dalil dalam perkara ini ialah hadis daripada Anas bin Malik RA yang berkata:

Maksudnya: "Bahawa nenek Anas bin Malik RA bernama Mulaikah RA pernah menjemput Rasulullah s.a.w menjamah makanan yang disediakan, lalu baginda memenuhi jemputan tersebut dan menjamah makanan tersebut. Setelah itu Rasulullah s.a.w bersabda: "Bangunlah kamu semua, kita solat bersama." Kata Anas: "Lalu daku bangun ke tikar yang telah kehitaman warnanya disebabkan telah lama digunakan, lalu aku memercikkan air di atasnya. Rasulullah s.a.w berdiri (di hadapan) sedang seorang yatim berdiri bersama denganku (dalam satu saf). Manakala nenekku berada di belakang, lalu baginda menunaikan solat 2 rakaat bersama dengan kami." (HR al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan kanak-kanak boleh berada dalam saf yang sama dengan orang dewasa berdasarkan perkataan Anak bin Malik: "...sedang seorang yatim berdiri bersamaku (dalam satu saf)" di belakang Nabi s.a.w. Yatim adalah seorang kanak-kanak yang kematian bapa ketika belum mencapai umur baligh.

6) Membiarkan kanak-kanak berada di dalam saf bersama orang-orang dewasa dapat memberi galakan kepada mereka untuk menunaikan solat dan tidak mengganggu Jemaah.

Demikian juga membiasakan diri mereka pergi berjemaah ke masjid.

7) Ibu-bapa yang membawa anak-anak ke masjid bertanggungjawab memastikan terlebih dahulu anak mereka tidak mengganggu para Jemaah yang beribadat.

Kerana itu, umur kanak-kanak yang sudah mumayyiz dan boleh memahami arahan adalah had minima kanak-kanak dianjurkan untuk dibawa ke masjid. Para ibu bapa juga perlu mendidik dan memperingatkan anak-anak yang hendak dibawa ke masjid akan kemuliaan masjid dan menghormati orang yang sedang beribadat. Membawa anak-anak ke masjid yang hanya akan mengganggu orang ramai menunaikan solat adalah perkara yang tidak wajar berlaku. Hal ini hendaklah diambil perhatian sepenuhnya oleh Ibubapa. Nabi s.a.w pernah mendengar sebahagian jemaah yang menguatkan bacaan al-Qur'an di dalam masjid, lalu baginda bersabda:

Maksudnya: "Jangan sebahagian daripada kamu menjaharkan bacaan al-Qur'annya (sehingga terganggu) ke atas sebahagian yang lain." (HR Ahmad 5326. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam Ialah al-Masajid)

Dalam hadis yang lain, baginda bersabda:

Maksudnya: "Jangan sebahagian kamu menyakiti sebahagian yang lain (dengan mengganggu mereka ketika beribadah)." (HR Abu Daud. Dinilai Sahih oleh al-Albani di dalam al-Silsilah al-Sahihah)

Hadis-hadis ini menunjukkan setiap perkara yang boleh mengganggu orang-orang yang solat, maka perkara itu adalah dilarang.

8) Jika seorang kanak-kanak yang telah mencapai umur Mumayyiz mendahului orang lain ke saf hadapan sekalipun saf pertama, maka tempat itu menjadi haknya.

Tiada siapa yang boleh memindahkannya dari saf tersebut berdasarkan pandangan yang lebih Rajih. 'Abdullah bin 'Umar RA berkata:

Maksudnya: "Nabi s.a.w melarang seorang lelaki membangunkan saudaranya dari tempatnya, lalu dia duduk di tempat saudaranya itu." (HR al-Bukhari dan Muslim) Maka seorang kanak-kanak yang mumayyiz termasuk dalam kategori ini.

9) Menghalang dan menjauhkan kanak-kanak dari saf orang-orang dewasa di dalam masjid seperti yang dilakukan oleh orang ramai bakal mewujudkan keburukan-keburukan yang banyak.

Perbuatan ini jelas menyalahi amalan para al-Salaf al-Soleh yang tidak menjauh dan tidak mengasingkan kanak-kanak dari saf orang-orang dewasa. Jika mereka mengasingkannya sudah tentu perkara itu diketahui, masyhur dan diamalkan dari zaman ke zaman sama seperti diasingkan saf wanita dari saf lelaki.

Adapun berkaitan sebahagian riwayat hadis yang ada menunjukkan terdapat al-Salaf al-Soleh yang menempatkan kanak-kanak di bahagian belakang masjid, maka perbuatan ini boleh difahami ia semata-mata pandangan segelintir kecil dari kalangan mereka, atau boleh juga difahami pengasingan itu untuk kanak-kanak yang masih tidak tahu menunaikan solat.

10) Hadis Nabi s.a.w yang bersabda: Maksudnya: "Hendaklah menghampiriku mereka yang dewasa dan cerdik, kemudian yang berikutnya dan kemudian yang berikutnya."

Hadis ini bukan membawa maksud membelakangkan kanak-kanak dari berada di saf hadapan bersama orang dewasa. Sebaliknya ia berupa satu anjuran kepada orang dewasa dan bijak untuk bergerak awal ke hadapan dan menghampiri imam.

Wallahu a'lam.

Kebaikan mengajar dan memperdengarkan ayat-ayat Al-Qur'an kepada kanak-kanak



CIK NOR KHAIRINA BINTI HASSAN
Pusat Islam UniMAP

Seringkali kita terdengar kanak-kanak mengigau semasa tidur dan terjaga semasa tidur dan ini mengganggu masa tidur kanak-kanak terutama kanak-kanak dalam peringkat umur 1 hingga 4 tahun.

Apabila kekurangan waktu tidur, kanak-kanak akan mengantuk dan letih dan ini menyebabkan gangguan untuk menjalankan aktiviti harian terutamanya apabila kanak-kanak di Taska atau Tadika.

Selain suasana yang aman, sunyi dan tempat tidur yang selesa, sebenarnya memperdengarkan ayat-ayat suci al-Qur'an ialah antara cara untuk memberikan kanak-kanak tidur dengan aman dan selesa. Bacaan al-Qur'an juga dapat meningkatkan IQ kanak-kanak dan sebagai pendering dari gangguan makhlus halus.

Menurut Dr. Nurhayati dari Malaysia yang mengemukakan hasil penelitiannya tentang pengaruh bacaan al-Qur'an dapat meningkatkan IQ bayi yang baru

lahir dalam sebuah Seminar Kaunseling dan Psikoterapi Islam. Ada juga kajian yang memberi maklumat mengenai bayi yang berusia 48 jam saja akan menunjukkan reaksi wajah yang ceria dan lebih tenang apabila diperdengarkan bacaan al-Qur'an.

Tidak kira samaada bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an ini diperdengarkan dengan menggunakan CD, radio atau bacaan dari ibubapa atau guru sendiri, ia adalah amalan baik yang perlu diamalkan harian samaada semasa kanak-kanak di Pusat Penjagaan atau di rumah.

Seperti yang diamalkan oleh Taska, Tadika dan Transit Pewaris Generasi UniMAP, guru yang memperdengarkan bacaan ayat suci al-Qur'an kepada kanak-kanak, menjadikan kanak-kanak lebih tenang dan nyaman ketika tidur dan apabila mereka bangun dari tidur, mereka akan lebih tenang, cukup rehat dan berkelakuan baik. Mereka juga tidak agresif dan menangis apabila bangun tidur. Kanak-kanak juga dapat menghafal ayat-ayat suci al-Qur'an secara perlahan-perlahan apabila sering mendengar ayat-ayat ini.

Bacaan ayat-ayat al-Qur'an ini juga dapat menimbulkan rasa cinta kepada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w dalam diri kanak-kanak. Bacaan al-Qur'an ini ialah bekalan kanak-kanak untuk diakhirat. Bacaan al-Qur'an mampu merangsang saraf-saraf otak kanak-kanak.

Ibu yang mengandung juga dinasihatkan supaya memperdengarkan bacaan al-Qur'an kepada bayi di dalam rahim supaya lebih tenang dan tidak risau untuk melahirkan anak. Konsentrasi dan otak bayi akan lebih kuat apabila sering didengarkan bacaan al-Qur'an walaupun anak-anak masih di dalam kandungan.

Bacaan al-Qur'an juga dapat melembutkan hati kanak-kanak yang degil dan sentiasa marah. Ada sebahagian

kanak-kanak yang sangat cepat beremosi dan degil tidak mahu mendengar kata ibubapa dan guru. Salah satu cara supaya mereka mudah mendengar kata dan tidak beremosi ialah selalu memperdengarkan ayat-ayat al-Qur'an kepada mereka semasa tidur ataupun semasa menjalankan aktiviti harian samaada di rumah, pusat penjagaan ataupun di dalam kereta.

Pada awal tahun ini juga tular di media sosial mengenai kanak-kanak lelaki yang baru berusia dua tahun tetapi sudah berjaya menghafal al-Qur'an sebanyak 42 Surah. Ibu kanak-kanak tersebut mengatakan anaknya sudah mendengar bacaan al-Qur'an dari dalam kandungan lagi dan mula menghafal ayat-ayat al-Qur'an dari berumur 11 bulan.

Perkara ini tidak mustahil kerana semasa kecil, otak kanak-kanak masih kosong dan mudah untuk menghafal apa sahaja yang diajar termasuk ayat-ayat al-Qur'an. Antara kaedah penghafalan ialah sentiasa memperdengarkan ayat al-Qur'an samaada di dalam rumah atau di dalam kereta dan memperkenalkan surah-surah pendek dahulu kepada anak-anak untuk mereka mudah menghafal.

Ibubapa perlu juga sentiasa memperdengarkan bacaan ayat al-Qur'an ketika anak sedang tidur kerana akan meningkatkan kemampuan memori anak mereka dan menjadikan mereka mudah untuk menghafal ayat al-Qur'an walaupun pada usia yang kecil. Seperti kata pepatah melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Pada usia yang kecil inilah ibubapa mampu mencorakkan anak-anak yang ibarat kain putih ini.

Al-Qur'an boleh merangsang minda anak-anak kecil seribu kali lebih hebat daripada produk-produk susu. Bukan sahaja IQ anak-anak yang kecil dapat dirangsang, malah IQ orang dewasa juga dapat dirangsang.

Membaca al-Qur'an adalah pedoman hidup manusia. Rasulullah s.a.w pernah bersabda, "Didiklah anak-anakmu dengan tiga perkara: mencintai Nabimu, mencintai ahlu baitnya dan membaca al-Qur'an kerana orang-orang

yang memlihara al-Qur'an itu berada dalam lindungan singgahsana Allah pada hari ketika tidak ada perlindungan selain daripada perlindungan-Nya, mereka beserta para NabiNya dan orang-orang suci."

(Hadith riwayat ath Thabrani)

Allah s.w.t berfirman: Sesungguhnya al-Qur'an ini memberikan petunjuk kepada jalan yang lebih lurus dan memberikan khabar gembira kepada orang-orang mukmin yang mengerjakan amal salih bahawa bagi mereka ada pahala yang besar (QS Al-Isra'[17]:9).

Pada 31 Oktober 2012 di Stadium Kompleks Sukan Negeri, Kuala Terengganu, seramai 9630 kanak-kanak daripada pelbagai institusi pendidikan prasekolah dikumpulkan dalam Majlis Khatam Program Pintar al-Qur'an 2012 peringkat Negeri.

Mereka membaca al-Qur'an dan menghafaz surah Yasin. Ramai kanak-kanak telah khatam al-Qur'an sejak program pintar al-Qur'an dilancarkan di Terengganu pada tahun 2006 dan ini memudahkan mereka ketika memasuki sekolah rendah dan proses pembelajaran al-Qur'an.

Mendedahkan anak-anak kepada al-Qur'an dari anak-anak kecil juga dapat membantu merangsang pertuturan dan membantu perkembangan anak-anak terutamanya perkembangan fisiologi mulut anak-anak kerana semasa membaca al-Qur'an, semua huruf perlu disebut dengan jelas. Oleh itu, anak-anak perlu menggerakkan otot-otot pada muka supaya boleh menyebut huruf yang tepat.

Kesimpulannya disini, terdapat banyak kebaikan mengajar dan memperdengarkan al-Qur'an kepada kanak-kanak dan hendaklah dimulai dari semasa anak-anak di dalam kandungan lagi. Tidak kira dimana sahaja, proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an ini dapat dijalankan. Samaada di rumah, Pusat Penjagaan, kereta ataupun semasa aktiviti anak-anak di luar.

Ibubapa hendaklah memainkan peranan penting menerapkan pengajaran al-Qur'an ini dari rumah dan guru juga perlu sentiasa menerapkan pengajaran al-Qur'an ini semasa anak-anak di Taska atau Tadika. Proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an ini perlulah diteruskan sehingga anak-anak meningkat dewasa supaya ilmu al-Qur'an ini dapat menjadi pembimbing mereka pada masa hadapan dan juga diakhirat kelak.



Peranan Wakaf di Institusi Pendidikan



MUHAMMAD ADIB BIN HASSAN
Pusat Islam UniMAP

Wakaf

merupakan salah satu cara ibadah atau cara menghampiri diri kepada Allah (taqarrub ilallah) menerusi harta kekayaan. Wakaf juga merupakan salah satu ibadah yang awal di dalam Islam yang diizinkan oleh syarak. Dengan itu amalan wakaf telah menjadi satu tradisi kepada para pemerintah dan hartawan-hartawan muslimin di abad-abad dan pertengahan Islam yang dilakukan secara meluas khususnya di negara-negara Arab dan Asia Tengah. Sehingga dikebanyakan negara Arab ditubuhkan satu kementerian khas untuk mengendalikan urusan harta wakaf – disebabkan harta wakaf yang terlalu banyak dan tidak terurus. -YWM



PENGERTIAN WAKAF

Bahasa: Berhenti, Menahan, Menghalang

Istilah/Syara': "Wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T"

Beberapa pengertian/definisi lain:

1) Definisi wakaf di sisi Abi

Hanifah:

Iaitu menahan sesuatu asset atau harta yang sah pemiliknya pewakaf dan bersedekah manfaatnya ke jalan kabajikan.

2) Definisi wakaf di sisi Jumhur Ulama':

Iaitu menahan barangan harta yang boleh dimanfaatkan serta kekal asetnya – dengan memutuskan guna pakai ke atas asset itu dari pihak pewakaf atau lainnya -ke arah kegunaan yang harus, – atau diguna pakai penghasilannya ke arah kebaikan dan kebajikan – kerana mendamping diri kepada Allah.

3) Definisi wakaf di sisi Mazhab Maliki:

Iaitu pemilik menjadikan manfaat yang dimilikinya – sekalipun dimilikinya dengan menyewa – ataupun dijadikan penghasilan seumpama wang – kepada yang memerlukan – dengan jalan berlafaz-untuk jangka masa yang ditetapkan oleh pewakaf. Dengan itu – wakaf di sisi Mazhab Maliki ialah tidak memutuskan hak pemiliknya pada asset yang diwakafkan -hanya memutuskan hak mengguna pakai sahaja.

DALIL PENSYARIATAN

a) Al-Qur'an

Surah Al-Baqarah, ayat 261:

Bermaksud: Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah

Maha Luas (rahmat) kurniaNya lagi Meluputi ilmu pengetahuanNya.

Surah Ali 'Imran, ayat 92:

Bermaksud: Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan suatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

b) HADITH NABAWIYAH

Dari Abu Hurairah RA., sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

"Apabila mati anak Adam, akan terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak yang soleh yang mendoakannya"

Hadith Riwayat Muslim

Hadith dari Ibnu Umar r.a.

Hadith dari Ibnu Umar r.a. dia berkata: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar lalu dia datang kepada Nabi s.a.w untuk minta pandangan tentang tanah itu, maka katanya yang bermaksud:

"Wahai Rasulullah sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, di mana aku tidak mendapat harta yang lebih berharga bagiku selain daripadanya, (walhal aku bercita-cita untuk mendampingkan diri kepada Allah Azzawajalla) apakah yang hendak engkau perintahkan kepadaku dengannya?"

Maka sabda Rasulullah s.a.w kepadanya yang bermaksud:

"Jika engkau hendak tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkan manfaatnya."

Maka Umar pun sedekahkan manfaatnya dengan syarat tanah (maukuf) itu tidak boleh dijualbeli, tidak dihibahkan (beri) dan tidak diwariskan (dipusakai). Tanah itu diwakafkan ke atas fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba sahaya, sabilillah, ibnissabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya yakni Nazir) untuk mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar dan mengambil upahnya tanpa mengangap bahawa tanah itu miliknya sendiri.

c) IJMA'

• Imam al-Qurthuby berkata: Sesungguhnya permasalahan wakaf adalah ijma (sudah disepakati) di

antara para sahabat Nabi; yang demikian kerana Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Aisyah, Fathimah, Amr ibn Al-Ash, Ibnu Zubair, dan Jabir, seluruhnya mengamalkan syariat wakaf, dan wakaf-wakaf mereka, baik di Makkah mahupun di Madinah, sudah dikenal masyhur oleh khalayak ramai. (Rujuk: Tafsir Al-Qurthuby: 6/339, Al-Mustadrah 4/200).

• Jabir berkata: Tiada seorangpun dari sahabat Nabi yang memiliki kemampuan dan kelapangan rezeki, kecuali pasti pernah mewakafkannya. (Rujuk: Al-Mughni 8/185, Al-Zarkasyi 4/269).

• Imam Tirmidzi menyatakan: Wakaf telah diamalkan oleh para ulama, baik dari kalangan sahabat Nabi mahupun yang lainnya, saya tidak melihat ada perbezaan pendapat di kalangan ulama mutaqqaddimin tentang bolehnya wakaf, baik wakaf tanah mahupun wakaf yang lain.? (Rujuk: Sunan Tirmidzi 5/13 setelah hadits no. 1375



WAKAF PENDIDIKAN

Masyarakat kita sering mengaitkan wakaf hanyalah wakaf masjid dan tanah kubur. Hakikatnya wakaf itu sendiri telah mengubah peranan dan konsep. Contohnya wakaf Pendidikan. Wakaf Pendidikan merupakan amalan yang telah lama dipraktikkan di beberapa negara dunia. Ianya sangat membantu dari segi pembangunan tamandun ilmu. Budaya ini sudah berkurun lamanya diamalkan di beberapa negara besar seperti Universiti Al Azhar Mesir, Universiti

al Fateh di Turki dan beberapa institusi Pendidikan di Malaysia antaranya KISAS, Madrasah Masriyah Bukit Mertajam dan Maktab Mahmud Alor Setar dan lain-lain. Peranannya telah membuktikan bahawa wakaf Pendidikan sangat penting untuk pembangunan ummah. Bahkan bukan Islam juga turut mendapat manfaat dari wakaf tersebut. Di negara barat wakaf di kenali sebagai endowment. Antara contoh terbaik yang boleh di lihat dengan kewujudan tabung endowment di univerti oxford.



SEJARAH WAKAF PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Wakaf pendidikan di Malaysia bermula di sekolah-sekolah pondok yang kemudiannya melahirkan madrasah-madrasah dan seterusnya mewujudkan sekolah-sekolah agama rakyat. Institusi pendidikan islam yang diwakafkan boleh dibahagikan kepada tiga kategori.

Pertama, Sekolah Agama Rakyat (SAR). Ia menerima sumber kewangan dari kerajaan pusat, negeri atau Majlis Agama Negeri dan ditadbir oleh rakyat atau guru dan didaftarkan sebagai sekolah persendirian di bawah hakmilik wakaf (sama ada sebagai rizab sekolah agama atau wakaf persendirian). Segala kos dan perbelanjaan ditanggung oleh pemilik. Dan sumber kewangan SAR juga perlu diusahakan sendiri. Namun seksyen 52 Akta Pendidikan 1954 membolehkan Menteri menghulurkan sumbangan kepada mana-mana institusi agama persendirian dalam bentuk bantuan per kapita untuk urusan pengajaran dan pembelajaran, bantuan modal membina/membaiki bangunan, bantuan kursus guru, bantuan perpustakaan, dan bantuan buku teks di bawah skim pinjaman buku teks.

Kedua, Sekolah Agama Negeri (SAN) yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan ditadbir oleh kerajaan negeri melalui Majlis Agama Negeri-negeri. Ketiga, Sekolah Agama Rakyat (SAR) di bawah pentadbiran Majlis Agama Negeri dan Zakat. Kategori kedua dan ketiga, merupakan sekolah bantuan kerajaan negeri dan dikawal, oleh MAIN (sbagai pemegang amanah) dan ditadbir sepenuhnya oleh MAIN dan diletakkan di bawah atnggungjawab bahagian sekolah agama. Kos pembangunan pula, tapak pembinaan dimiliki oleh MAIN disenaraikan sebagai rizab di Pejabat Tanah Galian dan Negeri. Tiada kos diperlukan bagi memperolehi tapak sekolah dana pembangunan diserahkan kpd MAIN (Ahmad Zaki et al. 2008).

Antara sekolah-sekolah Agama wakaf yang yang terkenal adalah:

Madrasah al-Attas di Negeri Pahang

Ia diwakafkan oleh Syed Hassan bin al-Attas. Matlamat penubuhan adalah untuk menyebarkan agama Islam dan bahasa arab kepada rakyat tempatan. Madrasah pertama yang dibina pada tahun 1860 adalah Madrasah al-Attas. Ia didirikan di atas tanah yang diwakafkan oleh al-Habib Hassan al-Attas. Dalam tempoh pembangunannya sekolah ini menghadapi pelbagai masalah terutamanya masalah kewangan. Pada tahun 1966 hingga kini madrasah al-Attas ini telah diserahkan kepada kerajaan negeri Pahang. Kini ia dikenali dengan nama sekolah Menengah Agama al-Attas. Al-Habib Hassan al-Attas kemudiannya berhijrah ke Johor dan menubuhkan satu lagi Madrasah al-Attas di sana pada tahun 1913.

Madrasah ini kekal sehingga kini dan ditadbir oleh waris-waris beliau. Majlis Trustee merupakan pemegang amanah bagi harta wakaf al-marhum al-Habib Hassan al-Attas berdasarkan wasiat al-marhum. Madrasah ini telah berperanan dalam mengembangkan bahasa arab di Johor. Bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa arab dan pelajarannya terdiri daripada pelajar di dalam dan di luar negeri Johor. Guru-gurunya didatangkan dari Yaman selatan, Mesir dan Indonesia.

Sebahagian pelajar dihantar ke Universiti al-Azhar di Mesir. Pada tahun 1970an madrasah ini telah menukar poisinya dengan menumpukan kepada pendidikan akademik sahaja bagi mengelakkan ia ditutup kerana masyarakat ketika itu kurang memberi sumbangan kepada pendidikan aliran arab dan agama. Pada tahun 1975, nazir Tuan Syed Ali al-Attas telah mengubah polisi dengan mengitegrasikan semua pelajaran agama dan arab dengan akademik. Tokoh-tokoh ulama yang Berjaya dilahirkan dari madrasah ini adalah Dato' Ahmad Awang (Mufti Johor), Dato' Murtadza Ahmad (Mufti Negeri Sembilan), Pehin Dato' Sri Utama Hj Ismail Umar Abdul Aziz (Mufti Brunei) dan Dato' Harusani Zakaria (Mufti Perak) (Ahmad Zaki et al. 2008).

Sekolah Agama Arab al-Masriyah, Bukit Mertajam

Sekolah ini ditubuhkan oleh Tuan Guru Hj Salleh al-Masri pada tahun 1906 berteraskan sistem pondok. Ia dibina di atas sebidang tanah yang diwakafkan oleh bapa mentuanya Tuan Haji Abbas serta beberapa orang hartawan di sekitar Bukit Mertajam. Sehingga kini tapak sekolah ini telah didaftarkan di atas nama Majlis Agama Pulau Pinang (MAIPP) oleh pewakaf dalam dan luar Negara.

Sistem pengajian di sini adalah dari peringkat Taska Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) hinggalah ke peringkat menengah. Ia ditadbir oleh keluarga Tuan Guru Hj Fuad, menantu kepada Tuan Hj Salleh al-Masri. Pentadbir dan pengurus sekolah dilantik oleh Jemaah Lembaga Pengawasan Sekolah di bawah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP). Pada tahun 2005 sekolah ini telah dinbatkan sebagai sekolah terbaik di Pulau Pinang oleh MAIPP dan juga telah mendapat pengiktirafan madrasah Thanawiah Malaysia dari Unversiti Madinah.

Pelajarbyang mendapat syahadah thanawiah dari seolah ini diterima untuk melanjutkan pelajaran tahun pertama di Universiti Madinah kecuali bagi Fakulti al-Qur'an yang mngenakan syarat tambahan iaitu pelajar mestilah seorang hafiz/hafizah.

Antara tokoh kelahiran sekolah ini adalah Tuan Syekh Hassan al-Yamani (bekas Mufti Terengganu), YB Dato' Hj Ishak Baharom (bekas Mufti Selangor), YB Dato' Hj Hashim Yahaya (bekas Mufti Wilayah Persekutuan), Tuan Hj Adnan Mohd Amin (bekas Kadi Melaka), Tuan Hj Ismail Hamzah (bekas Mufti Perak) dan ramai lagi (Ahmad Zaki et al. 2008).

Madrasah Khairiah Islamiah, Pokok Sena, Kepala Batas, Kedah

Ia merupakan sebuah institusi pendidikan menengah agama rakyat yang terkenal di Pulau Pinang. Ia diasaskan oleh Tuan Hj Hussin bin Hj Mohd Nasir al-Masudi (1863-1935). Setelah kematiannya, jawatan Mudir diambil alih oleh anak beliau, Tuan Hj Ahmad. Sekolah ini dibina di atas sekeping tanah seluas satu ekar di Pokok Sena, Kepala Batas yang diwakafkan oleh pengasas sekolah ini. Matlamat penubuhan sekolah ini adalah untuk mendidik dan menanamkan semangat kasihkan agama, bangsa dan tanahair di kalangan anak bangsa (Ahmad Zaki et al. 2008).

Madrasah Masyhor Al-Islamiyyah Pada tahun 1916, beberapa tokoh Islam di Georgetown telah mendirikan Sekolah al-Qur'an untuk kanak-kanak. Haji Bacik (seorang hartawan) telah mewakafkan tanahnya di Tek Soon Street bagi pembukaan Madrasah Masyhor al-Islamiyyah. Syed Syekh Bacik menjadi pentadbir sekolah ini. Sekolah ini mengajar agama dan bahasa Inggeris. Madrasah ini menjadi pusat pengajian Islam yang unggul tertamanya sepuluh tahun selepas perang dunia kedua dan menjadi saluran bagi penuntut ke luar negara. Madrasah ini menyediakan pendidikan percuma kecuali bayaran penginapan (Ahmad Zaki et al. 2008).

Maktab Mahmud

Sekolah ini diasaskan oleh al-Marhum DYMM Tunku Mahmud ibn al-Marhum Tunku Ahmad Tajuddin al-Mukarram Shah pada 16 Jun 1936. Matlamat penubuhan adalah untuk menjadikannya sebagai pusat penyebaran agama Islam, bahasa arab serta melahirkan tokoh-tokoh agama. Pengasas berpendapat bahawa

dia perlu menubuhkan sebuah sekolah yang setanding dengan sekolah Inggeris. Sistem pendidikannya adalah berdasarkan sistem pendidikan al-Azhar di Mesir.

Sekolah ini dibiayai oleh kerajaan negeri dan kerajaan pusat melalui kementerian pelajaran, juga hasil wakaf dari orang perseorangan berupa tanah bendang seluas 122 relung di tujuh kawasan berasingan dalam daerah Kubang Pasu, kedah. Sekolah ini mempunyai cawangan di Langkawi dan Yan. Pada tahun 2002 kerajaan pusat telah menahan bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama dan Maktab Mahmud telah mengambil alih semua sekolah agama yang hampir ditutup melalui Lembaga Pentadbiran Maktab Mahmud yang dipengerusikan oleh seorang exco negeri. Sekolah-sekolah tersebut dijadikan sebagai cawangan kepada Maktab Mahmud.

Tokoh yang lahir dari sekolah ini adalah Dato' Dr. Abdul Halim Ismail (tokoh Kewangan Islam), Dato' Dr Mashitah Ibrahim dan Datuk Paduka Diraja Sheikh Abdul Majid Mat Noor (bekas Mufti Kedah) (Ahmad Zaki et al. 2008).

Kolej Islam Malaya

Ia merupakan sebuah Maahad bertaraf Kolej Islam Malaya. Ia dibangunkan atas dasar wakaf dan derma dari umat Islam. Sultan Hisamudin Alam Shah telah mewakafkan Istana Selangor di Klang sebagai bangunan kolej. Pada 25 february 1955 kolej ini telah dilancarkan dan menerima 55 orang pelajar. Ia dipimpin oleh graduan al-Azhar dan Universiti Kaherah iaitu Ismail Omar Abdul Aziz. Kerajaan Republik Arab juga telah mengutus dua orang sarjana untuk menyumbangkan tenaga kepada kolej ini. Kolej Islam Malaya bertahan hingga tahun 1970 dan kemudiannya diganti dengan Kolej Islam Klang. Matlamat penubuhan Kolej Islam Malaya tetap diteruskan dan harta wakaf ini dipegang oleh Lembaga Bersekutu Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Malaysia (Ahmad Zaki et al. 2008).

Demikianlah contoh beberapa sekolah yang ditubuh berdasarkan wakaf di Malaysia pada peringkat awal. Pondok, sekolah, madrasah dan sekolah agama rakyat ini menjadi khazanah yang amat bernilai bagi umat Islam kerana berjasa mempertahankan akidah umat islam sejak zaman penjajahan di samping menjadi alternatif kepada sistem pendidikan kebangsaan. Institusi ini juga terus membekalkan tokoh-tokoh agama yang disegani dan diiktiraf sumbangan mereka oleh masyarakat dan agama.



SEDEKAH
dapat menghapuskan dosa
seperti air yang memadamkan api

-al-Hikmah-



**Kebaikan
tidak sama dengan
kejahatan.
Tolaklah kejahatan
itu dengan cara yang
lebih baik,
sehingga yang
memusuhimu
akan seperti teman
yang setia.**

(Q.S Fusshilat: 34)

MANFAAT PENERIMA DARI SUMBER WAKAF

Satu contoh yang terbaik yang telah dipraktikkan di Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment UPM (WAZAN) dengan mewujudkan tabung dana khas untuk pembelian sebuah kenderaan ambulan yang serbaguna yang boleh digunakan dalam apa jua keadaan dan apa jua tempat. Pelaksanaan ini mensasarkan selama setahun untuk mengumpul dana sebanyak RM 250,000.00 yang

telah di lancarkan pada 30 Mei 2017. Bayangkanlah ternyata tidak sampai tempoh tersebut dana yang telah diperolehi oleh WAZAN sudah mencukupi untuk membeli sebuah kenderaan sebagai bantuan untuk menyelamatkan staf dan mahasiswa ketika ditimpa musibah. Ini membuktikan ramai diluar sana ingin berwakaf kearah kebaikan sejagat.

Contoh Kedua adalah Wakaf Grand Bazar di Turki(disebut Capali Carsi dibina pada tahun 1455 oleh Sultan Mehmet II), Bazar ini mempunyai sebanyak 4000 gedung jualan dengan kunjungan sejuta pelanggan setiap hari. Kebanyakan dari peniaga memberi satu pertiga dari keuntungan untuk manfaat yang lain.

Sudah pastinya manfaat-manfaat itu akan digunakan untuk kebaikan kepada golongan fakir miskin atau mereka yang terdiri daripada golongan memerlukang. Begitulah murni falsafah wakaf yang disyariatkan Allah ta'ala.

KESIMPULAN

Kesimpulan wakaf perlu dilihat dari kontek yang besar. Fahaman wakaf bukan hanya sekitar pembinaan masjid atau tanah kubur. Ianya boleh dilaksanakan dalam pelbagai aspek pembangunan yang lain walaupun bukanlah dari aspek pendidikan. Dalam musafir ada elemen wakaf, dalam menjaga kepentingan haiwan-haiwan ada elemen wakaf, dalam apa juga aspek kehidupan yang melibatkan hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia pasti di sana ada agenda wakaf yang boleh dilaksanakan.

PENUTUP

Pada hari ini kita hidup dalam masyarakat yang hanya asyik mengumpul harta untuk diri sendiri. Kadang-kadang kita lupa akan kehidupan yang abadi di akhirat kelak. Dalam Islam sudah pastinya perkaitan antara dosa dan pahala, syurga neraka merupakan elemen yang membawa kita menentukan hala tuju kehidupan abadi. Salahkan kita menjadi sebagai seorang yang menanti di pintu syurga nan indah kerana sentiasa menjadi yang pertama dalam menyumbang wakaf untuk manfaat ummah?. Ingatlah Saidina Uthman R.A masih mempunyai akaun wakafnya yang telah dijadikan sebuah hotel di Madinah al Munawwarah dan hasil keuntungan dari wakaf tersebut setengahnya diberikan kepada fakir dan miskin dan setengah lagi disimpan atas nama Saidina Uthman dan dimanfaatkan untuk tujuan yang lain. Begitulah harmoninya peranan wakaf dalam membangunkan institusi umah. Hakikatnya manusia tidak perlu lokek dalam perkara yang memberi manfaat. Syeikh al Mutawalli Sya'rawi (meninggal 1998) yang merupakan ulama' tafsir yang hebat di Mesir mengatakan "Semua harta adalah hak Allah, manusia hanya diberi hak untuk mentadbir sahaja". Selagi mana harta wakaf itu digunakan, selagi itulah ganjaran pahala mengalirkan bagaikan air sungai yang tidak pernah kering sehingga yaumul qiyamah.

Oleh yang demikian, marilah kita merenung seketika sejauh manakah kita mewakafkan sebahagian dari harta yang kita ada untuk Islam, untuk manfaat orang-orang Islam serta manfaat manusiawi. Kerana dengan wakaf itulah yang menjadi aset kita di akhirat kelak. Wallahu ta'ala a'lam bisshawab.

Berwakafilah. Pasti Berkat

PERBEZAAN ZAKAT DAN WAKAF

ZAKAT

- Hukumnya adalah wajib, malah berstatus fardu kerana ia merupakan rukun Islam yang ketiga. Maka menunaikan zakat adalah wajib, berpahala menunaikannya dan haram jika ditinggalkan, serta berdosa besar.
- Zakat bererti, mengeluarkan harta tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu dan diagihkan kepada golongan atau mustahiq atau asnaf yang tertentu.
- Zakat hanya boleh dikeluarkan apabila pemilik harta sudah mempunyai harta melebihi keperluan dirinya dan tanggungannya yang wajib, dan harta itu juga melebihi atau mencapai paras nisab.
- Zakat juga ada lima syarat asas yang wajib dipatuhi iaitu Islam, merdeka, sempurna milik, cukup nisab dan cukup haul. Tidak boleh mengeluarkan zakat tanpa cukup syaratnya.
- Kanak-kanak yang di bawah usia akil dan baligh masih wajib mengeluarkan zakat hartanya, yakni dikeluarkan oleh penjaga atau ibu bapa mereka.
- Menunaikan zakat mesti dengan harta tertentu, misalnya disyaratkan ada unsur pengembangan (an-nama') ke atasnya, baharu wajib zakat. Maka tanah atau rumah yang tidak berkembang (tidak mendatangkan hasil), tidak wajib zakat.
- Penerima harta zakat (mustahiq atau asnaf) juga sudah tentu 8 sahaja iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil. Tidak boleh sama sekali menyalurkan harta zakat kepada bukan mustahiqnya, malah boleh membawa kepada tidak sah zakat berkenaan.
- Harta zakat mestilah didahulukan pengagihannya kepada mereka yang terdekat dan berada di sekitar tempat di mana ia diperolehi, maknanya ditegah daripada membawa keluar harta zakat melainkan dengan syarat yang ketat, misalnya ada keperluan yang terdesak di tempat lain.
- Harta zakat yang dikeluarkan oleh seseorang individu hendaklah disalurkan kepada orang yang di luar tanggungan wajibnya, misalnya tidak boleh anak dan isterinya memakan harta zakatnya.
- Zakat turut dikenakan kepada harta milik individu atau organisasi perniagaan yang bersifat perniagaan (syaksiyyah i'tibariyyah). Maka, jika harta yang diniatkan kepentingan umum, misalnya harta milik persatuan penduduk, masjid dan sebagainya, ia tidaklah dikenakan zakat.
- Zakat boleh diwakilkan kepada orang untuk ditunaikannya. Namun tidak boleh bagi seseorang itu mengeluarkan zakat bagi pihak orang lain dengan hartanya sendiri, melainkan dengan izin si pengeluar zakat. Malah, jika ditunaikan zakat dengan harta orang lain, ia dikira sudah menambahkan jumlah harta pemilik harta asal dan sekali gus meningkatkan jumlah zakatnya.
- Contoh : Si B kena zakat pendapatan RM 1000 daripada jumlah pendapatannya yang berjumlah 40,000. Tiba-tiba si A membayarkannya dengan izin si B daripada harta si A sendiri, maka harta si B bukan lagi RM 40,000 tetapi sudah menjadi RM 41,000 dan zakatnya bukan lagi RM 1000 tetapi RM 1025. $(RM40,000 + RM 1,000 \times 2.5 \% = RM 1,025)$

WAKAF

- Hukumnya adalah sunat dan termasuk salah satu urusan muamalat Islam (sama seperti jual beli). Maka, menunaikannya adalah sunat dan tidak berdosa jika tidak melaksanakannya.
- Wakaf bererti menyalurkan harta tertentu dengan niat untuk dimanfaatkan oleh orang ramai demi mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Semua orang boleh menikmatinya.
- Wakaf tidak ditentukan syarat mesti mencapai paras nisab, melainkan ia hanya sekurang-kurangnya melebihi keperluan diri sendiri dan tanggungannya sahaja, kerana tidak boleh memberikan sedekah (termasuklah wakaf) sehingga menzalimi diri sendiri dan tanggungan wajib.
- Wakaf mempunyai syarat lebih longgar, termasuklah dalam berwakaf, orang non-muslim juga boleh berwakaf, dengan syarat harta itu memang sempurna milik atas dirinya dan tidaklah ada syarat cukup nisab dan haul atasnya.
- Disyaratkan mereka yang mahu berwakaf, mestilah sudah sampai usia baligh dan berakal, dan inilah pandangan di sisi As Syafie. Maka, anak-anak kecil tidak boleh berwakaf.
- Tidak disyaratkan jenis harta tertentu, maka seseorang boleh mewakafkan apa sahaja hartanya, sama ada dalam bentuk hartanah, harta beku mahupun wang tunai, asal sahaja harta itu halal dan membawa faedah.
- Penerima manfaat harta wakaf tidak disyaratkan muslim atau golongan tertentu sahaja. Maknanya semua pihak boleh menerima manfaat dari harta wakaf.
- Tidak dikenakan sebarang syarat dalam menyampaikan manfaat wakaf, kerana ia memang diniatkan untuk semua orang bagi mendapat kebajikannya, maka semua pihak termasuk yang berada di luar negara boleh menikmati hasilnya.
- Harta wakaf sebaliknya boleh diwakafkan secara wakaf ahli, yakni untuk ahli keluarga atau keturunannya sendiri, dan mereka berhak menikmatinya.
- Zakat masih dikenakan kepada harta wakaf ahli, kerana ia masih bersifat 'satu harta' dengan disandarkan kepada konsep harta bercampur (harta khultah). Namun zakat tidaklah dikenakan ke atas harta yang diwakafkan untuk wakaf khairi (kebijakan orang luar dari ahlinya atau wakaf umum).
- Wakaf juga boleh diwakilkan kepada orang lain, malah boleh juga bagi seseorang itu untuk menunaikan ibadah wakaf bagi orang lain tanpa diketahui pun oleh orang berkenaan. Misalnya si A mewakafkan hartanya atas nama si B, maka ia dianggap sah tanpa sebarang halangan di sisi syarak.

PROJEK WAKAF

PEMBANGUNAN MASJID DAN PUSAT ISLAM

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Berwakafilah
kerana ia adalah **Amal Jariah**
yang akan terus
Hidup di dunia
dan akhirat



Pembinaan Masjid dan Pusat Islam Unimap secara berperingkat dengan dana Wakaf berjumlah RM38juta di Unimap Kampus Pauh Putra.



Kemudahan lain yang disediakan adalah seperti ruang pejabat, bilik mesyuarat, bilik ceramah dan bilik pengurusan jenazah



Penyertaan terbuka kepada semua melalui kaedah yang berikut
1. Kaunter Wakaf (Tunai/Cek)
2. Kemudahan Bank Islam
3. Skim Potongan Gaji (staf UniMap sahaja)



BANK ISLAM
Akaun Wakaf
09010010075043

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi : Pusat Islam Universiti Malaysia Perlis

PUSAT ISLAM UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS MERAKAMKAN

Sekalung Penghargaan
kepada

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS (MAIPs)